



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan [Ruangan 765]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 [Ruangan 765]

Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 4) [Ruangan 828]

Rang Undang-undang Cukai Spekulasi Tanah (Pindaan) [Ruangan 838]

Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) [Ruangan 844]

Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan [Ruangan 860]

Rang Undang-undang Cukai Perjudian (Pindaan) [Ruangan 877]

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS [Ruangan 891]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL PERTAMA

Hari Jumaat, 17hb Januari, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. Gabriel (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P. (Perak).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB (Kelantan).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., S.M.P., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN OOI ENG HONG, S.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR. C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIK HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ DATUK SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan, TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kota Setar).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara : Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha : Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha : Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha : Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting : Yahya Manap.

Penolong Penyunting : P. B. Menon.

Penolong Penyunting : Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai pertimbangan atas semua sekali urusan yang dibentangkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai pertimbangan atas semua sekali urusan yang dibentangkan dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat Dewan ini hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1975

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (16hb Januari, 1975).

Perbahasan disambung semula.

2.33 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin memberi penerangan dan jawapan kepada Dewan ini tentang perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Dewan dalam bahasan Anggaran Belanjawan Tahun 1975 ini. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dengan menarik perhatian Dewan kepada kerja-kerja dan rancangan-rancangan yang dilaksanakan oleh Kementerian ini. Pada amnya saya dapati banyak sokongan yang diberi kepada usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian ini untuk menambah pengeluaran pertanian, ternakan dan perikanan, lebih-lebih lagi usaha untuk meninggikan bukan sahaja pendapatan petani-petani, peladang-peladang dan nelayan-nelayan, tetapi juga taraf penghidupan masyarakat luarbandar dengan didikan latihan dan pimpinan melalui kelas-kelas kemajuan masyarakat, dan beberapa teguran telah dibuat dengan tujuan memperbaiki dan memperbanyak lagi usaha-usaha yang dijalankan itu.

Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi fikirannya tentang masaalah pengeluaran bahan-bahan makanan untuk meringankan bebanan penduduk-penduduk menghadapi harga barang-barang keperluan yang meningkat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi jawapan secara umum kerana memelihara masa dan banyak lagi Yang Berhormat Menteri-menteri yang lain akan memberi jawapan dengan panjang-lebar. Di sini di dalam masaalah pengeluaran beras, Kerajaan telah mengubah dasar tanaman padi supaya pengeluarannya akan mencukupi keperluan beras Negara. Dari kawasan tanaman padi yang berjumlah seluas 935,620 ekar yang diusahakan, sebanyak 545,370 ekar telah ditanam dua kali setahun dan dengan adanya kemudahan perairan yang dibina oleh Kerajaan dengan memakan belanja berjuta-juta ringgit. Peruntukan bagi melaksanakan rancangan pengairan dalam Rancangan Malaysia Pertama ialah \$289,642,000 dan dalam Rancangan Malaysia Kedua ialah \$168,344,000. Jabatan Parit dan Taliair telah

membelanjakan sebanyak \$345,125,000 sehingga akhir 1973. Sebanyak \$85,809,000 telah dibelanjakan dari peruntukan \$168,344,000 untuk rancangan pengairan Malaysia Kedua ini. Perbelanjaan tahun ini dianggarkan sebanyak \$31,373,000 dari peruntukan sebanyak \$41,349,130 akan dibelanjakan sehingga akhir tahun ini. Rancangan pengairan kecil yang akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kedua berjumlah \$7,000,000 meliputi seluas lebih kurang 100,000 ekar. Dalam tahun 1973 kerja-kerja yang dijalankan ialah sebanyak 276 buah rancangan untuk memperbaiki bekalan air bagi 38,200 ekar sawah padi dengan belanja \$1,712,987. Tahun ini 263 buah rancangan telah diluluskan dengan memakan belanja lebih kurang \$2,000,000 untuk 39,110 ekar.

Selain dari rancangan Pengairan, mulai dari tahun ini, Kerajaan telah meluluskan Rancangan Bantuan Baja Urea untuk tanaman padi. Sebanyak 60,400 tan baja urea telah dibeli. Perbelanjaan Subsidi ini dianggarkan memakan belanja sebanyak \$52,000,000. Bantuan baja urea ini adalah untuk tanaman padi sahaja dan berjalan di seluruh Malaysia. Tiap-tiap penanam padi boleh membeli baja/urea itu melalui Pertubuhan Peladang sebanyak 3 kampil bagi seekar dengan harga \$10 ataupun yang beratnya 44 paun. Selain dari bantuan baja urea ini Kerajaan juga mengadakan bantuan-bantuan yang lain bagi memperbanyakkan buah-buahan iaitu Tanaman Ladang bagi menggalakkan usaha menanam pokok-pokok buah-buahan dan tanaman perniagaan. Bantuan ini merupakan pemberian benih baka baik, baja dan kimia pertanian. Peruntukan pada tahun ini ialah \$4,600,000 dan sehingga ini sebanyak \$2,292,498 telah dibelanjakan. Seluas 18,171 ekar tanah telah ditanam dengan benih-benih ini. Rancangan ini dijalankan di semua negeri dan bantuannya boleh di dapati daripada pejabat-pejabat Pertanian Negeri.

Berkenaan soal ternakan untuk pengeluaran daging dan susu rancangan ini perlu mengambil masa. Biasanya hasil pemeliharaan ternakan lembu dan kerbau cara besar-besaran hanya dapat dilihat selepas 8-10 tahun. Peruntukan bagi rancangan pawah dan pembiakan ternakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua ialah \$6,270,000 iaitu untuk lembu, kerbau, kambing dan lain-lain ternakan. Peruntutannya bagi 1974

ialah \$1,055,000. Kerajaan terus-menerus memberi ternakan pawah ini beribu-ribu ekor lembu, kerbau dan kambing kepada petani-petani. Di samping itu satu perbadanan di bawah Kementerian ini iaitu MAJU-TERNAK telah membuka tujuh rancangan seluas 30,000 ekar semuanya. Hingga sekarang 9,320 ekar telah dibersihkan sementara 7,600 ekar ditanam dengan rumput. Lebih kurang 6,000 ekor lembu telah diletakkan di rancangan ini. Oleh kerana ternakan di negeri ini sudah kekurangan lembu-lembu, terpaksa dibawa masuk dari luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Haiwan telahpun membeli sehingga tahun ini beratus-ratus ekor lembu sebagai penyiasatan kerbau dan kambing yang mana wang berjumlah \$687,000 telahpun dibelanjakan. Dan juga Pusat Penetasan Ayam telah mengeluarkan sebanyak 700,000 ekor setahun anak ayam yang dijual di Johor, Selangor, Negri Sembilan, Pulau Pinang dan Kedah dengan harga \$0.50 sen seekor. Nasihat dan perkhidmatan lanjutan boleh diminta dari Pejabat Haiwan yang juga memberi suntikan bagi penyakit ayam, rawatan binatang sakit dengan mengenakan bayaran yang sangat kecil.

Pada tahun ini sehingga bulan Jun seramai 6,078 orang jumlah semuanya dibanding dengan 9,998 orang dalam tahun 1974 telah diberi latihan pertanian, ternakan dan memelihara ikan air tawar dalam kolam di Pusat-pusat Latihan Pertanian Luarbandar, Pusat Latihan Ternakan dan Ternakan Ikan di dalam berbagai kursus di antara selama satu hari hingga ke enam bulan mengikut keperluan dan jenis kursus. Berhubung dengan kelas-kelas KEMAS telah melatih seramai 111,817 orang dalam berbagai bidang latihan sebagai urusan rumahtangga, nilai pemakanan dan juga kemahiran dan pertukangan tangan, tatarakyat dan kelas dewasa. Kelas-kelas didikan guru T.B.K. kampung pun diuruskan juga dan seramai 120 orang telah dilatih tahun ini. Perbelanjaan yang dikeluarkan bagi KEMAS ialah sebanyak \$5.4 juta hampir semuanya telah dibelanjakan.

Berbagai-bagai rancangan pertanian pula dijalankan oleh MARDI di seluruh Malaysia iaitu termasuk di Sabah dan Sarawak yang diuruskan dengan kerjasama Jabatan Pertanian Negeri. MARDI juga telah membuat

percubaan-percubaan tanaman di atas tanah-tanah peladang dengan penyertaan peladang-peladang sendiri. Cara yang baharu ini didapati sangat terkenal dan memberi kesan daripada segi menambah lagi hasil-hasil peladang.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang suka saya mengumumkan di sini oleh kerana ada di antara Ahli Yang Berhormat yang menyentuh soal memperbanyakkan lagi hasil padi di dalam negara ini. Jadi, pihak MARDI telahpun membuat penyiasatan bahawa ada satu jenis padi yang dinamakan "Padi Sri Malaysia I."

Padi ini ialah hasil kacukan antara Padi Peta dan Padi Tangkai Rotan. Pilihan-pilihan hasil dari kacukan ini telah dibuat sejak beberapa tahun yang lepas dan di antara pilihanraya tersebut, didapati jenis ini memberi hasil yang tinggi tetapi mutu berasnya kurang baik.

Dalam beberapa percubaan yang dijalankan sejak beberapa tahun yang lepas hasil pengeluaran jenis padi ini adalah senantiasa tinggi dan mengatasi hasil pengeluaran dari lain-lain padi kacukan. Hasil penyelidikan dari beberapa musim telah menunjukkan iaitu padi jenis ini boleh mengeluarkan sehingga 1,116 gantang seekar iaitu hampir dua kali ganda pengeluaran dibandingkan dengan jenis padi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum padi jenis ini diistiharkan pada pertengahan tahun 1974 dan juga selepas diistiharkan, padi ini telah diuji di beberapa buah negeri di Semenanjung Malaysia iaitu di Trengganu, Kelantan, Selangor, Negeri Sembilan, Perak, Seberang Perai dan juga di Melaka. Di semua kawasan ini telah didapati iaitu hasil pengeluarannya melebihi jenis-jenis padi yang biasa ditanam di kawasan tersebut. Oleh sebab padi ini baru lagi diistiharkan, penerimaannya oleh petani-petani belum berapa pesat lagi tetapi oleh sebab hasil yang menggalakkan akan dapat menarik minat petani-petani, terutamanya di kawasan-kawasan sawah padi yang biasanya memberi hasil yang kurang dengan jenis-jenis padi yang lain yang ditanam sekarang ini. Untuk mendapatkan hasil padi yang memuaskan satu bandingan hasil purata di

antara padi-padi jenis lain dengan padi Sri Malaysia I adalah seperti berikut:

BANDINGAN DI BEBERAPA BUAH NEGERI DI ATAS HASIL PURATA (LUAR MUSIM) PADI-PADI JENIS LAIN DAN SRI MALAYSIA I

<i>Negeri</i>	<i>Padi Jenis-jenis lain (gantang)</i>	<i>Padi Sri Malaysia I (gantang)</i>
Trengganu	368 ...	837
Kelantan	417 ...	745
Selangor	550 ...	1,012
Negeri Sembilan ..	435 ...	872
Perak	418 ...	719
Pulau Pinang dan Seberang Perai	470 ...	862

Jadi ini adalah satu kejayaan yang sangat membanggakan dan diharap jika sekiranya semua petani-petani dapat menanam padi jenis ini saya percaya masalah kekurangan beras di dalam negara ini akan dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, suka saya bercakap sedikit di sini berkenaan dengan soal perikanan, kerana banyak Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh soal perikanan. Kementerian ini sedang menjalankan rancangan secara besar-besaran melalui MAJUIKAN, projek-projek penangkapan ikan yang menggunakan bot pukut tunda yang moden yang besar telah ditempah dan sedang berjalan dan akan terus berjalan dan bot-bot pukut tunda ini dan bot-bot pukut cerut dan juga bot-bot serba guna, dan bot-bot ini dicadangkan akan berjalan di beberapa tempat iaitu di Langkawi, Kuala Trengganu, Kuala Besut, Kemaman, Mersing, Kuantan, Kuala Pahang, Tumpat dan juga di Sarawak, di Kuching. Selain daripada itu, MAJUIKAN akan menjalankan lagi kegiatan yang lain seperti kilang memproses udang dan ikan di Kuala Kedah dan juga untuk membuat kilang ikan jongkol di Trengganu dan Kilang air batu di Kuala Perlis dan juga di Kuantan dan kilang-kilang tepung ikan di Mersing, Johor dan memelihara ikan air tawar dan udang galah di Kajang Selangor dan Projek pemasaran ikan yang sedang dijalankan pada hari ini di Kuala Lumpur, di Johor Bharu dan juga di Pulau Pinang. Selain daripada itu, kompleks-kompleks perikanan juga sedang didirikan, telah didirikan dan akan terus didirikan bagi kemudahan pendaratan ikan-ikan yang di

mana kompleks ini mengandungi selain daripada jeti untuk memunggah ikan ialah bilik-bilik sejuk dan tempat-tempat melelong dan juga urusan kredit yang dikehendaki oleh nelayan-nelayan. Jadi kompleks-kompleks ini akan diadakan dan sedang diadakan pada hari ini dalam pembinaan di Kuala Kedah, Lumut, Batu Maung, Kuching dan juga di Kuala Trengganu. Di harap dengan adanya projek seumpama ini pihak nelayan akan dapat menyertai kegiatan yang sedang dijalankan oleh pihak MAJUIKAN.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu masalah pemasaran pertanian juga selalu ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya mengucapkan terima kasih kerana ini adalah perkara yang sangat penting, dan pada hari ini Kementerian Pertanian sedang mengarahkan kepada pihak FAMA dan juga Lembaga Persatuan Peladang supaya dapat menyatukan tenaga bagi mendapatkan pemasaran di dalam kawasan Lembaga Pertubuhan Peladang di seluruh negara.

Yang pertama sekali, Pegawai-pegawai FAMA di peringkat Daerah adalah diharapkan akan dapat bersama-sama menyusun rancangan Buku Hijau yang akan dijalankan di semua peringkat. Tugas-tugas mereka adalah:

- (i) bagi menentukan jenis-jenis tanaman dan banyaknya yang harus ditanam dari segi pemasaran;
- (ii) bertanggungjawab memasarkan hasil-hasil yang dikeluarkan oleh petani-petani; dan
- (iii) mengkaji dan menilai kedudukan pasaran barang-barang yang dihasilkan supaya jenis-jenis tanaman dan banyaknya yang harus ditanam dapat diubahsuaikan daripada semasa ke semasa.

Untuk memainkan peranan yang dijalankan dan tanggungjawabnya pegawai FAMA menjadi Ahli Jawatankuasa-jawatankuasa dan Urusetia Buku Hijau yang mengikut di dalam semua peringkat, iaitu di peringkat Daerah di dalam Jawatankuasa Daerah, di peringkat Negeri di dalam Jawatankuasa Tindakan Negeri dan juga di peringkat Pusat di dalam Jawatankuasa Peringkat Pusat. Saya percaya dengan adanya kerjasama daripada semua pihak, maka segala pusat-pusat kemajuan peladang yang ada di seluruh

negara akan dapat digunakan sebagai pusat pemasaran dan akan bekerjasama dengan pihak Lembaga Pertubuhan Peladang di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, barangkali ada lagi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang tidak berjawab pada hari ini adalah sedang di dalam pertimbangan Kementerian ini dan sedang dalam kajian. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua teguran-teguran yang membina daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, mudah-mudahan dengan kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini, Kementerian ini akan dapat berjalan dengan sempurna di dalam semua jurusannya bagi menambah lagi hasil pertanian di dalam negeri ini.

2.52 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bagi menjawab beberapa pertanyaan dan cadangan yang dikemukakan yang menyentuh mengenai Kementerian saya.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Othman bin Abdullah yang mencadangkan supaya diberi bantuan kepada pekebun-pekebun kecil dalam bentuk subsidi secara kebun supaya pendapatan mereka selaras dengan kadar yang dikeluarkan. Bagi menjawabnya, saya mohon memberi jawapan di dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Mr President, Sir, the Government has helped the rubber smallholders in various ways to ease their economic hardship. For example, the move by the Government to buy rubber direct from the smallholders is itself beneficial to the smallholders. With the implementation of the National Crash Programme, the price of rubber has now increased to a slightly better level. The Government is also helping the smallholders through RISDA by giving smallholders replanting grants and allowances which now amount to \$900 per acre. Agricultural innovations are being introduced into this sector through Risda's Fertiliser Credit Scheme, the establishment of group processing centres, cash cropping and group sale of smallholders' rubber. MARDEC is also helping smallholders by expanding its

activities to wider areas in order to provide better marketing and processing facilities to the smallholders. All the abovementioned activities are designed to ensure reasonable returns to the smallholders.

With regard to the comments made by Y.B. Senator Puan Rafidah Aziz for the establishment of a "Stabilisation Fund" for primary commodities, I would like to state that we have already established a tin buffer stock contribution fund whose sole purpose is to stabilise tin prices. For rubber, the Honourable Member is fully aware that the Government has undertaken on 28th November, 1974, a crash programme to stabilise the rubber prices. This crash programme and the rubber buffer stock scheme is estimated to cost the Government \$300 million. The Government has also taken the initiative to seek the sincere support and close co-operation of other major natural rubber producing countries to launch the rubber international buffer stock scheme, so that prices of rubber can be established effectively within certain price range.

With regard to the comments made by Y.B. Senator Datuk J.E.S. Crawford and Y.B. Senator Puan Rafidah Aziz, I would like to state that the Government is fully aware of not only the present inflationary pressures, and the effect on smallholders' income in the light of low primary commodity prices experienced, but also the rising cost of production for our primary commodities. Furthermore, I would like to quote the Parliamentary Statement made by my Minister, Datuk Musa Hitam, in the Dewan Rakyat on 28th November, 1974:

"Government has assumed upon itself the responsibility to act for the good of the economy and the general welfare of the people. As has always been the case in the past and shall always be the case in the future, we believe in action and action with long-term positive results as the objective. We are realistic enough to accept the reality of existing circumstances that influence our national economic well-being. We are bold enough, however, to embark on any venture that we feel needs to be embarked upon for the general well-being of our people."

In conclusion, Tuan Yang di-Pertua, I would like to take this opportunity to thank all

the Honourable Members who have shown interest in matters relevant to my Ministry.

2.58 ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Haji Dzulkifli bin Datuk Haji Abdul Hamid): Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh beberapa perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertahanan. Pada petang ini, saya ingin menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed dalam ucapan beliau telah bertanyakan siapakah yang membuat polisi di Kementerian Pertahanan. Beliau juga telah mengesyorkan supaya kenyataan atau statement-statement yang tertentu patut dibuat oleh seorang Menteri atau Timbalan Menteri. Berkenaan pertanyaan beliau itu, saya suka menerangkan bahawa polisi atau dasar adalah dibuat oleh Kerajaan, iaitu Jumaah Menteri atau Menteri yang bertanggungjawab, di mana yang sesuai. Berkenaan dengan syor beliau supaya kenyataan atau statement yang tertentu patut dibuat oleh seorang Menteri atau Timbalan Menteri, saya mengucapkan terima kasih atas syor beliau itu. Saya akan mengambil ingatan atas syor itu dan Insya Allah, apa yang telah berlaku tidak akan berulang lagi (*Tepuk*).

Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob dalam ucapan beliau telah membangkitkan beberapa perkara. Yang pertama ialah berkenaan rumah untuk askar-askar di mana beliau mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan kerana membuat rumah-rumah untuk mereka. Beliau seterusnya mengatakan bahawa rumah-rumah ini patut sudah lama dibuatkan. Supaya tidak menimbulkan salah faham bahawa Kementerian Pertahanan baru sekarang akan membuat rumah-rumah untuk askar-askar, saya suka menerangkan bahawa Kementerian Pertahanan memang telah lama menjalankan projek-projek perumahan. Tetapi oleh sebab perkembangan atau pembesaran pesat yang berlaku pada Angkatan Tentera, projek-projek itu nyata tidak dapat memenuhi keperluan yang sentiasa bertambah. Walau bagaimanapun, seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana

Menteri, Angkatan Tentera dalam beberapa tahun yang akan datang ini akan menempuh satu masa konsolidasi. Dalam masa konsolidasi itu, mudah-mudahan, masalaah perumahan ini akan dapat diatasi.

Perkara yang kedua yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah berkenaan ketiadaan jalan raya yang sempurna ke Rumah Kelamin Angkatan Tentera dekat Batu Garrison. Perkara ini memang disadari oleh Kementerian saya dan sekarang sudahpun disediakan satu rancangan untuk membaiki dan membina jalan masuk ke rumah-rumah kelamin tersebut dan Insya Allah, rancangan itu akan dapat dijalankan tidak berapa lama lagi.

Perkara yang ketiga yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah berkaitan dengan perbezaan gaji antara Leftenan Muda sebelum Ogos 1972 yang mendapat gaji \$720 sebulan dan Leftenan Muda selepas Ogos 1972 yang mendapat gaji \$500 sebulan. Beliau juga mengatakan terdapat perbezaan pencen antara sekim lama dan sekim baru. Perkara gaji dan pencen ini, Tuan Yang di-Pertua, seperti kita semua ketahui telah dikaji oleh sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Sheikh Abdullah. Bidang tugas (terms of reference) Jawatankuasa itu adalah seperti berikut:

“Mengulangkaji dan menyemak struktur gaji, elaun-elaun dan syarat-syarat perkhidmatan, termasuk pencen dan faedah-faedah pinjaman wang perumahan untuk semua anggota Angkatan Tentera dan membuat perakuan-perakuan selaras dengan perakuan-perakuan yang telah dibuat oleh Suruhanjaya-suruhanjaya Gaji Suffian dan Aziz.”

Sepanjang yang saya ketahui, Jawatankuasa Tan Sri Sheikh Abdullah itu telah menjalankan tugasnya dengan sangat mendalam dan teliti dan perakuan-perakuan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa itu adalah berasaskan prinsip-prinsip yang jelas dan adil. Pada keseluruhannya sekim perkhidmatan yang telah diperakukan oleh Jawatankuasa itu adalah lebih baik dari sekim yang lama. Misalnya, Leftenan Muda yang tidak berkahwin mengikut sekim lama mendapat gaji dan elaun-elaun berjumlah \$465 sebulan. Mengikut sekim baharu pegawai yang berpangkat sama mendapat \$500 sebulan dengan kadar kenaikan gaji sebanyak \$20 setahun

sehingga \$560. Lagi satu contoh bagi mereka yang berpangkat rendah; seorang Koporal yang belum kahwin mengikut sekim lama mendapat gaji dan elaun berjumlah \$218.50 sebulan, tetapi tanggagaji di bawah sekim baru ialah \$280 sebulan dengan kenaikan gaji sebanyak \$10 setahun sehingga sampai \$300.

Perbezaan gaji yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah disebabkan terdapatnya elaun kelamin (Marriage Allowance) di bawah sekim lama. Sekim baru menggunakan prinsip gaji bersih sama seperti yang terdapat di dalam Lapuran Suffian dan Aziz. Jadi bagi beberapa orang pegawai yang telah berkhidmat sebelum 1hb Ogos, 1972, iaitu tarikh pelaksanaan sekim baru, pemindahan gaji pegawai-pegawai kepada tanggagaji baru akan merugikan mereka dan ini adalah bertentangan dengan prinsip yang biasa digunakan. Oleh yang demikian, maka Jawatankuasa Tan Sri Sheikh Abdullah telah menetapkan kadar-kadar pemindahan gaji bagi pegawai-pegawai yang terlibat yang mana dipanggil kadar khas untuk penyandang (personal to-holder rate). Jumlah pegawai-pegawai yang dibayar dengan kadar ini akan berkurang dan di satu masa akan hapus sama sekali apabila mereka dinaikkan pangkat dan menerima gaji yang lebih tinggi.

Berkenaan pencen pula di bawah sekim baru, pencen adalah dibayar kepada yang berkeelayakan dengan menggunakan “Formula” yang telah ditetapkan di mana jumlah perkhidmatan dan kadar gaji akhir adalah menjadi faktor yang menentukan jumlah pencen yang akan diterima. Pada keseluruhannya kadar pencen di bawah sekim baru ini adalah lebih baik daripada yang terdapat di bawah sekim lama.

Perkara yang akhir yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob ialah berkenaan elaun ransum (ration allowance). Sebenarnya, di bawah sekim gaji baru, elaun ransum tidak lagi dibayar kepada anggota-anggota tentera. Walaupun demikian, mereka yang menjalankan operasi di hutan adalah diberi ransum dengan percuma tetapi bukan elaun (wang). Jadi tidaklah benar sama sekali apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa kita dari tahun 1948 hingga hari ini masih mengikut sistem British. Sistem itu sudah dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Raja Nong Chik bin Raja Ishak dalam ucapan beliau telah mencadangkan supaya Belanjawan bagi tahun ini atau tahun akan datang bagi pertahanan hendaklah dibanyakkan lagi. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih atas sokongan Yang Berhormat itu kepada Kementerian Pertahanan.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad telah menyatakan bahawa negeri Johor dengan keadaan geographinya memerlukan jagaan yang lebih kuat dari segi pertahanan. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, seluruh Malaysia memerlukan jagaan yang kuat dan Kementerian Pertahanan dalam sebarang rancangannya adalah berpandukan kepada keperluan negara seluruhnya.

Berkenaan kapalterbang yang tidak dikenali mendarat di Tanjong Laboh, Johor, Kementerian saya telah dan akan terus mengambil langkah-langkah untuk mengelakkan kejadian itu daripada berlaku lagi.

Yang Berhormat Puan Dasimah Dasir telah mencadangkan supaya dilonggarkan syarat-syarat kelayakan pelajaran untuk memasuki Angkatan Tentera sebagai rikerut. Syarat yang dikehendaki sekarang ialah lulus Sijil Rendah Pelajaran atau L.C.E. atau tamat pengajian di Tingkatan III. Dukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pertahanan tidak dapat melonggarkan syarat itu kerana ia merupakan satu langkah mundur. Lagi pun perkembangan sains dan teknologi di bidang pertahanan memerlukan anggota-anggota yang sekurang-kurangnya tamat pengajian di Tingkatan III.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja ucapan saya bagi menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, dan saya akhiri dengan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat atas pandangan-pandangan dan teguran-teguran yang dikemukakan terhadap Kementerian saya.

3.10 *ptg.*

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara, masaalah dan

pandangan terhadap Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya akan cuba menjawab pertanyaan ataupun memberi penjelasan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Menyentuh tentang cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Syed Kechik supaya ditubuhkan sebuah bilik gerakan untuk suatu task-force bagi menjamin pencapaian matlamat penyertaan bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian dalam masa 15 tahun yang akan datang, saya ingin memaklumkan di sini iaitu sebuah Jawatankuasa bernama Jawatankuasa Tindakan Penyertaan Bumiputra di dalam Bidang Perdagangan dan Perindustrian adalah berada di Kementerian dan Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Menteri sendiri dan ahli-ahlinya adalah terdiri daripada pegawai-pegawai kanan yang dilantik atas nama peribadi.

Jawatankuasa ini akan menentukan semua dasar Kementerian, terutama sekali mengenai dasar penyertaan bumiputra sebagai menepati hakikat Dasar Ekonomi Baru untuk membawa masuk, mendorong dan menentukan penyertaan pesat bumiputra di dalam kegiatan-kegiatan perdagangan dan perindustrian dengan seluas-luasnya dan dengan lebih berkesan lagi. Jawatankuasa ini juga akan mengawasi dan bertanggungjawab atas segala pelaksanaan Bahagian Penyertaan Bumiputra yang ada di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan membentangkan segala laporan, segala masaalah dan kemajuan yang berupa returns kepada Jawatankuasa pada tiap-tiap kali mesyuarat.

Selanjutnya Jawatankuasa ini juga akan menentukan penggunaan kemudahan-kemudahan segenap jentera Kerajaan termasuk Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan lain untuk menepati hakikat penyertaan bumiputra. Jawatankuasa ini semenjak penubuhannya telah bersidang sebanyak enam kali dan di sini sukalah saya memberi jaminan, selaku Pengerusi Jawatankuasa ini bahawa Jawatankuasa ini akan bergerak dengan lebih-lebih cergas lagi daripada masa-masa yang lepas untuk menjalankan tugas dan tanggungjawabnya.

Mengenai cadangan Yang Berhormat Puan Rafidah Aziz supaya ditubuhkan sebuah special fund, sumbangan bersama di

antara pihak swasta dengan pihak Kerajaan bagi faedah pekerja-pekerja, saya suka menyatakan di sini, iaitu Kerajaan sedar tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja dan atas kesedaran inilah maka tindakan-tindakan tertentu dijalankan oleh Kementerian-kementerian yang berkenaan, Kementerian saya, juga Kementerian Buruh untuk menentukan yang kebajikan pekerja-pekerja tidak diabaikan oleh syarikat-syarikat berkenaan.

Tentang Kementerian Perdagangan dan Perindustrian apakah sahaja taraf perintis (pioneer status) itu diluluskan, satu daripada syarat yang dikenakan kepada kilang-kilang perindustrian ialah supaya mereka mengadakan kemudahan-kemudahan (facilities) untuk mengawasi bahawa kedudukan, kebajikan dan lain-lainnya terhadap pekerja-pekerja mereka adalah sentiasa dikawal. Kebanyakan syarikat-syarikat sektor swasta ada menyediakan subsidi untuk memberi kemudahan kepada pekerja-pekerjanya. Bagi mengatasi masalah tempat tinggal dan juga masalah pengangkutan terdapat sebilangan syarikat-syarikat yang menyediakan tempat tinggal kepada pekerja-pekerjanya dan juga menyediakan kemudahan-kemudahan pengangkutan ataupun common bus service kepada pekerja-pekerja mereka. Sekiranya elaun perumahan dan kemudahan pengangkutan ini tidak dapat disediakan, kebanyakan syarikat ada memberi subsidi kepada pekerja-pekerja mereka bagi mengatasi kedua-dua masalah tersebut.

Tentang cadangan ditubuhkan special fund itu, pertimbangan dan kajian akan dibuat mengenai cadangan ini dan akan dilaksanakan kalau sekiranya didapati menasabah atau pun bersesuaian.

Selanjutnya teguran Yang Berhormat mengenai langkah untuk mencegah pencemaran alam, saya ingin maklumkan bahawa Kerajaan menerusi Kementerian yang berkenaan dengan jalan kuatkuasa undang-undang yang telahpun diadakan adalah mengenakan syarat, mencegah pencemaran alam kepada kilang-kilang yang diluluskan oleh Kerajaan, khususnya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi memastikan yang kilang-kilang tersebut mengambil langkah-langkah yang tertentu supaya pencemaran alam tidak berlaku. Semua usaha-usaha yang tersebut di atas adalah dijalankan dengan kerjasama

daripada Kerajaan Negeri dan juga pihak-pihak berkuasa tempatan.

Berkenaan dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Raja Nong Chik mengenai gula, ingin saya mengambil kesempatan di sini bukan sahaja menjawab perkara yang dibangkitkan dalam perbahasan di atas peruntukan perbekalan ini bahkan juga di atas soalan yang telah ditanya kepada saya dalam masa soal-jawab tentang transitment, pemindahan gula keluar daripada negara kita ini. Saya telah membuat penyiasatan mendalam dalam perkara ini. Saya dapati bahawa sebagaimana yang saya terangkan secara ringkas pada hari itu ada syarikat-syarikat, kalau tidak salah saya, lima buah syarikat yang telah dibenarkan mengeksport ataupun mentransit gula-gula keluar negeri. Oleh kerana sebelum kuatkuasa melarang pengeluaran gula ataupun mengeksport gula daripada negara kita ini berjalan kuatkuasa pada 1hb Disember, 1974, syarikat-syarikat yang berkenaan termasuk syarikat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat pada masa soal-jawab itu iaitu Syarikat Tai Thong adalah telah memutuskan perjanjian perniagaan dengan syarikat-syarikat di luar negeri, kalau tidak salah saya di Thailand. Di dalam masa perjanjian ini syarikat yang berkenaan ini telah membeli gula-gula ini dengan syarat gula ini ditransit atau dipindahkan ke negeri-negeri yang berkenaan seperti ke Hong Kong selepas dibawa masuk sekejap ke sini ditransit ke luar negeri ke negeri-negeri yang berkenaan. Oleh kerana adanya perkara-perkara yang semacam ini dalam perjanjian perniagaan, transitment ini telah dibuat sebelum berjalan kuatkuasa peraturan, arahan melarang keluarnya gula dalam negara ini, perkara ini telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Kecil Jemaah Menteri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri. Dan memandangkan kepada adanya penglibatan wang yang begitu banyak di bawah contractual agreement yang dibuat antara peniaga-peniaga di sini dengan peniaga-peniaga di luar negeri, maka Jawatankuasa ini telah memberi garisan panduan (guideline) dalam mana kalau ada perjanjian semacam ini telah dibuat sebelum diadakan peraturan-peraturan ataupun arahan itu, maka bolehlah pihak yang berkenaan itu diberi kebenaran mentransit ataupun menghantar gula-gula yang telah

dibeli daripada negeri luar itu yang juga telah dijanjikan untuk ditransitkan kepada negeri-negeri yang berkenaan.

Di sini juga saya sukalah memberi penjelasan bahawa kelulusan itu tidak diberi oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sebagaimana yang dibayangkan oleh Ahli Yang Berhormat pada hari soal jawab itu. Kelulusan diberi oleh Pejabat Kastam, berpandukan kepada guideline atau garisan panduan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Kecil Jemaah Menteri itu.

Tentang kenyataan Ahli Yang Berhormat ada gula masih lagi dipindahkan daripada Sungai Petani, itu saya tidak menafikan—memang ada, kerana daripada 9,500 tan yang telah dijanjikan untuk ditransit ke Hong Kong, rasa saya masih ada lagi tinggal 3,500 ton yang belum ditransit dan sekarang ini syarikat yang berkenaan iaitu Syarikat Tai Thong adalah di dalam proses memindahkan gula ini ke tempat yang berkaitan.

Di sini saya suka memberi jaminan bahawa selepas sahaja arahan melarang pengeluaran gula daripada negara ini dikenakan, kita tidak lagi mengeluarkan apa-apa kelulusan selain daripada ini dan tidak lagi akan memberi permit untuk dikeluarkan gula ini untuk menjaga ataupun menjamin bahawa bekalan gula di dalam negara kita ini adalah mencukupi.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Amin bin Yaacob supaya mengambil langkah bagi mengatasi kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan untuk mendapatkan alat-alat gantian kenderaan dan chassis dari Syarikat Cycle & Carriage ingin saya jelaskan di sini iaitu bekalan alat-alat gantian (spare-parts) kenderaan, utamanya chassis kenderaan untuk memasang lori memang berkurangan kerana Syarikat Cycle & Carriage tidak dapat mengeluarkan bekalan yang mencukupi bagi keperluan orang-orang yang mahu membelinya dalam negeri kita. Kementerian sedar akan kekurangan ini dan telahpun mengambil tindakan melonggarkan pengimpotan lori daripada luar negeri. Sekiranya Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan sukar hendak mendapatkan lori untuk digunakan, maka ia bolehlah membuat permohonan untuk mengimpot daripada luar negeri dan tidak semata-mata bergantung

kepada Cycle & Carriage. Sementara itu bekalan lori juga telah diperluaskan. Dengan adanya kemasukan truck-truck yang telah dipasang oleh Syarikat Sarawak Motor Industries di Sarawak yang mana beberapa truck telahpun dibawa masuk ke Semenanjung Malaysia untuk dijual. Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat supaya barang-barang gantian diimpot oleh Kerajaan atau badan-badan berkanun, perkara ini sukalah saya nyatakan bahawa memang ada kebebasan bagi mana-mana pihak termasuk badan-badan berkanun mengimpot barang-barang gantian (spare-parts) dan cadangan supaya Kerajaan atau Badan Berkanun terus mengimpot adalah perkara yang memerlukan kajian yang mendalam sebelum boleh dilaksanakan.

Kementerian saya sedar tentang kesulitan untuk mendapatkan bekalan minyak tanah sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad yang kadang-kadang dihadapi oleh penduduk-penduduk di kawasan-kawasan kampung. Kesulitan bekalan minyak tanah adalah disebabkan dua syarikat pengedar minyak tanah telah menarik balik bekalannya untuk pasaran yang lebih lumayan ke negara-negara jiran. Ini telah melibatkan kekurangan lebih kurang 150,000 gelen pada sebulan. Sungguhpun demikian, Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk mengatasi kesulitan bekalan ini dengan syarikat-syarikat minyak yang ada di dalam negara kita ini. Bekalan-bekalan minyak tanah sentiasa dihantar ke tempat-tempat yang mengalami kesulitan bekalan. Tindakan serta-merta diambil oleh Kementerian ini dengan kerjasama syarikat-syarikat minyak yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sehingga ini belum lagi menerima laporan kekurangan bahan-bahan tersebut dari tempat-tempat selain daripada dua tiga tempat yang telah memberi maklumat di atas kekurangan ini dan telah diatasi kesulitan kekurangan tersebut dengan dikejarkan bantuan kepada tempat-tempat yang berkenaan.

Mengenai soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Syed Hassan Aidid samada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian boleh memberi taraf perintis kepada peniaga-peniaga bumiputra, saya ingin menyatakan di sini iaitu buat masa ini

galakan taraf perintis (pioneer status) tidak dapat diberi kepada firma-firma perniagaan kerana kuasa memberi taraf perintis ini adalah di bawah undang-undang Incentive Act yang sahaja boleh memberi taraf perintis ini kepada kilang-kilang perindustrian bukan kepada syarikat-syarikat commercial ataupun perniagaan. Walau bagaimanapun, Kementerian adalah sentiasa bersedia untuk memberikan apa sahaja pertolongan dan kemudahan-kemudahan yang difikirkan sesuai dan layak disediakan kepada peniaga-peniaga bumiputra.

3.25 *ptg.*

Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan (Tuan Haji Mohamed bin Yaacob): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut berterima kasih kepada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menimbulkan cadangan dan teguran terhadap Kementerian Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan.

Yang Berhormat Dr Lim Keng Yaik, telah menyentuh masalah kekurangan bekalan letrik Syarikat Perak River Hydro Electric Berhad.

Beliau telah menyatakan bahawa pihak Lembaga Letrik Negara enggan membekalkan letrik ke Perak River Hydro kerana pihak L.L.N. takut Perak River Hydro akan dapat keuntungan, ini tidaklah betul. Yang sebenarnya pihak Lembaga Letrik Negara tidak bersikap demikian terhadap Perak River Hydro. Pihak Lembaga Letrik Negara sentiasa mematuhi perjanjian yang telah dibuat di antara mereka dahulu.

Pihak Lembaga Letrik Negara senantiasa membekalkan tenaga letrik kepada Perak River Hydro dengan keupayaan yang maksima. Pada masa sekarang, Perak River Hydro sedang menerima 60-70 MW dan kadangkala bekalan tersebut meningkat ke 80 MW. Pihak Lembaga Letrik Negara sedar bahawa bekalan 60-70 MW ini adalah kurang daripada bekalan 110 MW yang patut dibekalkan ke Perak River Hydro. Keadaan ini berlaku disebabkan 4 buah loji di Stesyen Janaletrik Tuanku Jaafar, Port Dickson yang tidak berjalan dengan memuaskan. Keempat-empat loji tersebut adalah dalam masa percubaan (trial period) dan kadangkala loji-loji itu tergendala dan terpaksa diperbaiki. Apabila sebuah loji tergendala dan dihentikan untuk diperbaiki, maka bekalan

letrik akan dijanakan (generated) oleh 3 buah loji sahaja. Dengan itu, bekalan letrik akan berkurangan. Loji-loji itu telah lewat juga diterima oleh kerana pembekalnya tidak dapat menghantar pada masa yang dijadualkan. Kelewatan ketibaan loji tersebut telah mengakibatkan pihak Lembaga Letrik Negara tidak cukup masa untuk menjalankan percubaan terhadap loji-loji tersebut sebelum ianya digunakan untuk perjalanan perniagaan (commercial operation).

Walaupun bagaimanapun, keadaan ini akan bertambah baik selepas bulan Mach tahun ini dan Lembaga Letrik Negara akan dapat membekalkan tenaga letrik sebanyak 110 MW ke Perak River Hydro. Lembaga Letrik Negara adalah sentiasa mematuhi perjanjannya dan akan terus berbuat demikian.

Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock telah menyuarakan kepentingan Sekim Letrik Haidero di Pergau, Kelantan, sukalah saya memaklumkan bahawa projek-projek letrik haidero, termasuklah projek di Pergau, sedang di dalam kajian dan sekira didapati sesuai projek-projek haidero ini akan dilaksanakan. Dengan adanya projek-projek letrik haidero nanti, perusahaan-perusahaan dan "infra-structure" akan dapat diperkembangkan, bukan sahaja di Negeri Kelantan, bahkan di seluruh negara.

Sayugia juga dimaklumkan bahawa empangan-empangan haidero yang akan dibina pada masa yang akan datang dan juga yang sedang dibina di Temenggor, Perak bukan sahaja dapat membekalkan kuasa letrik untuk keperluan negara yang sedang pesat membangun, tetapi juga untuk matlamat mencegah banjir dan lain-lain faedah seperti taliair untuk pertanian.

3.30 *ptg.*

Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengutarakan pandangan-pandangan, cadangan-cadangan, syor-syor dan kritik-kritik semasa membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan, 1975.

Mula-mulanya saya ingin menyentuh rayuan Yang Berhormat Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan supaya diadakan penyemakan yang teliti terhadap borang-borang

permohonan bagi Biasiswa Kecil Persekutuan. Ini memanglah biasa dilakukan. Penyelesaian dengan teliti terhadap borang-borang permohonan adalah dibuat di peringkat sekolah, kemudian di peringkat Pejabat Pelajaran Negeri dan akhirnya barulah di peringkat Kementerian. Dengan penyemakan yang rapi ini hanya mereka yang layak sahaja yang akan diberi Biasiswa Kecil Persekutuan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad yang telah menganalisa perbelanjaan negara terhadap setiap rakyat Malaysia kepada setiap pelajar di Sekolah Rendah di Sekolah Menengah dan setiap pelajar di Yayasan Pelajaran Tinggi. Kesedaran tentang banyaknya perbelanjaan Kerajaan untuk pelajaran anak-anak ini adalah satu perkara yang patut diketahui oleh semua rakyat di dalam negara kita ini. Dan saya mengucap berbilang-bilang terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Syed Kechik kerana menghuraikan perkara ini. Saya percaya kalau rakyat sedar tentang perbelanjaan yang banyak tentulah rakyat akan memberi sokongan yang penuh kepada Kerajaan dalam usahanya untuk memberi pelajaran kepada anak-anak kita.

Yang Berhormat Senator Datuk Syed Hassan Aidid menyatakan bahawa keadaan sekolah-sekolah di luar bandar tidak berubah jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah di dalam bandar. Kenyataan ini tidaklah tepat. Banyak perubahan dan kemajuan telah dilakukan terhadap sekolah-sekolah di luar bandar. Walaupun keadaan belumlah sebaik seperti sekolah-sekolah di dalam bandar, akan tetapi ada terdapat juga sekolah-sekolah di luar bandar yang keadaan dan kemudahan-kemudahannya setanding? Malahan, ada yang lebih baik daripada sekolah-sekolah di dalam bandar. Walau bagaimanapun, Kementerian Pelajaran sentiasa menjalankan usaha untuk memperbaiki keadaan di sekolah-sekolah di kawasan luar bandar.

Mengenai Nazir-nazir Sekolah dan Pegawai-pegawai Pelajaran yang dikatakan kurang melawat sekolah-sekolah di luar bandar, kenyataan ini akan dikaji oleh Kementerian saya. Yang Berhormat Senator tersebut telah juga bertanya kedudukan dan kuasa yang ada pada Lembaga Pengurus di sekolah-sekolah. Saya suka menyebutkan di

sini bahawa Lembaga Pengurus Sekolah-sekolah masih tetap kekal, dan Lembaga ini mempunyai kuasa untuk mentadbirkan wang, kebajikan dan kemajuan sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun, kuasa melantik atau menyingkirkan kakitangan sekolah sekarang ini tidak ada pada Lembaga Pengurus, oleh kerana kuasa tersebut sekarang ini ada kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran.

Yang Berhormat Senator Puan Zawiah binti Abdullah, membangkitkan masalah kelewatan menghantar pemberian subsidi buku-buku teks. Tidaklah benar bahawa buku-buku diterima pada akhir penggal pertama hingga penggal kedua bagi tahun 1975. Ini oleh kerana sekolah-sekolah baru sahaja memulakan penggal pertama. Kelewatan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator tersebut memang berlaku pada tahun 1974. Mengenai pemberian subsidi buku-buku tulis, saya mengakui buku-buku tulis ini belum dapat dihantarkan, akan tetapi tindakan sedang diambil untuk menghantarkan dengan secepatnya yang boleh.

Cadangan supaya harga buku tulis diturunkan daripada 15 sen menjadi 10 sen, ini tidaklah dapat dilakukan oleh kerana dalam keadaan inflasi yang melanda seluruh dunia ini tidak ada satu barang pun yang turun harga. Semuanya sudah pun naik harga dan kita patutlah bersyukur bahawa harga ini tidak dinaikkan, tetapi tetap dengan harga yang lama. Syor supaya buku-buku teks dihantar ke sekolah-sekolah pada akhir tiap-tiap tahun, ini memanglah baik. Kementerian Pelajaran memang telah menghantar setengah daripada buku-buku ke sekolah-sekolah pada akhir tahun. Tetapi ini tidak dapat dilakukan untuk semua buku, oleh kerana kita tidak dapat menduga bilangan sebenar tiap-tiap tajuk buku-buku yang perlu dicetak. Ini mungkin melibatkan sedikit kelewatan atau kekurangan bekalan buku-buku teks. Walau bagaimanapun, perkara ini akan cuba diatasi supaya ianya tidak menjejaskan pelajaran penuntut-penuntut.

Yang Berhormat Senator Puan Zawiah juga menyebutkan mengenai masalah keciciran yang masih tinggi di Negeri Trengganu, beliau menyebutkan dua faktor yang menyebabkan keciciran iaitu kurang tempat tinggal dan kemiskinan. Beliau mengesyorkan supaya lebih banyak lagi dibina asrama. Saya suka menyebutkan

bahawa pembinaan asrama adalah berdasarkan kepada faktor-faktor yang tertentu. Kementerian Pelajaran akan mengkaji pembinaan asrama-asrama dan akan membina-nya sekiranya faktor-faktor ini ada. Mengenai faktor kemiskinan, saya mengakui ini memang wujud, oleh kerana itulah maka Kerajaan telah adakan rancangan-rancangan untuk memberi bantuan kepada pelajar-pelajar seperti biasiswa-basiswa dan rancangan pinjaman buku-buku teks.

Dakwaan bahawa terdapat pilih kasih di dalam pemberian biasiswa oleh Yang Berhormat Senator tersebut, saya suka menjelaskan bahawa dasar pemberian biasiswa adalah adil hanya apabila terdapat sokongan yang kuat daripada setengah-setengah Ahli Dewan supaya calon-calon yang mereka sokong itu diberi biasiswa dan diberi pertimbangan dan keutamaan. Ini mungkin mengakibatkan pemberian biasiswa disyaki berdasarkan kepada pilih kasih. Untuk menghadapi masalah ini sokongan-sokongan kuat yang diberi oleh orang-orang kenamaan seperti Ahli-ahli Dewan cuma akan dilayan apabila sokongan berasaskan kepada kebenaran. Pemberian biasiswa akan dijalankan berdasarkan kepada kaedah yang adil, dengan tidak dipengaruhi oleh sesiapa pun. Syor supaya mengurangkan aktiviti sukan memanglah sedang dikaji oleh Kementerian Pelajaran.

Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein mengeloh mengenai pelajar-pelajar kelulusan L.C.E., M.C.E. dan H.S.C. yang tidak tahu membaca atau menulis tulisan jawi, dan mengesyorkan supaya satu jawatankuasa dibentuk untuk mengkaji penggunaan tulisan jawi, bagi meninggikan dan menaikkan imej tulisan jawi.

Saya suka menjelaskan bahawa pengajaran tulisan jawi adalah diwajibkan di dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia di semua Sekolah Rendah bagi murid-murid yang beragama Islam. Murid-murid yang bukan beragama Islam pun adalah juga digalakkan mempelajari tulisan jawi. Saya suka juga menyebutkan bahawa pelajaran agama Islam telah diwajibkan bagi penuntut-penuntut yang beragama Islam dan penggunaan tulisan jawi adalah diperlukan bagi mengikuti pelajaran agama Islam. Dengan ini pengajaran tulisan jawi akan menjadi lebih berkesan. Kementerian Pelajaran, walau

bagaimanapun mengakui ada kelemahan-kelemahan didalam pelaksanaan pelajaran tulisan jawi ini. Akan tetapi, kelemahan ini adalah sentiasa diatasi dan tidaklah perlu bagi Kementerian ini menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji penggunaan tulisan jawi seperti yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut. Yang Berhormat juga telah menyentuh mengenai masalah pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri. Perkara pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri juga dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Kerajaan adalah menyedari mengenai masalah pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri, khususnya setelah Yang Berhormat Datuk Musa Hitam kembali dari lawatannya ke New Zealand. Saya suka menyebutkan bahawa ada penuntut-penuntut Malaysia di luar negeri yang telah memburuk-burukkan nama baik Malaysia, dan berkata mereka takut balik ke Malaysia kerana mereka takut akan dimasukkan dalam tahanan. Tujuan mereka berkata demikian ialah oleh kerana mereka ingin supaya Kerajaan negeri-negeri itu percaya bahawa kalau mereka balik ke Malaysia mereka akan dimasukkan dalam tahanan dan oleh kerana itu maka negeri-negeri itu memberi kebenaran mereka ini tinggal kekal di negeri-negeri itu sebagai warganegara negeri itu.

Kepada penuntut-penuntut yang seperti ini yang sanggup memburukkan nama baik negara kita semata-mata dengan kerana ingin tinggal di negeri-negeri lain, saya percaya tidaklah ada kerugian bagi negara kita kalau mereka tidak balik sama sekali. Kita akan mengucapkan selamat jalan kepada mereka (*Tepuk*). Tetapi Kerajaan Malaysia sedar juga ada penuntut-penuntut Malaysia yang memburukkan nama baik Malaysia, kerana telah diberi maklumat yang salah terhadap Malaysia. Misalnya, khabar-khabar angin yang terdapat di Australia iaitu seorang pemimpin pelajar kononnya telah menjadi lumpuh daripada leher sampai ke bawah kerana penggunaan gas urat saraf (*nerve gas*) oleh pihak Polis. Setahu saya penuntut ini sekarang berjalan dengan sihatnya di dalam Universiti Malaya. Jadi, ada lain-lain berita yang telah sampai kepada penuntut-penuntut kita di luar negeri. Umpamanya, berkenaan dengan masalah kebuluran di Baling.

Berkenaan dengan kenyataan yang tidak tepat ini pihak kita tentulah akan cuba memberi penerangan kepada penuntut-penuntut ini, khasnya berkenaan dengan masalah kebuluran di Baling. Oleh kerana masalah ini telah membangkitkan bermacam-macam peristiwa di dalam negeri kita sehingga banyak penuntut-penuntut tidak menghadiri kuliah-kuliah, maka sebilangan daripada professor-professor dan pensyarah-pensyarah di dalam universiti telah memandangkan perkara ini sebagai satu perkara yang berat, dan dengan sokongan dari Universiti Kebangsaan tiga orang daripada mereka telahpun pergi ke Baling untuk menentukan samada tuduhan bahawa orang-orang di Baling ini sebenarnya menghadapi kebuluran atau tidak. Mereka membuat kajian ini dengan suka hati mereka dengan tidak disuruh oleh pihak Kerajaan, dan mereka menggunakan pita rakaman (tape-recorder) dan juga camera untuk mengambil gambar orang-orang yang dimasukkan di dalam senarai pelajar-pelajar sebagai orang-orang yang kebuluran.

Saya ada di sini beberapa gambar yang telah diambil oleh professor-professor ini yang menunjukkan, umpamanya, gambar ini seorang yang begitu gagah yang dikatakan bernama Encik Yahya bin Mat, Kebun Ubi, Kampung Petak Sawah, Baling. Beliau juga disenaraikan oleh pelajar-pelajar, sebagai kebuluran dan dia ini kalau bertumbuh dengannya pun mungkin kita akan kalah. Dan di rumah seorang yang dikatakan anaknya telah mati kebuluran kerana tidak ada cukup makanan terdapat keadaan yang mana ada berguni-guni beras, dan juga bekas isi beras di dalam rumah Encik Ariffin bin Manas dan ini adalah gambar anak Encik Ariffin bin Manas, abang kepada budak-budak yang dikatakan mati, kerana kebuluran dan gambar budak ini menunjukkan mereka adalah sihat-sihat belaka. Oleh kerana usaha ini telahpun dijalankan oleh professor dan pensyarah-pensyarah dari universiti, maka sekarang ini kita ada bukti yang jelas yang boleh ditunjukkan kepada penuntut-penuntut kita di luar negeri supaya mereka tidak tersalah pendapat berkenaan keadaan yang sebenarnya dan mereka tidak akan melakukan kerja-kreja memburukkan nama baik negara kita.

Yang Berhormat Datuk Mansor bin Mohamed bertanyakan samada Kementerian Pelajaran akan dapat mengadakan semua

buku-buku teks dalam Bahasa Malaysia sepenuhnya bila semua peringkat persekolahan sehingga universiti menggunakan bahasa Malaysia. Kementerian Pelajaran adalah sentiasa mengusahakan supaya keperluan buku-buku teks di sekolah-sekolah sehinggalah ke peringkat universiti disediakan secukupnya selaras dengan perkembangan penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Kementerian Pelajaran akan mengkaji cadangan yang dibuat oleh Senator tersebut bagi mengatasi masalah menterjemah dan menerbitkan buku-buku teks dalam bahasa Malaysia. Seterusnya saya ingin mengucapkan terima kasih kerana telah menyokong sepenuhnya terhadap usaha Kerajaan memberikan buku-buku teks secara subsidi. Dalam pada itu, saya suka juga menegaskan kepada Ahli Yang Berhormat tersebut bahawa di dalam sekim pinjaman buku-buku teks, Kementerian Pelajaran memang ada memberikan buku-buku teks bagi mata-mata pelajaran pilihan, akan tetapi ini tidaklah sampai membazirkan wang Kerajaan sebanyak \$10 juta. Buku-buku teks untuk mata pelajaran pilihan adalah tetap digunakan.

Yang Berhormat Senator Cik Tom Saudah binti Haji Othman meminta ditambahkan lagi biasiswa-biasiswa di tiap-tiap negeri, terutama di sekolah-sekolah agama. Sebenarnya, pemberian biasiswa-biasiswa yang diberikan oleh Kementerian Pelajaran adalah terhad peruntukannya untuk tujuan ini. Sekiranya bilangan yang mendapat biasiswa ini dapat dibesarkan, maka sudah semestilah jumlah biasiswa yang diterima akan bertambah kecil. Di dalam memikirkan untuk menambahkan bilangan biasiswa yang patut diberikan, Kementerian Pelajaran terpaksa mengkaji nilai sesebuah biasiswa yang layak diterima oleh pelajar-pelajar untuk membantu, membiayai pelajaran murid-murid yang menerima biasiswa tersebut. Kementerian pelajaran tidaklah dapat mengambil tindakan terhadap pemberian biasiswa kepada murid-murid di sekolah agama oleh kerana sekolah-sekolah agama bukanlah di bawah pentadbiran Kementerian Pelajaran.

Berkenaan syor-syor supaya diberi bantuan kepada pelajar-pelajar di Cairo, saya suka menjelaskan Kementerian Pelajaran ada rancangan untuk membina sebuah asrama bagi pelajar-pelajar Malaysia di Cairo.

Yang Berhormat Tuan Syed Omar bin Syed Hussain telah menyatakan adanya keraguan di antara orang-orang kampung untuk menghantarkan anak-anak mereka ke pusat pengajian tinggi dengan adanya perkara yang liar yang berlaku di pusat-pusat pengajian tinggi tersebut. Kementerian Pelajaran adalah sedang dan sentiasa mengambil tindakan supaya perkara-perkara yang tidak diinginkan ini tidak berlaku pada masa yang akan datang. Saya berharap pihak Ahli Yang Berhormat dapat mengurangkan keraguan orang-orang kampung terhadap pusat-pusat pengajian tinggi kita. Dalam hubungannya dengan masalah ini kerjasama ibu bapa untuk mengawasi perbuatan anak-anak mereka khususnya yang sedang belajar di yaysan-yayasan pelajaran tinggi adalah sangat-sangat diharapkan.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr C. Sinnadurai mengesyorkan supaya ditubuhkan sebuah badan untuk mengkaji mutu institusi-institusi swasta supaya pelajar-pelajar yang keluaran dari institusi swasta tersebut diberi peluang pekerjaan oleh Kerajaan sama seperti pelajar-pelajar yang lulus I.T.M. dan I.T.K., misalnya. Saya percaya apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tersebut ialah pelajaran berhubungan dengan kemahiran. Sebenarnya, I.T.K. merupakan sebuah universiti dan tidak ada universiti-universiti yang didirikan oleh pihak swasta dalam negara kita. Jika nilai sesuatu kelulusan daripada pertubuhan swasta ini adalah tidak sesuai, maka perkara ini akan diambil berat oleh agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab terhadap sesuatu kemahiran itu. Misalnya perkara yang berhubung dengan letrik adalah ditentukan oleh Lembaga Letrik Negara. Di samping itu Kerajaan juga telah membuka sebuah Lembaga di bawah Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat untuk menilai kelayakan sesuatu kemahiran.

Yang Berhormat Senator tersebut bertanya samada mutu pelajaran sekolah boleh memenuhi kehendak-kehendak masa hadapan negara. Rancangan Pelajaran sedang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran ialah sentiasa disesuaikan dengan keperluan-keperluan negara. Kita sendiri dapat melihat kejayaan kerajaan dari usaha untuk menyediakan rakyat yang akan dapat memenuhi kehendak-kehendak negeri dari segi latihan yang diberikan kepada mereka. Usaha-usaha

Kementerian Pelajaran akan lebih realistik kelak apabila Kajian Banci Tenaga Manusia (Manpower Study) yang sekarang sedang diuruskan dapat dijadikan dasar untuk Kementerian Pelajaran menentukan keperluan tenaga manusia bagi tiap-tiap kemahiran di negara ini. Ahli Yang Berhormat tersebut telah juga meminta supaya ditambah peluang-peluang pelajaran di dalam golongan minority di pusat-pusat pelajaran tinggi. Saya suka menjelaskan bahawa di dalam masaalah ini adalah perlu diambil perhatian terhadap kedudukan pelajar-pelajar Malaysia yang sedang menuntut di institusi pelajaran tinggi di luar negeri, kerana di dalam usaha untuk memperseimbangkan kedudukan pelajaran di negeri ini kita mestilah meninjau semua faktor yang terlibat.

Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya meminta Kementerian Pelajaran mengkaji keadaan di institusi-institusi pelajaran tinggi. Kerajaan memang sudah mengkaji masalah-masalah yang ada di institusi-institusi pelajaran tinggi di negara ini. Syor beliau supaya Menteri Pelajaran melawat negara-negara seperti Australia, England dan Cairo untuk melihat dengan sendiri keadaan pelajar-pelajar kita di negeri luar tersebut adalah dalam perhatian saya. Dengan sokongan Ahli Yang Berhormat tersebut insya Allah lawatan ini akan saya lakukan.

Dakwaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Puan Dasimah Dasir yang mengatakan bahawa ada anak-anak miskin yang pandai tidak mendapat biasiswa tetapi ada anak-anak Datuk yang kurang pandai dapat biasiswa. Saya suka meminta Ahli Yang Berhormat memberi butir-butir yang lanjut mengenai perkara ini supaya ianya dapat dikaji oleh Kementerian Pelajaran.

Yang Berhormat Senator T. S. Gabriel menyentuh mengenai kekurangan perkakas dan alat-alat di sekolah sekarang ini. Kementerian saya mengakui memang ada terdapat kekurangan ini, akan tetapi usaha adalah sedang dijalankan untuk mengatasi masalah ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah menyatakan bahawa belum ada national curriculum dengan erti kata yang sebenar, dan saya sukacitalah sekiranya Ahli Yang Berhormat tersebut dapat menjelaskan pengertian-pengertiannya

tentang national curriculum. Saya suka juga mengesyorkan supaya apa-apa cadangan beliau mengenai national curriculum ini dikemukakan kepada Jawatankuasa Menteri yang baru dilantik untuk mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran negara kita.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad meminta Kementerian Pelajaran membentuk sebuah jawatankuasa untuk mengkaji anak-anak yang tidak bersekolah yang kebanyakannya berada di luar bandar. Ini tidaklah dapat Kementerian Pelajaran pertimbangkan, oleh kerana anak-anak yang tidak bersekolah telah terkeluar daripada tanggungjawab Kementerian. Walau bagaimanapun, Lapuran Keciciran memberi panduan kepada Kementerian Pelajaran dan lain-lain Kementerian.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya semalam bukan anak-anak yang tidak bersekolah, tetapi anak-anak yang ketinggalan selama-lama hidup mereka itu tidak bersekolah. Ini yang kami meminta siasatan yang terdapat dalam negeri kita, terutama di Negeri Kedah baru-baru ini. Itu maksud saya.

Dr Mahathir bin Mohamad: Saya kurang jelas maksudnya, adakah dia langsung tidak ke sekolah dan tidak pernah masuk sekolah?

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sungguh.

Dr Mahathir bin Mohamad: Berkenaan dengan angka-angka yang saya dapat daripada pegawai-pegawai Kementerian, peratusan bukak-budak yang masuk dalam sekolah pada tahun pertama meningkat kepada 93%. Tetapi ini adalah kanak-kanak yang masuk dalam sekolah Kerajaan. Yang lainnya masuk dalam sekolah swasta, jadi mereka tidaklah masuk di dalam peratusan ini. Kalau ada bukti yang kanak-kanak ini tidak pergi ke sekolah dan kalau dapat memberi maklumat kepada pihak Kementerian, pihak Kementerian akan cuba menarik kanak-kanak ini masuk ke dalam sekolah juga.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Othman bin Abdullah telah membandingkan peruntukan yang banyak bagi membiayai pelajaran tinggi dengan perbelanjaan sesebuah negeri yang kecil. Ini memanglah benar.

Akan tetapi, ini pun masih belum mencukupi. Saya suka menyebutkan bahawa ada cadangan-cadangan supaya ditambah lagi institusi-institusi pelajaran tinggi. Jadi, sekiranya ini dipertimbangkan dan mungkin diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara sudah semestinya akan menambahkan lagi perbelanjaan untuk membiayai pelajaran tinggi. Jika Yang Berhormat Senator tidak bersetuju kita membelanjakan lebih banyak wang untuk pelajaran tinggi, saya percaya pihak Yang Berhormat bolehlah menyuarakan apabila kita meminta peruntukan kelak.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, untuk penerangan. Sebenarnya, saya tidak membangkang tentang peruntukan yang besar yang diberikan semalam. Tetapi saya membuat penerangan dan penjelasan ini supaya mahasiswa kita di universiti tahu bahawa rakyat telah berkorban untuk mereka. Penduduk di Perlis 128,000 berbanding dengan 9,000 penduduk di Instituit Teknologi Kebangsaan, tetapi peruntukan di Instituit Teknologi Kebangsaan lebih besar daripada peruntukan-peruntukan yang ada di Negeri Perlis. Dengan ini saya meminta supaya mahasiswa sedar betapa rakyat telah berkorban untuk mereka. Ini yang saya tekankan semalam, bukan tidak bersetuju tentang peruntukan itu. Berapa banyak yang hendak diberikan pun berikanlah, tetapi mahasiswa mesti sedar pengorbanan rakyat kepada mereka.

Dr Mahathir bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada rakan saya oleh kerana saya tidak ada di waktu dianya membuat ucapan, maka mungkin saya salah faham. Saya meminta maaf, dan saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih, kerana penjelasannya tentang perbelanjaan yang begitu banyak untuk pelajaran tinggi, dan saya harap pihak-pihak yang boleh menyampaikan maklumat ini kepada mahasiswa-mahasiswa kita akan berusaha supaya mereka dapat maklumat ini dan sedar bahawa kita membelanjakan begitu banyak wang untuk mereka dan patutlah mereka menumpukan perhatian mereka supaya tidak membazirkan wang rakyat yang jika tidak digunakan untuk pelajaran mereka mungkin boleh dipergunakan untuk membina jalan-jalanraya di kampung-kampung.

Yang Berhormat Senator Tok Pangku Pandak Hamid bin Puteh Jali meminta supaya biasiswa anak-anak orang-orang Asli di dalam dan luar negeri biarlah dikekalkan. Untuk setakat ini perkara biasiswa untuk anak-anak orang Asli adalah dikendalikan oleh Jabatan yang lain daripada Kementerian Pelajaran. Tetapi bagi pihak Kementerian Pelajaran, kita tidak mengganggu kalau ada permohonan-permohonan daripada orang-orang Asli yang berkelayakan untuk mendapat biasiswa-biasiswa supaya dapat mereka meneruskan pelajaran mereka. Sekianlah ucapan saya.

3.58 ptg.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada pandangan, teguran dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri. Saya sukalah menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan mana-mana jawapan yang tidak dijawab pada hari ini semuanya akan diambil perhatian.

Yang Berhormat Senator Raja Nong Chik bin Raja Ishak mengatakan bahawa Kerajaan hendaklah berhati-hati untuk menjamin harga pasaran tidak merosot sehingga merugikan para pertanian. Ini berkenaan dengan rancangan kita di bawah Buku Hijau. Berkaitan dengan rancangan Buku Hijau perlu ditegaskan di sini bahawa matlamat rancangan ini ialah untuk melipatgandakan pengeluaran bahan-bahan makanan bagi kegunaan rakyat sendiri. Perkara ini perlu ditegaskan supaya tidak mengelirukan rakyat memandangnya semata-mata sebagai satu usaha atau satu rancangan yang akan menjamin pendapatan yang lebih. Walau bagaimanapun, untuk menggalakkan usaha-usaha bercucuk tanam Kerajaan akan sentiasa berwaspada dan mengawasi masalah pemasaran tanaman-tanaman yang tertentu. Strategi yang dibuatkan untuk pengeluaran dan pemasaran sedang disusun dalam mana FAMA telah diarahkan memainkan peranan yang utama di samping agensi-agensinya pertanian yang lain.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdul Manan telah membangkitkan dua perkara berkenaan dengan pilihanraya umum yang lalu. Yang pertama, berkenaan dengan sampul surat untuk dikembalikan selepas mengundi secara pos hendaklah dibezakan warnanya. Yang kedua kejadian serial number si pemilih dicatitkan di kertas undi. Kerajaan menghargai syor-syor yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu terhadap penggunaan sampul-sampul surat yang berlainan warnanya bagi pengundi-pengundi di pos bagi pilihanraya Parlimen dan pilihanraya Dewan Negeri. Walau bagaimanapun, saya ingin memaklumkan di sini bahawa meskipun pada masa sekarang sampul-sampul kertas pos adalah sama warnanya, namun segala penerangan ada diberi pada tiap-tiap pengundi pos semasa kertas-kertas undi itu dikirimkan kepada mereka dalam sampul yang berasingan. Adalah difikirkan bahawa segala penerangan-penerangan itu adalah mencukupi untuk membolehkan seseorang pengundi pos ataupun postal voters memasukkan kertas undi posnya ke dalam sampul kertas undi pos yang sebenar dan betul. Namun begitu, Suruhanjaya Pilihanraya boleh menimbangkan perkara ini.

Mengenai soal kejadian Nombor Siri Daftar si pemilih dicatitkan di kertas undi, ingin saya memaklumkan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya telahpun menetapkan cara-cara bagaimana hendak mengeluarkan satu-satu kertas undi dan pegawai-pegawai berkenaan telahpun diberi taklimat yang cukup dan perlu untuk menjalankan kerjanya. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Pilihanraya tidak menafikan kemungkinan berlakunya kejadian yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat Senator itu, tetapi Suruhanjaya Pilihanraya berpendapat bahawa bilangan kesilapan seperti itu adalah begitu kecil sekali, dan tidak akan mengubah keputusan pilihanraya itu keseluruhannya. Di sini ingin juga saya maklumkan bahawa sekiranya berlaku kesilapan seperti itu si pengundi boleh menolak penyemakan kertas undi itu dan meminta kerani pengundian yang berkenaan mengeluarkan kertas undi yang lain tanpa Nombor Siri Daftar si pengundi itu dicatitkan kepada kertas undi yang tersebut.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdul Manan juga menyatakan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

hendaklah mempercepatkan penyiasatan tentang tindakan tata-tertib terhadap seseorang pegawai Kerajaan. Beliau menyebut tentang adanya seorang pegawai Kerajaan yang telah digantung kerjanya selama 3 tahun, tetapi belum lagi selesai penyiasatannya. Pada keseluruhannya, Suruhanjaya bertata-tertib itu memang mengambil masa, kerana ini melibatkan peraturan-peraturan yang tertentu yang terpaksa diambil perhatian dan tindakan dengan teliti. Ini amatlah perlu untuk mengelakkan pendakwaan undang-undang ke atas Kerajaan kemudiannya oleh pihak pegawai yang diambil tindakan tata-tertib ke atasnya, sekiranya berlaku kesilapan. Mengenai kes yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator itu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam memerlukan maklumat-maklumat yang lebih jelas mengenainya supaya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dapat memberikan penjelasan yang sebenarnya tentang kedudukan kes yang tersebut.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah meminta Kerajaan mengkaji semula tangga-gaji Polis supaya seimbang dengan perkhidmatan yang mereka berikan. Pada masa ini satu Suruhanjaya Gaji telahpun ditubuhkan oleh Kerajaan dan perkara mengenai pengkajian tanggagaji seperti yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Senator itu boleh dipertimbangkan oleh Suruhanjaya baru ini.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob telah meminta supaya Kerajaan patut mengamalkan sistem kerja 5 hari seminggu dan waktu pejabat antara 9 pagi hingga 5 petang. Saya dukacita memaklumkan bahawa masa untuk menukarnya belum sampai lagi, dan perlu juga ditegaskan di sini bahawa negara kita ialah sebuah negara yang muda yang sedang membangun yang sedang menjalankan Dasar Ekonomi Baru dan Buku Hijau. Kita perlulah menghadapi masalah ini dan juga menghadapi masalah recession yang sepatutnya dicadangkan bukan hendak mengurangkan masa kerja, tetapi untuk menambahkan lagi masa kerja supaya matlamat Buku Hijau dapat diatasi dengan seberapa segera yang boleh supaya rakyat kita dapat hidup dengan lumayan dan sesuai dengan tuntutan masa dan zaman.

Berkenaan dengan cadangan sahabat saya

Yang Berhormat Senator Rafidah Aziz bahawa tahun ini telah diisytiharkan sebagai tahun wanita antarabangsa, tetapi Kerajaan Malaysia tidak mengambil apa-apa langkah pun mengenai perkara itu. Saya sukacita menyatakan di sini bahawa sebelum Kerajaan mengambil apa-apa langkah, kita suka hendak menengok apa langkah yang akan diambil oleh wanita sendiri, kerana ini adalah tahun mereka, hari mereka, maka patutlah mereka membuat syor-syor yang sepatutnya mereka rasa Kerajaan boleh menolongnya dan Kerajaan menanti syor-syor itu. (*Tepuk*).

4.18 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjelaskan hanya beberapa perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan semalam.

Kerajaan memang menyedari akan kejadian jenayah yang banyak berlaku dalam negara kita ini. Kejadian jenayah ini sebenarnya adalah amat sukar hendak dihapuskan sama sekali, tetapi pihak Polis sentiasa mengambil perhatian berat dan diharap kejadian jenayah itu tidak akan meningkat, malah diharap akan dapat diturunkan jumlahnya dari semasa ke semasa. Adalah tidak benar sekali tuduhan seperti yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Datuk Syed Kechik, Datuk Syed Hassan dan Dr Lim Ah Sitt bahawa kejadian jenayah dalam negara kita ini telah bertambah. Di sini suka saya menyatakan perangkaan selama empat tahun bagi membuktikan tuduhan-tuduhan itu adalah kurang tepat iaitu:

	1967	1968	1969	1973
Pembunuhan ...	167	151	285	173
Perompakan dan gerombolan ...	301	284	136	194
Rompakan ...	1,876	1,957	1,377	1,404
Peras-ugut ...	870	984	676	386
Pecah Rumah dan Curi ...	8,464	8,507	7,525	8,352

Nayatalah sekali kedudukannya bertambah baik dan tahun 1973 dibandingkan dengan tahun 1967, 1968 dan 1969.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kejadian judi ini juga satu perkara yang menjadi persoalan besar kepada negara kita ini, akan tetapi seperti juga kejadian jenayah maka

judi ini tidak akan dapat dihapuskan sama sekali, tetapi keadaan bermaharajalela seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini tempoh hari adalah tidak begitu tepat juga, malah kejadian ini adalah berlaku di waktu-waktu yang tertentu, terutama sekali Tahun Baru China yang akan sampai waktunya tak berapa lama lagi. Maka pihak polis adalah sentiasa mengawasi kejadian-kejadian ini daripada bertambah-tambah merebak atau dikatakan bermaharajalela itu.

Saya juga berterima kasih sebanyak-banyaknya kepada Yang Berhormat Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim yang telah memuji kekuatan dan juga kesetiaan Anggota Rela di Perlis dan ini juga satu perkara yang patutlah kalau ada yang baik itu Ahli Yang Berhormat puji, mana yang tak baik patut juga diberi teguran. Di sini suka saya menyatakan bahawa kekuatan Rela ini akan ditambah menjadi 500,000 orang pada tahun ini dan di Negeri Perlis, Perak, Kedah dan juga di Kelantan termasuk Pahang kekuatan Anggota Rela ini adalah diutamakan jika dibandingkan dengan negeri lain kerana adanya ugutan komunis daripada sempadan Negeri Thai. Tetapi kekuatan Anggota Rela ini tidak sahaja menjaga kejadian jenayah dan juga anasir-anasir subversif dan anti-nasional, tetapi juga akan diselaraskan dengan tenaga pembangunan Buku Hijau yang sekarang ini sedang kita perhebatkan gerakannya. Kepada Ahli Yang Berhormat di negeri masing-masing saya harap akan dapat juga memberikan sumbangan dan kerjasama supaya dapat memberikan panduan kepada Anggota-anggota Rela ini bagi mereka itu dapat memberikan tenaga dalam bidang pembangunan dan dasar Buku Hijau ini senapang-senapang akan juga diberi kepada mereka itu jika difikirkan patut untuk kegunaan memusnahkan tanamantanaman dalam rancangan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan kepada Ahli Yang Berhormat yang memberikan pandangan dalam hal Kementerian Hal Ehwat Dalam Negeri ini akan diambil perhatian.

4.12 ptg.

Timbalan Menteri Perhubungan (Datuk Haji Wan Abdul Kadir bin Ismail): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini

untuk mengucapkan terima kasih saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas cadangan-cadangan yang telah dikemukakan mengenai Kementerian saya sewaktu membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan, 1975. Cadangan-cadangan yang telah dikemukakan itu adalah di dalam makluman Kementerian saya dan jika perlu kajian-kajian kemungkinan akan dibuat menurut keutamaan masing-masing.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad yang meminta supaya barang-barang diimpot melalui Pelabuhan Pasir Gudang yang baharu di Johor dan tidak melalui Pelabuhan Singapura, saya suka mengatakan bahawa Kementerian saya sememangnya bertujuan untuk menggunakan Pelabuhan Pasir Gudang bagi tujuan mengimpot dan mengeksport barang-barang dari negeri-negeri di selatan Malaysia Barat. Walau bagaimanapun semua barang-barang yang akan diimpot atau diekspot melalui Pelabuhan Pasir Gudang itu akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat menurut kemampuan pelabuhan itu sendiri. Saya suka menyatakan dan mengumumkan dalam Dewan ini bahawa kapal pertama yang akan menggunakan pelabuhan Pasir Gudang di Johor ini ialah sebuah kapal pengangkut minyak kelapa sawit pada 2hb Februari, 1975.

Ahli Yang Berhormat itu telah mengesyorkan supaya Lapanganterbang Senai dinaikkan ketaraf antarabangsa dan menggunakan lapanganterbang itu untuk perkhidmatan ke Malaysia Timur. Saya suka menjelaskan Lapanganterbang Senai mungkin akan dijadikan lapanganterbang antarabangsa pada suatu masa nanti setelah kemajuan penggunaan lapanganterbang itu mencapai peringkat yang memuaskan. Kementerian saya sedang mengkaji kemungkinan mengadakan perkhidmatan penerbangan dari Kuala Lumpur ke Malaysia Timur dengan menggunakan Lapanganterbang Senai dan tidak lagi melalui Singapura.

Mengenai nasihat pakar-pakar luar negeri dalam usaha pembinaan pelabuhan-pelabuhan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu, saya suka menjelaskan bahawa perkhidmatan pakar berhubung dengan pembinaan pelabuhan-pelabuhan adalah perlu digunakan kerana negara ini belum mempunyai pakar-pakar pembinaan pelabuhan yang cukup. Walau bagaimanapun, dengan

pengalaman yang didapati pada masa-masa yang lalu kita mula mempunyai pakar-pakar tempatan yang boleh mengelolakan kerja-kerja pembinaan pelabuhan.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mansor Mohamed supaya mengadakan tambahan talian-talipon sebagaimana yang saya janjikan dahulu, saya suka menjelaskan bahawa dalam tahun ini Jabatan Talikom akan menyiapkan pembinaan 18 ibusawat talipon yang boleh membekalkan sebanyak 46,000 talian-talipon kepada pelanggan-pelanggan di seluruh Malaysia. Jabatan Talikom juga akan memasang sebanyak 147,700 pasang kabel bawah tanah di seluruh Malaysia dan pemasangan ini akan dapat disiapkan pada akhir tahun ini. Bagi Negeri Trengganu pemasangan 2,000 talian di bandar Kuala Trengganu dijangka akan dapat disiapkan pada akhir tahun 1975. Di samping itu juga satu ibusawat talipon di Gong Badak, Trengganu sedang dalam pembinaan dan ibusawat tersebut akan dapat membekalkan sebanyak 100 talian talipon kepada pelanggan-pelanggan. Jabatan Talikom juga sedang memasang sebanyak 4,000 pasang kabel di bawah tanah di seluruh negeri Trengganu dan dijangka akan dapat disiapkan pada akhir tahun ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengesyorkan supaya memperbaiki perkhidmatan Pos di Pantai Timur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu bahawa Jabatan Pos ada membuat hantaran mel dengan udara dari Pantai Timur ke Kuala Lumpur pada tiap-tiap hari, kecuali pada hari Sabtu dan begitu juga hantaran ada dibuat pada tiap-tiap hari dengan menggunakan keretapi. Oleh yang demikian, kelewatan penghantaran surat selama 7 hari tidak sepatutnya berlaku. Walau bagaimanapun, jika Yang Berhormat boleh mengemukakan surat yang dikatakan mengalami kelewatan itu kepada saya, maka penyiasatan akan dijalankan selanjutnya.

Berhubung dengan perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd. Amin Yaacob supaya mengadakan perkhidmatan keretapi biasa dari Kuala Lipis ke Tumpat, saya suka menjelaskan bahawa setakat ini sudah ada satu perkhidmatan Keretapi Ekspres Gemas-Tumpat dan sebaliknya dan dua perkhidmatan Keretapi biasa Kuala Kerau-Tumpat

serta Gua Musang-Tumpat dan sebaliknya pada tiap-tiap hari. Oleh sebab perkhidmatan yang ada pada masa sekarang ini adalah mencukupi, maka Jabatan Keretapi Tanah Melayu masih belum bercadang untuk menambah perkhidmatan keretapi biasa.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Dr Wee Khoo Hock yang meminta supaya Pelabuhan Tumpat di Kelantan dijadikan sebagai pelabuhan yang sesuai untuk semua musim, bahawa perkara ini akan dikaji oleh Kementerian ini.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Syed Hassan Aidid untuk mengadakan perkhidmatan bas di antara kapalterbang ke bangunan terminal, saya suka menjelaskan bahawa bagi Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Lapanganterbang Pulau Pinang, rancangan telah dibuat untuk mengadakan jejambat yang tertutup dari pintu kapalterbang ke bangunan terminal. Penumpang-penumpang tidak lagi perlu menaiki bas daripada kapalterbang ke bangunan terminal.

Ini ialah sebahagian daripada rancangan pembesaran lapanganterbang-lapanganterbang yang akan dimulakan pada tahun ini juga bagi lapanganterbang Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Projek pembesaran lapanganterbang Kuala Lumpur dijangka memakan belanja \$38 juta dan projek pembesaran Lapanganterbang Pulau Pinang dijangka memakan belanja sebanyak \$68 juta. Dengan pembesaran itu kelak lapanganterbang Pulau Pinang akan dapat digunakan oleh kapalterbang Jumbo Jet.

Saya juga suka menyatakan lain-lain projek untuk membesarkan lapanganterbang-lapanganterbang yang sedang dan akan dijalankan oleh Kementerian Perhubungan ialah Lapanganterbang Kota Kinabalu memakan belanja \$64 juta, Lapanganterbang Kuantan \$65 juta; Lapanganterbang Kuching \$28 juta, Lapanganterbang Miri \$12 juta, Lapanganterbang Sandakan \$31 juta dan Lapanganterbang Kuala Trengganu \$12 juta. Lain-lain lapanganterbang yang kecil-kecil juga sedang dalam tindakan untuk diambil usaha-usaha bagi memperbesarkannya.

Saya suka juga mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa Syarikat MAS telah mencapai kejayaan yang membanggakan dari semenjak ia mula dijalankan dua

tahun yang lalu. MAS pada masa ini telah membuat penerbangan antarabangsa ke Bangkok, Jakarta, Hongkong, Taipei, Medan, Madras, London, Sydney dan Manila dan akan menggunakan kapalterbang Jumbo Jet pada tahun depan iaitu dengan menggunakan kapalterbang jenis DC 10.

Kedudukan kakitangan dalam MAS sekarang ini adalah bertambah baik terutama dari segi penyertaan bumiputra dalam perkhidmatan MAS. Pada mula-mula MAS ditubuhkan kedudukan kakitangan bumiputra hanya 25% sahaja. Pada masa ini, dua tahun selepas ditubuhkan jumlah kakitangan bumiputra ialah sebanyak 53%. Dari jumlah 117 orang yang dihantar untuk mengambil latihan sebagai Pilot, Jurutera Penerbangan, Artisan dan lain-lain, 72% daripadanya adalah terdiri daripada bumiputra. Syarikat MAS juga pada masa ini telah menambah wakil-wakil jualannya dari Syarikat-syarikat Bumi-putra.

4.22 *ptg.*

Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Abu Bakar bin Umar): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat beberapa teguran mengenai Kementerian Kesihatan dan memberikan syor-syor bagi membaiki perkhidmatan perubatan dan kesihatan semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 1975. Semua teguran teguran itu dan syor-syor Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian saya. Ada beberapa perkara telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan di sini saya saya memberi sedikit sebanyak penjelasan di atas perkara-perkara itu.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Rahim bin Manan telah membangkitkan perkara mengenai sistem baru membenarkan dua orang pelawat sahaja melawat tiap-tiap pesakit di Hospital Besar Seremban. Sistem baru yang membenarkan hanya dua pelawat sahaja melawat tiap-tiap pesakit di Hospital Besar Seremban itu adalah satu sistem yang baik untuk faedah pesakit-pesakit itu sendiri. Sebenarnya sistem itu bukan menghadkan dua orang pelawat sahaja bagi tiap-tiap pesakit tetapi ialah untuk dua orang pelawat pada satu ketika. Apabila dua orang pelawat ini keluar, dua orang pelawat lain pula bolehlah melawat pesakit itu. Jika dua orang

pelawat melawat seorang pesakit selama 15 minit ataupun 20 minit maka dalam masa satu jam waktu melawat tengahari maka bererti 6 orang boleh melawat pesakit itu. dan pada waktu melawat sebelah petang selama dua jam, 12 orang pelawat boleh melawat pesakit itu menjadikan semuanya 18 orang dalam sehari.

Memandang bahawa kanak-kanak senang diserang penyakit maka itulah sebab-sebabnya tidak digalakkan kanak-kanak di bawah umur 12 tahun melawat pesakit-pesakit di hospital.

Yang Berhormat Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad telah membangkitkan mengenai kelinik dan hospital hendaklah dibina di tempat-tempat yang jauh dan terpencil di Sabah. Saya suka menjelaskan bahawa Kementerian Kesihatan memberi sepenuh keyakinan bahawa Negeri Sabah adalah diberi perhatian yang utama di atas kemudahan-kemudahan kesihatan dan perubatan. Dalam Rancangan Malaysia Kedua, Kementerian Kesihatan telah meluluskan sebanyak 195 projek-projek untuk Negeri Sabah, ini termasuklah 4 Pasukan Kesihatan Kawasan (Area Health Unit), 7 Projek Pusat Kesihatan Daerah, 103 Pusat-pusat Kesihatan Kampung, 19 projek Dispensari, 7 Hospital Daerah, 30 projek untuk memperbaiki hospital yang ada sekarang dan lain-lain, pembelian beberapa kereta dan bot-bot dan projek-projek bekalan air dan tandas di luar bandar. Masaalah yang dihadapi di Negeri Sabah ialah kesusahan bagi Kementerian ini untuk melaksanakan projek-projek terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar yang jauh terpencil dan sukar untuk dihubungi. Walaupun demikian, Kementerian ini dengan kerjasama penuh Jabatan Kerja Raya Sabah dengan sedaya upaya mencuba melaksanakan semua projek-projek ini sehingga bulan November tahun 1974 sebanyak 94 projek-projek sudah siap disediakan dan 20 buah projek lagi adalah dalam peringkat pembinaan. Selain daripada itu tawaran sedang dipanggil untuk 12 projek yang lain dan tindakan sedang diambil untuk melancarkan 67 projek-projek yang tinggal.

Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob telah membangkitkan persoalan mengenai hospital-hospital yang lama dan lapuk hendaklah diganti dan diperbaharui. dan memberi contoh Hospital Daerah Bentong. Bagi jawapan persoalan ini, saya

suka memaklumkan bahawa Hospital Daerah Bentong sebuah yunit bersalin baharu telah disediakan dalam tahun 1971, sebuah wad Kelas III telah diperbaharui di dalam tahun 1973 dan sebuah Jabatan X-Ray baru telah disiapkan dalam tahun 1974. Pada masa ini sebuah yunit kesihatan penyakit otak sedang dibina di daerah Bentong. Selain daripada itu sebuah makmal yang termoden juga akan dibina di Hospital Bentong. Ahli Yang Berhormat itu juga membuat teguran tentang kekurangan doktor dan seharusnya Matron dan Sister hendaklah diberi peluang dinaikkan menjadi doktor sesudah mempunyai pengalaman yang lama. Saya suka menjelaskan, iaitu kelulusan yang dikehendaki bagi seorang doktor adalah tidak sama dengan kelulusan yang diperolehi oleh seorang Matron, dan juga sebelum seorang dapat diiktiraf sebagai doktor hendaklah beliau mempunyai kelulusan akademik dari universiti-universiti yang diiktiraf dan juga boleh daftarkan di bawah Akta Perubatan. Matron dan Ketua Jururawat sebaliknya tidak mempunyai latihan asas seumpama yang diberi kepada doktor dan latihan asas bagi kedua-dua kategori ini adalah berlainan daripada latihan doktor yang berkelulusan iktisas. Sebaliknya pula sudah tentu pihak orang ramai tidak suka diperiksa oleh pegawai-pegawai yang tidak berkelulusan iktisas ini serta memberi tawaran kepada mereka.

Berkaitan dengan gaji atendan, driver dan jururawat, Ahli Yang Berhormat mungkin juga ingat bahawa Kerajaan telahpun melaksanakan Gaji Suffian di dalam tahun 1970 dan pada masa ini Kerajaan telahpun menubuhkan satu Suruhanjaya Gaji untuk menyemak bukan sahaja gaji atendan, driver dan Jururawat tetapi keseluruhan perkhidmatan am. Oleh yang demikian, haruslah kita tunggu akan kajian-kajian yang akan dibuat oleh Suruhanjaya Gaji tertentu.

Berkenaan dengan teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Dr C. Sinnadurai iaitu Kementerian haruslah mengambil segala daya usaha untuk mengekalkan doktor-doktor dalam perkhidmatan Kerajaan. Sukacita saya menyatakan iaitu Kementerian saya telahpun mengambil berbagai-bagai daya usaha mengadakan Tingkatan Tertinggi yang lebih banyak lagi dari setahun ke setahun dan mengadakan biasiswa-biasiswa untuk pengajian lanjutan.

Tiap-tiap tahun Kementerian juga menghantar beberapa orang doktor untuk menghadiri kursus pendek dan seminar di seberang laut. Segala daya-upaya ini ialah untuk memberi pengalaman yang banyak kepada doktor Kerajaan supaya mereka terus berkhidmat dengan Kerajaan.

Yang Berhormat Dr Lim Ah Sitt telah membuat teguran tentang menambahkan yunit perubatan jiwa di Hospital-hospital Besar dan Daerah di seluruh negara. Suka saya jelaskan bahawa Kementerian saya telah menjalankan satu rancangan dalam Perkhidmatan Kesihatan Otak dan Perubatan Jiwa dengan membahagikan kepada 6 kawasan rantau sebagai berikut:

- (a) Kawasan Rantau Pertama: Pulau Pinang, Kedah dan Perlis berpusat di Hospital Besar Pulau Pinang.
- (b) Kawasan Rantau Kedua: Perak berpusat di Hospital Bahagia Ulu Kinta.
- (c) Kawasan Rantau Ketiga: Selangor, Pahang Barat dan Negri Sembilan berpusat di Hospital Besar Kuala Lumpur.
- (d) Kawasan Rantau Keempat: Melaka dan Johor berpusat di Hospital Permai, Johor Bahru.
- (e) Kawasan Rantau Kelima: Kelantan, Trengganu dan Pahang Tenggara berpusat di Hospital Besar Kota Bharu.
- (f) Kawasan Rantau Keenam: Sabah dan Sarawak.

Di dalam rancangan ini termasuklah penubuhan yunit-yunit kesihatan otak dan perubatan jiwa di beberapa buah hospital besar dan hospital daerah di dalam negeri ini. Klinik-klinik perubatan jiwa juga ada ditubuhkan di hospital-hospital daerah dan pegawai-pegawai serta kakitangan dari bahagian Pusat Kawasan Rantau membuat lawatannya ke hospital-hospital tersebut. Segala usaha sedang giat dijalankan oleh Kementerian saya untuk melatih pegawai-pegawai iktisas dan kakitangan para perubatan di dalam bidang perubatan jiwa. Sekarang ini Kementerian saya mempunyai Pembantu Hospital Muda yang diberi latihan khas di dalam perubatan jiwa.

Berkaitan dengan Yunit Rawatan Khas yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian

saya juga memang berniat hendak menubuhkan lebih banyak lagi yunit-yunit rawatan khas di beberapa buah hospital untuk memberi rawatan rapi ke atas kes penyakit jantung.

Berhubung dengan komen yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Joseph Unting anak Umang, maka adalah dicadangkan bahawa satu Pusat Kesihatan Daerah dengan 32 buah katil akan dibina di Kanowit di dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga. Yang Berhormat Menteri Kesihatan akan melawat Negeri Sarawak dari 17hb Februari hingga 21hb Februari dan akan menyiasat masaalah ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis dtempohkan sekarang selama 15 minit.

Persidangan dtempohkan pada pukul 4.33 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.00 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

5.00 ptg.

Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas bagi Hal Ehwal Luar Negeri (Tengku Ahmad Rithaudeen Al-Haj): Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat pandangan-pandangan, cadangan-cadangan dan teguran-teguran di dalam Dewan ini tatkala membahaskan Budget dalam masa dua tiga hari yang lepas. Dan saya akan menyentuh mana-mana yang telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, jika saya tidak dapat menjawab semua perkara yang telah diperkatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka menyatakan bahawa pihak Wisma Putra iaitu Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri akan mengambil perhatian perkara-perkara yang telah ditegur oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya suka menjawab teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock bersabit dengan perkara pelajaran anak-anak kepada pegawai-pegawai kita yang berkhidmat di dalam Kementerian Hal

Ehwal Luar Negeri. Saya suka menyatakan bahawa sebenarnya pelajaran anak-anak bagi pegawai-pegawai kita yang berkhidmat di luar negeri adalah merupakan satu soal yang berat dan rumit, kerana ini adalah satu perkara berkait dengan pertalian ibu-bapa dengan anak, iaitu sebagai satu yunit keluarga supaya kawalan dan bimbingan dapat diberikan oleh ibu-bapanya yang disesuaikan dengan kemudahan sistem pelajaran yang berlainan yang terdapat di sesuatu tempat di mana-mana pegawai-pegawai itu berkhidmat di Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri.

Perkara-perkara yang dihadapi adalah perbelanjaan pelajaran yang tinggi di kebanyakan tempat dan masalah pekerjaan selepas persekolahan nanti akibat daripada sistem pelajaran yang berlainan. Saya suka menyatakan, iaitu buat masa sekarang ini Kerajaan memberikan kemudahan pelajaran di peringkat rendah kepada anak-anak pegawai kita yang berkhidmat di luar negeri dengan membayar 2/3 daripada yuran persekolahan anak-anak mereka. Sebaliknya bagi mereka yang ditinggalkan bersekolah di Malaysia ini ibu-bapa mereka itu dibenarkan balik ke Malaysia iaitu salah seorang daripada ibu ataupun bapa, dengan perbelanjaan Kerajaan setahun sekali. Sebaliknya jikalau ibu ataupun bapa tidak dapat balik ke Malaysia, kita juga memberikan peluang kepada anak-anaknya melawat mereka setahun sekali di atas perbelanjaan Kerajaan. Saya suka juga menyatakan di sini bahawa di Malaysia, barangkali rakan saya Yang Berhormat Menteri Pelajaran bersama mengakui iaitu pelajaran rendah (primary education) adalah diberi percuma (free education) dan dengan sebab itu perlulah Kerajaan menimbangkan kedudukan ini supaya pelajaran primary education di peringkat rendah setakat mana yang boleh diberikan ataupun ditanggung oleh pihak Kerajaan. Kita (Wisma Putra) pula pada masa sekarang ini, telah menyedari bahawa kemudahan yang diberikan ini adalah jauh daripada mencukupi dan sangatlah tidak memuaskan. Dalam hal ini satu kajian yang rapi telahpun dilaksanakan untuk mengatasi masaalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai kita yang berkhidmat di Kedutaan-kedutaan kita di seberang laut bersabit dengan pelajaran anak-anak mereka.

Pandangan dan syor Wisma Putra iaitu Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri telah-pun dikemukakan kepada pihak yang berkenaan supaya kita dapat pandangan-pandangan daripada Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan di atas syor-syor dan pandangan-pandangan daripada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ini. Buat pada masa sekarang, saya suka menyatakan bahawa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri adalah menunggu pandangan-pandangan dan keputusan akhir, di atas cadangan-cadangan yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ini. Dan buat pada masa sekarang ini cadangan ataupun syor-syor yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri tidaklah dapat saya berikan satu-persatu dengan lanjutnya untuk dikemukakan di Dewan ini. Walau bagaimanapun, saya berharap Jabatan-jabatan dan Kementerian-kementerian tersebut akan segera dapat menimbang-cadangan-cadangan ini supaya mendapat kelulusan daripada pihak atasan supaya cadangan-cadangan ini dapat dilaksanakan. Dengan adanya kelulusan daripada cadangan ini, mungkin sedikit-sebanyak kesulitan yang dihadapi oleh pegawai-pegawai kita dapat diatasi. Di samping itu, ini akan memberikan pelajaran yang sempurna kepada anak-anak mereka sebagaimana yang dinekmati oleh pegawai-pegawai kita yang lain dalam Jabatan Kerajaan ataupun sama sebagai Pegawai Kerajaan setakat mana yang boleh seperti yang terdapat di negara kita Malaysia ini.

5.06 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat dan menyuarakan pendapat-pendapatnya tentang aktiviti-aktiviti Jabatan-jabatan di bawah Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan.

Izinkan saya mulai dengan menjawab teguran dari Yang Berhormat Senator Abdul Rahim bin Abdul Manan yang meminta Kerajaan membenarkan lebih dari sebuah syarikat bas menjalankan perkhidmatannya di satu-satu perjalanan (route) bagi mengatasi

masaalah kekurangan bas-bas. Di sini sukalah saya menyatakan bahawa tidaklah menjadi dasar Kerajaan untuk membenarkan lebih daripada sebuah syarikat bas menjalankan perkhidmatan di sesuatu perjalanan bas. Oleh sebab cara begini mungkin akan menyebabkan runtuhnya sesuatu syarikat bas kerana kekurangan perniagaan dan ini adalah dianggap tidak diingini. Walau bagaimanapun, Kerajaan adalah mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengatasi masalah pengangkutan bas oleh orang ramai di satu-satu kawasan itu. Kerajaan akan bertindak jika aduan-aduan diterima daripada orang-ramai terhadap ketidak-cekapan perkhidmatan sesuatu syarikat bas tertentu seperti kekurangan bas-bas dan lain-lain dan menasihatkan syarikat bas yang ada yang berkenaan itu untuk memperbaiki perkhidmatan mereka dengan menambahkan bilangan bas-bas mereka di mana-mana yang perlu. Kecuali jika sekiranya pihak syarikat terus gagal memperbaiki keadaan itu maka barulah tindakan keras diambil bagi memberikan peluang kepada syarikat yang lain yang dianggap berkebolehan menjalankan perkhidmatan dengan memuaskan untuk meneruskan perkhidmatan bas di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Syed Kechik telah menegur berkenaan dengan projek-projek pembinaan jalan di Sabah yang dikatakan banyak telah tergendala. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan jalan-jalanraya di Negeri Sabah adalah berjalan dengan licin sebagaimana yang dijadualkan mengikut peruntukan yang disediakan walaupun kita ada menghadapi masaalah-masaalah sedikit seperti kekurangan batu. Tetapi dengan tertubuhnya kuari-kuari bergerak yang sedang kita pesan pada waktu ini kita yakin masaalah kekurangan baru ini akan dapat diatasi dan seterusnya projek pembinaan jalan-jalanraya di Negeri itu akan dapat dilaksanakan dengan lebih lancar lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Haji Yaacob telah meminta Kerajaan supaya ditambah bilangan teksi-teksi dengan memberikan lesen-lesen teksi kepada orang-orang yang memohonnya. Kerajaan adalah sentiasa mengkaji soal menambahkan bilangan kenderaan-kenderaan awam seperti bas dan teksi untuk mengatasi masaalah pengangkutan orang ramai dan pihak Lembaga Pelesenan Pengangkutan

Jalan adalah dari semasa ke semasa mengeluarkan lesen-lesen teksi yang baru kepada pemohon-pemohon yang berkelayakan. Akan tetapi pihak Lembaga tidaklah dapat mengeluarkan lesen-lesen kepada semua yang memohon oleh kerana ini tidaklah dianggap ekonomik. Sukalah saya menyatakan di sini, pada masa sekarang Kementerian ini sebenarnya sedang menjalankan temuduga-temuduga supaya lebih banyak lagi bilangan teksi dikeluarkan. Dengan langkah ini, kita berharap bahawa kekurangan teksi-teksi akan dibaiki lagi.

Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Haji Yaacob juga telah mengesyorkan supaya tindakan yang keras diambil terhadap pemandu-pemandu lori dan teksi yang didapati bersalah di dalam perlanggaran yang mereka terlibat. Kerajaan adalah sentiasa mengambil langkah yang tegas bagi mengatasi masalah kemalangan jalanraya terutamanya yang berpunca dari kenderaan commercial seperti lori-lori dan teksi-teksi. Misalnya Kerajaan telah membuat pindaan kepada Akta Lalulintas seperti mana dalam Akta A/64/73 yang bertujuan mencegah kenderaan-kenderaan ini dari melakukan kesalahan-kesalahan jalanraya dan mengenakan denda yang lebih berat kepada sesiapa yang melanggar peraturan-peraturan lalulintas. Tindakan-tindakan sewajarnya juga adalah diambil dengan kerjasama pihak Polis dan Pegawai-pegawai Penguatkuasa Jabatan Pengangkutan Jalan bagi mendenda dan seterusnya mendakwa dalam Mahkamah pemandu-pemandu lori atau teksi yang cara memandu mereka dianggap merbahaya dan menyebabkan kemalangan di mana lesen memandu mereka itu akan digantung atau diberi amaran keras mengikut jenis kesalahan yang mereka lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, dua lagi perkara yang telah ditimbulkan dan satu daripadanya oleh Yang Berhormat Senator Joseph Unting anak Umang yang telah membangkitkan perkara jalan-jalanraya di Kanowit dan di Sibu, Negeri Sarawak. Perkara ini telah diambil ingatan dan dimajukan kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk tindakan yang sewajarnya.

Satu perkara lagi yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Syed Omar bin Syed Hussain iaitu mengenai syor Kerajaan untuk mengeluarkan semula lesen Kelas C untuk motosikal mengangkut barang-barang.

Perkara kegunaan motosikal untuk mengangkut barang-barang sedang dalam kajian dan keputusannya akan diumumkan tidak berapa lama lagi.

5.14 ptg.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian, saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan beberapa syor dan memberi teguran kepada perkara-perkara yang mengenai Kementerian Tanah dan Galian.

Yang Berhormat Senator Haji Othman bin Haji Abdullah telah meminta kerjasama di antara Kementerian, Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri dalam menyelenggara pentadbiran tanah dan perkara-perkara lain. Beliau juga telah menyatakan bahawa pernah didapati satu perkara dimana Kerajaan Pusat ataupun Kementerian pass the buck kepada Kerajaan Negeri dan sebaliknya dan beliau telah memberi satu misal mengenai kelambatan mengeluarkan geran tanah kerana terdapat banyak tanah yang masih tidak ada geran hingga sekarang ini. Suka saya menyatakan bahawa kerjasama diantara Kementerian Tanah dan Galian dan Kerajaan Negeri sentiasa dilaksanakan dan dalam jawapan saya kepada Yang Berhormat Datuk Chan Kwong Hon pada 15hb dahulu, saya telah memberi penjelasan bagaimana caranya yang telah dilaksanakan oleh Kementerian ini untuk melicinkan pentadbiran tanah. Selain dari itu Ahli Yang Berhormat Abdul Rahim bin Abdul Manan telah menimbulkan masalah kelambatan dalam urusan permohonan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sedar mengenai perkara ini bahkan Kementerian Tanah dan Galian akan cuba mengatasi dengan sedaya upaya. Kementerian ini telah mengambil langkah-langkah serta mencari jalan bagi melicinkan lagi susunan pentadbiran tanah di tiap-tiap Negeri. Kursus-kursus pentadbiran tanah sedang dijalankan ataupun diadakan dengan lebih kerap lagi di peringkat Persekutuan dan juga di peringkat Negeri-negeri bagi melatih pegawai-pegawai tanah dengan tujuan supaya mereka akan menjadi pegawai-pegawai yang lebih cekap, mahir dan dapat mengatasi masalah-masalah

kelambatan-kelambatan yang terdapat dalam pentadbiran tanah itu. Di samping itu juga, Jabatan Ketua Pengarah Tanah Persekutuan telah menubuhkan satu pasukan petugas (task force) untuk membantu pegawai-pegawai tanah di negeri-negeri selain dari tugas mereka menyelesaikan masalah pemberian milik tanah bagi kampung-kampung baru. Pasukan ini telah mendapat kerjasama yang baik antara Kerajaan Negeri. Dengan adanya pasukan ini hasil yang memuaskan telahpun dicapai. Kerajaan-kerajaan negeri telah diberi arahan supaya mengekalkan pegawai-pegawai di Pejabat-pejabat Tanah dengan tidak menukar mereka terlalu kerap ke pejabat atau ke jabatan-jabatan lain. Selain daripada itu, bilangan pegawai-pegawai tanah juga sedang diberi perhatian untuk ditambah dengan keadaan work-load serta keperluan tenaga pekerjaan yang sebenarnya.

Selain dari langkah-langkah tersebut, Kementerian Tanah dan Galian juga sedang menimbang langkah-langkah untuk menyusun semula pentadbiran Pejabat Tanah yang ada sekarang ini. Langkah-langkah tersebut sedang ditimbang dengan Kerajaan Negeri supaya Pejabat-pejabat Tanah yang ada sekarang ini dapat dibahagikan kepada dua bahagian yang besar iaitu Bahagian Development dan Bahagian Routine. Bahagian Development adalah khas bagi mengawal permohonan-permohonan tanah untuk pembangunan supaya permohonan-permohonan tanah dapat disegerakan dan Bahagian Routine pula adalah untuk memberi perhatian yang khas bagi urusan perkara-perkara seperti survey, endorsement, issues of title dan lain-lain lagi. Bahagian ini akan merupakan bahagian yang penting kepada keseluruhannya kerana perkara-perkara yang seperti ini adalah menjadi tumpuan dan perhatian orang ramai di seluruh Pejabat Tanah pada amnya.

Saya berharap dengan langkah-langkah yang akan dijalankan seperti yang tersebut di atas sebahagian besar daripada masalah-masalah yang dihadapi sekarang dapat diselesaikan dan dengan ini pendapatan Pejabat Tanah akan bertambah licin dan effective lagi.

Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein telah menimbulkan perkara orang-orang perseorangan yang telah diberi tanah 5,000 hingga 10,000 ekar.

Sebagaimana Yang Berhormat mungkin sedia maklum perkara tanah ialah hak Kerajaan Negeri. Soal menghadkan pemberian tanah kepada orang-orang perseorangan atau orang-orang asing ataupun kepada badan-badan yang berkenaan adalah merupakan satu soal dasar yang perlu diselidiki dengan sedalam-dalam dari semua sudut sebelum Kerajaan mengambil sebarang keputusan. Walau bagaimanapun, mengikut keadaan sekarang ini Kerajaan tidak perlu mengemukakan Rang Undang-undang untuk menyekat pengeluaran tanah dengan besar-besaran kerana permohonan yang dibuat baik oleh orang-orang perseorangan atau juga badan-badan, mesti ditimbang oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain yang berkenaan. Pihak Kerajaan mungkin dapat meluluskan permohonan mereka itu sekiranya didapati projek-projek yang akan dibuka itu sesuai dengan kehendak-kehendak rakyat dan Kerajaan selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Kerajaan tidak menghadkan pengeluaran tanah kepada orang perseorangan atau badan-badan lain sekiranya didapati usaha-usaha yang akan dijalankan itu sesuai untuk kepentingan pertanian dan juga ekonomi negara yang boleh dihasilkan daripadanya di samping dapat menolong mengatasi masalah pengangguran dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di negara ini.

5.22 ptg.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di sini bagi pihak Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat.

Pertamanya, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan syor-syor dan juga teguran kepada Kementerian ini dan selain daripada itu juga saya akan memberikan jawapan-jawapan kepada teguran-teguran itu. Sebagaimana diketahui oleh kerana akibat daripada inflasi dan stagflasi yang ada pada masa ini yang telah timbul di luar dugaan kita sendiri, maka Kementerian Buruh dan tenaga Rakyat memang sedang mengalami hal-hal yang rumit untuk menyelesaikan masalah-masalah yang timbul di kalangan pekerja dan kaum buruh. Walau bagaimanapun,

Kerajaan berazam bersungguh-sungguh untuk mengatasi segala kesulitan dan kerumitan itu.

Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Haji Yaacob telah membangkitkan masalah pertikaian di antara majikan dengan pekerja di syarikat South East Asia Bricks Industries. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum bahawa perkara ini telahpun dirujukkan kepada Mahkamah Perusahaan dan pada masa ini sungguhpun mahkamah perusahaan telah membuat keputusan tetapi pihak majikan tidak puas hati dan telah merayu kepada Mahkamah Tinggi. Sememangnya sebagaimana yang telah disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu bahawa pada masa hadapan satu-satu keputusan Mahkamah Perusahaan ini tidak dibenarkan lagi ahli-ahli yang terlibat dalam pertikaian itu untuk mengemukakan dalam mahkamah yang lain. Patut juga saya terangkan di sini bahawa Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat pada masa ini sedang mengkaji dan meneliti Undang-undang Buruh yang bersangkutan dan juga Undang-undang Mahkamah Perusahaan untuk mengelakkan perkara seperti itu terjadi di masa hadapan, dan kita harap suatu pindaan akan dapat dibuat mengenai Akta itu.

Yang Berhormat Raja Nong Chik telah membangkitkan berkenaan dengan gaji yang rendah yang dibayar oleh setengah-setengah syarikat yang dikelolakan oleh badan-badan berkanun. Dalam soal ini, suka saya menerangkan bahawa Kerajaan kita tidak menetapkan satu kadar gaji minima dan berdasarkan fasal ini maka sesuatu tuntutan berkenaan dengan kenaikan gaji dan sebagainya hendaklah dibuat oleh Kesatuan-kesatuan Sekerja yang ada dalam syarikat-syarikat itu sendiri. Kementerian Buruh pada bila-bila masa sedia memberikan perhatian yang sewajarnya kepada langkah-langkah yang diambil oleh pekerja-pekerja dalam mana-mana syarikat sahaja asalkan tuntutan-tuntutan itu dijalankan sesuai dengan Akta Undang-undang Syarikat Sekerja. Walau bagaimanapun, di sini patutlah saya jelaskan bahawa Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat suka sekali sekiranya Ahli Yang Berhormat itu atau Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dapat memberikan laporan yang lebih lengkap mengenai satu-satu syarikat ataupun badan-badan yang duduk di bawah badan-badan berkanun yang pekerjajanya masih belum mendapat ganjaran

ataupun upayahnya yang sesuai supaya sesuatu langkah boleh dijalankan oleh Kementerian Buruh.

Yang Berhormat Puan Rafidah Aziz telah membangkitkan suatu masalah iaitu tabung khas yang boleh menerima sumbangan daripada pihak majikan dan juga pihak pekerja serta pihak Kerajaan. Sukacita saya menerangkan di sini bahawa Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sangat tertarik hati atas pandangan yang telah dikemukakan oleh Senator Rafidah Aziz dan Kementerian ini boleh berjanji akan meneliti sehalus-halusnya akan butir-butir yang telah dikemukakannya. Kementerian ini sukacita kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat itu dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dapat memberikan butir-butir yang lebih lanjut lagi bagaimana cara-cara untuk menubuhkan dan juga melaksanakan sepenuhnya kehendak daripada tabung khas untuk membantu pekerja-pekerja, bukan sahaja dalam saat-saat yang genting, tetapi juga dalam saat-saat perusahaan yang aman. Dalam soal ini, suka saya memberi jaminan bahawa barangkali pada masa ini melibatkan keadaan ekonomi kita di dalam keadaan merosot dan juga masalah yang dialami di seluruh dunia pada masa ini dalam dunia perusahaan iaitu stagflasi, barangkali usaha hendak menubuhkan tabung khas seperti itu tentulah masih sulit untuk dijalankan. Kita berharap apabila keadaan suasana sudah berubah dan kemajuan ekonomi kita akan rancak semula dalam perdagangan antarabangsa, kita akan boleh menubuhkan tabung khas seperti itu. Dan sekali lagi saya tegaskan bahawa usul yang dikemukakan oleh Senator Rafidah Aziz akan ditimbang dengan serious oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar mencadangkan supaya syarikat-syarikat yang baru ditubuhkan hendaklah mengambil pekerja daripada Pejabat Pekerjaan. Sebenarnya perkara ini sedang dilakukan dan kerja-kerja penggalakan yang difahamkan oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Tenaga Rakyat bahawa pengambilan buruh-buruh yang didaftarkan dalam Jabatan Tenaga Rakyat sangatlah memuaskan. Perhubungan yang rapat pada masa ini terdapat juga di antara Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan

Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (FIDA).

Teguran Yang Berhormat Tuan T. S. Gabriel, sukalah saya menerangkan bahawa Kerajaan memang sedar mengenai pengeneapan pekerja-pekerja akibat daripada stagflasi pada masa ini dan sesungguhnya Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ada menjalankan penyelidikan dan kajian yang menyeluruh mengenai pekerja-pekerja yang telah diketepikan ataupun telah diberhentikan oleh syarikat-syarikat elektronik, syarikat perusahaan kain dan juga kilang-kilang kayu dan hasilnya sedang dianalisa atau dicerakinkan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Sukacitalah saya menerangkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sentiasa membuka mata dan telinga untuk memerhatikan dengan sepenuhnya akan masalah pengeneapan atau pembuangan kerja oleh majikan-majikan dan juga syarikat-syarikat pada masa ini, dan sememangnya Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat selalu mengambij langkah-langkah yang bersungguh-sungguh untuk mengelakkan pengeneapan dan pemberhentian kerja ini. Dalam hubungan inilah sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat ketahui bahawa Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat sendiri telah mengambil daya utama hendak mewujudkan satu tata-susila perusahaan untuk mengubati masalah ini dan perangkaan daripada tata-susila ini pada masa ini sedang dikaji bersama-sama dengan pihak majikan dan juga pihak pekerja-pekerja menerusi Kesatuan-kesatuan Sekerja. Kita berharap bahawa tidak lama lagi satu keputusan yang muktamad dapat diambil dan barangkali kita boleh mencegah seberapa banyak hal-hal yang sangat dikhuatirkan oleh kaum pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk V. Ponnusamy Pillai telah membangkitkan masalah nasib pekerja-pekerja yang telah diberhentikan dengan sewenang-wenangnya oleh tuan-tuan punya ladang yang telah dipecahkan. Dalam soal ini sebagaimana barangkali setengah Ahli-ahli Dewan ini mengetahui bahawa semenjak beberapa tahun yang lalu kita telah meluluskan dalam Dewan ini satu Akta berhubung dengan pemecahan ladang-ladang ini. Menurut Akta ini tiap-tiap negeri mestilah menubuhkan lembaga-lembaga untuk menimbangkan masalah-masalah yang boleh

berbangkit ataupun akan berbangkit ataupun telah berbangkit apabila sesebuah ladang yang besar dipecahkan. Jadi sebarang masalah samada pampasan atau sebagainya yang sebagaimana telah disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Ponnusamy Pillai itu bolehlah dirojokkan kepada Lembaga-lembaga yang tersebut.

Yang Berhormat Datuk V. Ponnusamy Pillai juga telah membangkitkan soal kesulitan setengah-setengah orang yang memohon permit kerja, dan Ahli Yang Berhormat itu telah menyentuh bahawa ada orang-orang yang telah tinggal di Malaysia ini sehingga 40 tahun tetapi manakala hendak memohon permit kerja daripada Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat ini selalu mendapat kesukaran. Yang sebenarnya, di dalam hal ini, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat selalu menimbangkan permohonan untuk mendapatkan permit kerja itu dengan kadar masa seberapa segera yang boleh. Tetapi dalam soal-soal yang tertentu sememangnya diakui ada pemohon-pemohon yang telah tinggal di Malaysia ini lebih dari 30 tahun permohonannya telah ditolak semata-mata ialah oleh kerana Kementerian ini mendapati bahawa si pemohon itu tidak pernah ataupun nampaknya tidak berminat hendak menjadi warganegara Malaysia ini. Ada dalam setengah-setengah kes pemohon-pemohon itu masih mempunyai keluarga di luar negeri dan pekerja ini pada bila-bila masa ada setengah-setengahnya dalam setengah-setengah kes masih balik ke negeri asalnya, 6 bulan di sana, 6 bulan di Malaysia. Jadi, Kementerian ini tidak dapat diyakinkan tentang minat dan hasratnya hendak tinggal di Malaysia ini. Oleh kerana itu dan oleh kerana didapati bahawa ia tidak memohon dan tidak ada minatnya untuk menjadi warganegara Malaysia, maka permohonannya telah ditolak sekalipun ia menyebut bahawa ia telah tinggal di Malaysia ini selama lebih daripada 30 tahun.

Yang Berhormat Datuk Ponnusamy Pillai juga telah membangkitkan soal setengah-setengah ladang telah tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan tentang memberi kemudahan-kemudahan kepada kaum pekerjanya. Dalam masalah ini, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat suka hendak mendapat maklumat-maklumat yang khusus mengenai satu-satu ladang. Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat itu atau Ahli-ahli

Yang Berhormat lain dapat melapurkan secara jelas dan tepat mana-mana satu ladang yang didapati tidak memenuhi syarat-syarat memberi kemudahan kepada kaum pekerjaannya, maka Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat pada bila-bila masa akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya terhadap ladang-ladang itu.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar ada membangkitkan soal bertambahnya pengangguran dan bagaimana kanak-kanak yang akan meninggalkan sekolah-sekolah ataupun yang tercicir dari sekolah-sekolah pada masa yang akan datang akan menjadi penganggur. Maka dalam masaalah ini sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat ketahui bahawa Kerajaan telahpun menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet untuk mengkaji semula dasar pelajaran negeri ini dan kesankesannya. Kalau sekiranya didapati benar berlaku pada masa ini murid-murid yang keluar dari sekolah banyak yang menganggur dan tidak mampu untuk membuat sesuatu pekerjaan, maka hal-hal itu akan kita kaji dan kita akan adakan cadangan-cadangan untuk membetulkannya.

Satu hal yang patut saya sebutkan di sini bahawa di dalam penyiasatan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat bahawa sekarang ini ada terdapat satu masaalah bagi mereka yang ingin mencari kerja yang datang beramai-ramai ke bandar dan meninggalkan kampung halamannya, sedangkan menurut kajian dan siasatan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, di luar-luar bandar terutamanya di ladang-ladang luar bandar memang terdapat banyak kerja-kerja kosong untuk buruh kasar, tetapi inilah masaalahnya pada masa ini banyak belia-belia kita bertumpu ke bandar-bandar, mungkin oleh kerana sesuatu tarikan yang ada di bandar dan sebagainya. Masaalah ini adalah masaalah yang mesti kita huraikan. Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat sedang berusaha bersungguh-sungguh mencari jalan menghuraikan masaalah ini.

5.37 *ptg.*

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, saya ingin memberi sedikit

penjelasan tentang beberapa perkara berkaitan dengan Kementerian ini yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Terlebih dahulu, ingin saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana teguran mereka.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Othman bin Abdullah semasa menyentuh perkara Wilayah Persekutuan telah mencadangkan supaya Ibukota kita dipercantikkan lagi. Ingin saya menyatakan bahawa Dewan Bandaraya sedang berusaha dengan pesatnya mencantikkan Bandaraya Kuala Lumpur. Bagi maksud ini, Yunit Pengindahan Bandar telah ditubuhkan dan projek-projek untuk mencantikkan tebing-tebing dan suatu rancangan menanam pokok-pokok telahpun dimulakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Syed Kechik bin Syed Mohammad menyatakan bahawa Jabatan Bomba di Ibukota tidak mempunyai kelengkapan yang cukup, khasnya beliau menyatakan bahawa semasa kejadian kebakaran di satu bangunan yang tinggi baru-baru ini, Jabatan Bomba tidak mempunyai satu tangga yang tinggi untuk membolehkan Pegawai-pegawai Bomba sampai ke tingkat-tingkat yang tinggi. Ingin saya menjelaskan bahawa pada masa sekarang Jabatan Bomba di Ibukota mempunyai tangga-tangga yang tingginya 100 kaki. Tangga-tangga ini ialah yang paling tinggi yang digunakan oleh perkhidmatan-perkhidmatan bomba di seluruh dunia. Bagaimanapun, lain-lain langkah akan diambil untuk mencegah dan memadam kebakaran di bangunan-bangunan yang tinggi seperti yang telah diterangkan semasa menjawab soalan-soalan dan juga semasa membentangkan Rang Undang-undang Perbandaran dan Lembaga Bandaran (Pindaan), 1974, peruntukan-peruntukan yang telah berkesan berhubung dengan pencegahan dan pemadaman kebakaran telahpun disediakan dan akan dikuatkuasakan dengan secepat mungkin.

Yang Berhormat Senator Datuk Dr Wee Khoo Hock semasa menyentuh perkara Perkhidmatan Bomba menyatakan bahawa Perkhidmatan Bomba seperti di Kota Bharu tidak begitu memuaskan disebabkan kekurangan peralatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, satu jentera bomba tambahan telahpun dipesan oleh Kerajaan

Negeri Kelantan dan mungkin akan digunakan pada bulan Ogos tahun ini. Dengan adanya jentera tambahan ini Perkhidmatan Bomba di Kelantan bolehlah diperbaiki lagi. Ingin juga saya menambahkan bahawa bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian ini bercadang hendak memberi bantuan kepada Jabatan-jabatan Bomba untuk menggantikan alat-alat perkakas yang dianggap obsolete. Perkhidmatan-perkhidmatan Bomba akan menghantar anggota-anggota berlatih di Pusat Latihan Bomba di Kuala Kubu Bharu dan latihan ini adalah secara saintifik dan moden.

Berkenaan dengan cadangan Ahli Yang Berhormat supaya Perkhidmatan-perkhidmatan Bomba di negara ini disatukan, ingin saya memaklumkan bahawa perkara ini sedang dipertimbangkan oleh Kementerian ini dan satu keputusan dijangka akan dicapai tidak lama lagi.

Beliau juga telah menyentuh perkara muzium dan teguran-teguran serta cadangan-cadangan beliau akan diambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, teguran Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob mengenai masalah merepot ke matian dalam Wilayah Persekutuan juga diambil perhatian. Di sini ingin saya memaklumkan bahawa Dewan Bandaraya sedang memperkemas pertadbirannya untuk menghadapi masalah-masalah tambahan akibat penubuhan Wilayah Persekutuan dan adalah diharapkan masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dapat diatasi tidak lama lagi.

5.45 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya pada mulanya mengambil peluang untuk mengucapkan terima kasih yang ikhlas kepada Yang Berhormat Senator-senator di dalam Dewan ini kerana pandangan-pandangan dan teguran-teguran membina mengenai Perutusan Belanjawan yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri kewangan dua hari yang lalu. Saya gembira kerana strategi Belanjawan 1975 telah diberi sokongan yang banyak oleh Ahli-ahli Dewan ini, saya ingin memberi jaminan kepada Ahli-ahli Dewan ini, bahawa Kerajaan akan memberi perhatian yang serious terhadap cadangan-cadangan yang telah dibuat semasa

perbahasan di atas Perutusan Belanjawan.

Saya ingin merujuk kepada setengah butir-butir tertentu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Rafidah Aziz yang memberi ingatan kepada Kerajaan mengenai langkah-langkah anti-edaran yang dikatanya tidak patut mempunyai kesan buruk ke atas inflasi yang tinggi. Kerajaan adalah sedar sepenuhnya mengenai masalah-masalah dan mustahaknya dilaksanakan strategi yang akan melawan rosotan dan pada masa yang sama inflasi seperti yang dinyatakan di dalam Perutusan Belanjawan. Oleh itu, walaupun Perbelanjaan Biasa dan Perbelanjaan Pembangunan bagi 1975 telah dibenarkan bertambah masing-masing dengan 30% dan 27%, pelaksanaan projek-projek dan rancangan-rancangan akan dilakukan secara selektif bagi mengurangkan kesan ke atas inflasi. Perhatian khas umpamanya akan diambil bagi memastikan bahawa hanya projek-projek yang berupaya mengujudkan banyak pekerjaan dan mempunyai kandungan impot yang kurang, serta mengambil masa yang singkat untuk menyiapkannya akan dilaksanakan, terutamanya di kawasan-kawasan yang mempunyai pendapatan yang rendah dan pengangguran yang tinggi.

Saya bersukacita mengetahui mengenai sokongan kuat yang diberikan terhadap kempen untuk menanam lebih banyak lagi makanan seperti yang diterangkan di dalam Buku Hijau sebagai salah satu daripada banyak langkah-langkah bagi mengurangkan kesan buruk inflasi dan kekurangan di dalam bekalan-bekalan bahan makanan. Dalam hal ini, saya ingin memberi ulasan mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Raja Nong Chik mengenai kemungkinan terdapatnya bekalan-bekalan bahan makanan dan keluaran-keluaran pertanian yang berlebihan akibat dari kempen Buku Hijau untuk meninggikan pengeluaran bahan-bahan makanan. Daripada sekarang, perhatian yang utama ialah untuk menambahkan bekalan-bekalan bahan makanan dan saya yakin Ahli-ahli Dewan ini secara umumnya mengalu-alukan prospek penurunan harga-harga bahan makanan. Apa juga pengeluaran yang berlebihan bukanlah satu perkara yang memimbangkan dan jika perkara ini berlaku kelebihan ini dapat dikurangkan atau diekspotkan.

Saya memandang berat terhadap kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat

Senator Haji Abu Bakar yang berpendapat bahawa rancangan-rancangan subsidi bagi bahan-bahan makanan, buku-buku teks dan lain-lain menunjukkan kegagalan dasar-dasar Kerajaan. Jelaslah bahawa ini bukanlah satu teguran yang adil oleh kerana inflasi masih tinggi di seluruh dunia dan kita tidak berupaya mengawal keadaan antarabangsa melainkan mengurung dan meringankan kadar inflasi dalam negeri. Tentu sekali Ahli Yang Berhormat tidak mencadangkan supaya subsidi-subsidi yang dibiayai oleh mereka yang di dalam lingkungan pendapatan tinggi untuk faedah mereka di dalam lingkungan pendapatan rendah, patut ditarik balik. Walau bagaimanapun, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan akan mengambil perhatian supaya tidak terdapat penggantungan yang besar ke atas subsidi-subsidi Kerajaan. Sekim-sekim subsidi ini patut dianggarkan sebagai langkah-langkah sementara untuk mengatasi kesan inflasi yang diimpot ke dalam ekonomi terbuka seperti yang terdapat di negara kita. Saya dapat memberi jaminan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan ini, bahawa kami dalam Kerajaan, sangat berharap agar sekim-sekim subsidi tersebut tidak menjadi perkara yang berkekalan di dalam ekonomi kita. Mengenai cadangan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Senator Zawiah binti Abdullah bahawa subsidi-subsidi bahan-bahan makanan seperti beras hanya patut diberi kepada mereka yang miskin, saya ingin menjelaskan bahawa pendapat ini adalah sukar untuk ditadbirkan dengan berkesan.

Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar bin Hamzah di dalam ulasan-ulasannya mengenai Perutusan Belanjawan tidak bersetuju bahawa kualiti kehidupan di dalam Malaysia telah bertambah baik secara relatif pada tahun-tahun yang kebelakangan ini. Di dalam jangkaannya, kualiti kehidupan telah merosot seperti yang terlihat daripada pertumbuhan di dalam masalah-masalah sosial seperti bertambahnya kes-kes sakit otak, perjudian yang berleluasa dan tunjuk-tunjuk perasaan pelajar. Saya ingin mengingatkan Yang Berhormat Senator itu bahawa masalah-masalah sosial seperti yang disebutkan itu akan ujud tidak kira taraf kehidupan atau kualiti kehidupan di dalam sebuah negara. Apa yang saya fikir lebih susah baginya untuk menafikan ialah rakyat sekarang menikmati lebih banyak daripada

keperluan-keperluan asas sosial seperti pelajaran, kesihatan, tenaga, dan lain-lain daripada dahulu.

Saya juga bergembira kerana langkah-langkah cukai baru telah mendapat sokongan dari Dewan ini. Saya sangat menghargai cadangan-cadangan yang membina yang telah dikemukakan berkenaan dengan sistem cukai dan saya suka memberi jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan akan memberi segala pertimbangan kepada pandangan-pandangan ini dan pertukaran-pertukaran akan dibuat jika dan apabila keadaan membenarkannya.

Akhir kata, saya sekali lagi suka mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini di atas teguran-teguran yang mereka beri mengenai Perutusan Belanjawan. Kerajaan akan mengambil perhatian ke atas teguran-teguran ini dan akan cuba membaiki dasar dalam usaha bersama kita untuk mengujudkan satu negara Malaysia yang bersatu-padu, aman dan sentosa.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mencadangkan saya suka juga menjawab atas lagi satu teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar bin Hamzah. Sebagai Timbalan Menteri Undang-undang, bagi menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar bin Hamzah, saya suka menyatakan bahawa naskah yang sah bagi Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 ialah naskah dalam Bahasa Malaysia.

Berkenaan dengan mengapakah perkataan-perkataan dalam Bahasa Malaysia masih terdapat di bawah Jadual Rang Undang-undang itu, saya suka menyatakan bahawa perkataan-perkataan itu adalah nama-nama rasmi bagi Kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan badan-badan berkenaan dan sebagai Yang Berhormat tentu lebih maklum bahawa nama-nama tidak perlu diterjemahkan.

5.55 *ptg.*

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: On a point of Order, Tuan Yang di-Pertua. Di bawah Peraturan Mesyuarat No. 50, Supply Bill, ini bukan Bil biasa. Supply Bill ini dibuat mengikut kehendak Article 102 Perlembagaan kita. Ini bukan sebarang Bil dan Peraturan Mesyuarat No. 50 menyatakan

bahawa Setiausaha Dewan kita kalau tidak puashati maka Rang Undang-undang ini tidak bolehlah dicap dan kalau hendak diubah mesti diedarkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, perkaranya terlalu kecil, mungkin tidak ada perbalahan dari segi substansinya ataupun contentnya, tetapi yang saya hendak tahu ialah tugas Jabatan ataupun Kementerian Undang-undang ini ialah menengok dalam masalah merangka undang-undang dan Jabatan inilah sepatutnya bertanggungjawab walaupun Kabinet yang sebenarnya yang membuat.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati jawapan sekarang ini naskah yang sahihnya ialah dalam bahasa Melayu dan ada dibalikannya naskah terjemahan dalam bahasa Inggeris—ada di dalam Jadual ini (Schedule) ini semuanya perkataan-perkataan dalam bahasa Melayu. Jawapan yang kita dapat ialah ini kesemuanya nama-nama. Perkataan nama ini susah kita hendak mengerti. Adakah ini proper noun yang dimaksudkan? Kalau proper noun, mengapa pula di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak disebutkan Kementerian Kewangan; disebutkan dalam bahasa Inggeris Ministry of Finance. Kalau sekiranya nama ini sudah jadi proper noun sebagaimana juga Yang di-Pertuan Agong yang kita tidak terjemahkan, mengapa dalam ucapan-ucapan itu diterjemahkan. Masalah ini masalah legal ataupun tidak, bukan masalah betul atau tidak betul. Kalau Rang Undang-undang mengatakan $2 \times 2 = 7$, maka kita kena kata 7 dari segi legal, walaupun tidak betul. Sekarang ini dari segi legalnya tidak sah. Saya tidak tahu—tentu ada yang tidak menyokong, tetapi saya menarik kepada peraturan ini dan kalau saya boleh berpegang dengan peraturan ini atas on a point of order, Rang Undang-undang ini kita tolak balik kepada Dewan Rakyat dan kita boleh belanjakan perbelanjaan negara kita ini dengan wang yang kita minta di dalam segi kemasukan di dalam account.

Kerajaan mestilah memberi jawapan yang betul, bukan jawapan grammer di sekolah. Ini hendak encourage orang-orang membaca dalam bahasa Melayu. Ini nama-nama tempat, ini proper noun, ini nama tempat (place). Saya minta Kerajaan tolong menjawab secara legal dalam masalah ini.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, pada fikiran saya Yang Berhormat

Senator itu terkeliru dan juga saya fikir beliau itu tidak mahu faham. Saya sudah jelaskan tadi nama-nama boleh disebutkan dalam Bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris. Ini satu hal yang tidak mustahak, yang tidak boleh dibuat satu Bil yang tidak sah dan juga saya merujuk kepada Standing Order 50, ini tidaklah bersangkutan-paut atas hal ini. Di bawah Undang-undang National Language Act, 1967, sekiranya sesuatu Rang Undang-undang dibentangkan dalam dua bahasa, iaitu dalam Bahasa Malaysia dan juga dalam bahasa Inggeris adalah timbul satu soalan. Apakah naskah yang sahih, yang authoritative dan authentic antara dua teks ini. Akta itu menyebutkan kalau kita bentangkan dua naskah dalam dua bahasa iaitu bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, Bahasa Malaysia menjadi bahasa yang sahih, melainkan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong prescribes to the contrary.

Berkenaan dengan Supply Bill ini, Yang di-Pertuan Agong tidak beri order atau perintah apakah naskah yang sahih, naskah bahasa Inggeriskah atau bahasa Kebangsaan. Dalam keadaan ini, Rang Undang-undang Bahasa Kebangsaan, 1967 adalah dipakai dan di bawah Rang Undang-undang itu apakah authoritative text hari ini untuk perbincangan ialah teks di dalam Bahasa Kebangsaan, bukan dalam Bahasa Inggeris. Jadi, kita semua di sini sudah menerima dua teks, satu dalam bahasa Kebangsaan dan satu lagi dalam bahasa Inggeris. Saya suka memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat di sini teks dalam Bahasa Malaysia semua disebut di dalam bahasa Malaysia seperti semua seksyen dan juga jadual. Tetapi di dalam bahasa Inggeris, seksyen-seksyen ada disebut di dalam bahasa Inggeris, tetapi jadual disebutkan di dalam Bahasa Malaysia seperti perkataan "Parlimen" dipakai dalam dua-dua naskah. Tetapi Majlis Raja-Raja adalah satu nama, Yang Berhormat Senator ini mahu terjemahan Majlis Raji-Raja ini dalam teks Inggeris. Adakah salah kita gunakan Majlis Raja-Raja di dalam teks Inggeris? Kalau kita panggil Yang di-Pertuan Agong; barangkali Yang Berhormat itu mahu terjemahkan dalam teks ini sebagai His Majesty. Kalau kita tidak sebut His Majesty, the King of Malaysia, barangkali atas pandangan Yang Berhormat itu salah, dan Bill ini tidak boleh diluluskan dan dihantar balik kepada Dewan Rakyat

(Ketawa). Ini satu pandangan saya suka tegaskan bukan sahaja mengelirukan tetapi lebih daripada mengelirukan (Ketawa), itu saya tidak suka sebutkan.

Tuan Yang di-Pertua, hal ini tidak perlu dilanjutkan lagi, kerana hal ini sudah putus bagi pihak Kerajaan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya bukan hendak. . .

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak hendak menerima apa-apa bantahan lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Biarlah Ahli Yang Berhormat itu bercakap dahulu, kemudian saya beri keputusan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu saya disalahfahamkan. Bukan saya tidak mahu memahami, kalau saya tidak mahu memahami tentu saya tidak bertanya. Jadi, saya hendak memahami perkara ini, dan saya bukan mengatakan kerana membuat begini maka kita patut tolak. Dari segi legal tidak salah, tetapi apa yang saya mahu Kerajaan mengatakan bahawa terjemahan boleh dibuat di dalam Bahasa Malaysia supaya pada hari ini kalau saya tidak boleh bercakap, saya hendak berpegang ketua itu untuk masa yang lain pula. Berkenaan apa salahnya kita terjemahkan perkataan Parlimen ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan masalah salah atau tidak. Masalahnya, kalau terjemah mengapa bahasa itu juga. Kalau seseorang itu tidak faham rambut dan dia bertanya, apa erti rambut? Maka dia diberi jawapan rambut itu ialah rambut. Orang tidak pernah kata begitu. Jadi, kerana terjemahan rambut kepada rambutlah menyebabkan saya cukup keliru dan mengelirukan pula dalam Dewan ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) (No. 4)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.10 ptg.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa "Suatu Akta bagi meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967" dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Akta Cukai Pendapatan, 1967 untuk membuat peruntukan berkenaan dengan mengenakan, selain dari cukai pendapatan, cukai keuntungan yang berlebihan atas pendapatan seseorang yang boleh dikenakan cukai yang melebihi had yang ditetapkan pada kadar 5%.

Rang Undang-undang ini juga mengadakan peruntukan-peruntukan bagi (a) seseorang isteri atau tiap-tiap seorang isteri, jika lebih daripada seorang isteri, yang tinggal bersama-sama dengan suaminya untuk memilih supaya ditaksirkan berasingan atas namanya mengenai pendapatan daripada pekerjaannya bagi mana-mana tahun taksiran; (b) penghapusan pengurangan sebanyak 10% yang masih ada bagi pemastautin perseorangan di Sabah atau Sarawak; (c) menaikkan nilai kemudahan tempat tinggal yang diberi oleh seseorang majikan kepada pekerjanya daripada kadar maksima yang ada sekarang sebanyak 20% ke 30% daripada pendapatan seorang pekerja bagi tujuan taksiran cukai pendapatan pekerja itu; dan (d) pengurangan elaun-elaun bagi kereta-kereta motor dan pembayaran bonos sebagai perbelanjaan-perbelanjaan yang dibenarkan bagi maksud cukai pendapatan.

Kesemua langkah-langkah ini telah diterangkan dengan lanjutnya oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan. Satu ringkasan berkenaan dengan langkah-langkah ini boleh didapati dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.13 ptg.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana membenarkan saya bercakap dahulu. Saya ingin menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Cukai Pendapatan ini, terutamanya bahagian yang memberikan berasingan pentafsiran cukai bagi isteri-isteri yang bekerja, kerana sampailah masanya perjuangan kami yang dijalankan beberapa tahun ini dimakbulkan. Mengenai dengan perkara ini saya ingin mencadangkan untuk memudahkan implimentasi ataupun mengurangkan beban pentadbiran apabila pentafsiran ini di buat, iaitu setelah saya melihat di dalam Rang Undang-undang ini bahawa katanya ada implikasi financial kerana administrative (pentadbiran). Saya rasa ini boleh dikurangkan dan dielakkan sekiranya Kerajaan membuat potongan cukai itu di dalam satu borang sahaja, iaitu seperti yang dibuat sekarang, potongan itu dibuat dalam borang suami, dan hanya tafsiran sahaja diasingkan.

Pendekata, berkehendakkan borang-borang baru atau format baru, tetapi tidak pentadbiran yang lebih, dan ini saya rasa haruslah dibuat oleh Kerajaan untuk mengelakkan perbelanjaan pentadbiran yang lebih. Saya juga ingin menyatakan bahawa di dalam Rang Undang-undang itu mungkin ada pertimbangan-pertimbangan yang boleh dibuat di masa hadapan untuk meminda seterusnya. Misalnya, Kerajaan kalau boleh kurangkanlah had minima \$75,000 yang dikenakan ke atas excess income ataupun pendapatan berlebihan, kerana seperti saya katakan dahulu tidak ramai orang yang berpendapatan sebanyak \$75,000. Jadi, kalau dapat diturunkan minima ini sebanyak \$50,000 sahaja dan selepas itu tidak digunakan flat rate ataupun kadar pukul rata 5% tetapi dibuat progressively steeper iaitu semakin meningkat dengan cepat iaitu \$50,000—5%, \$60,000—7% dan seterusnya. Saya rasa ini adalah adil.

Satu lagi perkara dalam masa hadapan pindaan seterusnya dibuat juga untuk menambahkan bilangan pelepasan cukai. Misalnya, diberi pelepasan cukai ke atas perbelanjaan untuk pendidikan (educational

expenses) kerana tanggungan ibu-bapa bertambah.

Kedua, pelepasan cukai ke atas perbelanjaan yang dibuat untuk tanggungan-tanggungan secara langsung atas direct dependants.

Ketiga, pelepasan cukai yang dibuat ke atas perbelanjaan yang seharusnya kita fikirkan apabila cara hidup di negeri ini berubah dari masa ke semasa.

Dan, kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan saya bercakap lebih sedikit untuk memberi komen tentang apa yang telah dikomen oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad, tadi kerana saya rasa inilah peluang akhir bagi saya bercakap. Perkara ini ada kenamengena dengan wanita, iaitu berkenaan dengan tahun antarabangsa wanita. Saya minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk bercakap lebih sedikit.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Boleh.

Puan Rafidah Aziz: Terima kasih. Beliau telah menegaskan tadi bahawa Kerajaan belum mengiktirafkan women international year atau tahun antarabangsa wanita. Beliau mengatakan beliau hendak melihat dahulu apakah wanita hendak buat. Saya harap kepada Kerajaan dan juga saya berseru janganlah avoid the issue atau elakkan daripada issue itu. Kami tidak hendak Kerajaan buat apa-apa; pihak kami, banyak yang kami hendak buat, yang kami hendak ialah Kerajaan memberi pengiktirafan pada tahun ini sebagai tahun antarabangsa wanita dengan menjalankan tiga perkara iaitu:

- (i) Dengan memastikan supaya semua langkah-langkah dibuat untuk mengelakkan dan menghapuskan segala diskriminasi yang masih ada menentang wanita.
- (ii) Dengan menyelesaikan semua masalah-masalah yang dihadapi oleh wanita sekarang, baik dalam economic, social dan political.
- (iii) Meningkatkan taraf wanita, misalnya, kalau ada undang-undang yang akan meningkatkan taraf atau status wanita dalam masyarakat luluskanlah dengan seberapa segera.

6.18 *ptg.*

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini. Income Tax atau Cukai Pendapatan ini dari masa dahulu barangkali selepas kita merdeka dahulu, kita telah jalankan. Pada masa itu otak kita pun seperti otak penjajah dan belum dapat mengikis, maka kita fikir kita adalah lebih kurang macam orang putih juga seperti kita duduk di England. Apa sebab saya kata begitu, Tuan Yang di-Pertua? Kalau di England orang putih mempunyai anak dua orang sampai empat orang, tetapi di negeri ini ada orang yang beranak sampai lapan orang dan ada yang sampai 11 orang.

Satu lagi ialah berkenaan dengan adat, adat kita adalah berlainan dengan adat orang Eropah, iaitu kita mempunyai tanggungan ibu-bapa. Walaupun sudah tua tetapi ibu-bapa masih duduk bersama dengan kita. Jadi mereka menjadi tanggungan yang berat kepada kita, sebab ia akan terus tua dan akan mati. Pada masa dahulu kita tidak fikir hal ibu-bapa, kita fikir kita dan ibu-bapa duduk di tempat lain, kita boleh hantar ibu atau bapa kita kepada Rumah Kebajikan Masyarakat. Kita tidak boleh buat begitu, adat orang Melayu mesti tanggung ibu-bapanya. Barangkali Kerajaan boleh menimbangkan di atas perkara ini iaitu jikalau benar-benar seseorang itu menanggung ibu-bapanya hendaklah diberi pelepasan cukai. Sungguhpun saya tidak mempunyai ibu-bapa lagi, tetapi ini untuk orang lain. Perkara ini hendaklah ditimbangkan dengan seadil-adilnya oleh Kerajaan.

Begitu juga pelepas cukai kepada anak cuma diberi kepada lima orang sahaja. Bagi orang Asia, terutama orang Islam sungguhpun ada rancangan keluarga, tetapi tidak dapat disekat. Oleh sebab itu, beberapa orang pun anak mereka, berilah pelepasan cukai, sebab dia hendak menyekolahkan anak-anaknya dan sebagainya. Tambahan pula negara kita ini penduduknya baru 11 juta orang, dan boleh diisi lagi 20 juta penduduk.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita galakkan pemodal luar negeri masuk negara kita ini membuat kilang-kilang dan tidak dikenakan cukai selama lima tahun. Kerajaan juga galakkan Bumiputra, samada orang Melayu di Semenanjung Malaysia di Sabah atau Sarawak supaya masuk dalam

dunia perniagaan dan perusahaan. Tetapi galakan ini apabila bumiputra masuk dalam dunia perniagaan dan perusahaan, belum ada apa-apa lagi diperolehi, sudah dikenakan cukai. Kalau Kerajaan boleh memberi galakan kepada orang Jepun atau orang Amerika datang ke sini membuat joint-venture untuk membuat factory diberi galakan 5 tahun tidak bayar cukai; keuntungan dibawa balik ke negerinya. Mengapa tidak diberi galakan pula kepada bumiputra, tidak usah banyak, beri 3 tahun sahaja tidak dikenakan income tax? Ini dikatakan diberi galakan tetapi yang sebenarnya tidak diberi galakan. Apabila digalakkan bumiputra masuk dalam bidang perniagaan ini, maka janganlah dikenakan income tax dahulu sebagai satu galakan, kalau tidak dibuat dengan secara begini, itu bukanlah galakan namanya.

Pegawai-pegawai Kerajaan sudah tetap dikenakan income tax yang dipotong daripada gajinya dan inilah yang banyak kena income tax, sebab Kerajaan tahu pendapatannya. Tetapi bagi orang yang menjual ikan di pasar 2 kati, 10 kati, mereka itu bukan ada tulis semua jualannya walaupun 30 kati jualan ikannya tidak ada bertulis, terus jual begitu sahaja. pendapatannya \$2,000; \$3,000 dan sampai \$5,000 pun ada sebulan, siapa tahu? Ini terlepas begitu sahaja. Yang kena kita juga yang membayar income tax, terus membayar tax. Siapa yang kena itu dia tahu. Dipaksa, kalau tidak nanti dibuat bermacam—banyak juga yang terlepas. Ini juga mesti diperhatikan oleh Kerajaan dan income tax ini hendaklah dibezakan, kalau sekiranya kedai judi, hendaklah ditax lebih banyak lagi daripada sekarang, tax lebih daripada yang lain-lain, sebab dia kedai judi maka hendaklah dikenakan income tax lebih banyak lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cukuplah setakat ini.

6.23 *ptg.*

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kita sekarang ini mempunyai 5 orang anggota wanita di dalam Dewan yang mulia ini, sepatutnya saya tidaklah perlu champion bagi mereka. Tetapi rasa saya ada satu perkara di bawah Rang Undang-undang ini yang saya hendak kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri, saya minta sedikit penjelasan. Ini adalah berkenaan dengan taksiran berasingan yang

sekarang ini telah dibenarkan ataupun akan dibenarkan. Saya suka memetik sedikit ucapan Belanjawan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan berkenaan dengan perkara ini. Izinkan saya baca sedikit petikan ucapannya :

“Setelah mempertimbangkannya Kerajaan berpendapat bahawa sistem ini patut disemak dan oleh itu pentaksiran secara berasingan dicadangkan bagi tujuan cukai pendapatan dan cukai keuntungan berlebihan bagi seseorang isteri yang mempunyai pendapatan tenaga kerja sahaja iaitu gaji-gaji, upah-upah dan lain-lain seperti yang ditentukan di dalam Akta Cukai Pendapatan. Pendapatan isteri daripada sumber-sumber lain akan terus dicampur dengan pendapatan suaminya dan ditaksirkan bersama-sama sebagaimana dibuat sekarang. Di bawah sistem baru seorang isteri akan diberi pelepasan cukai persendirian sebanyak \$2,000 pelepasan cukai atas pendapatan tenaga kerjanya, pelepasan bagi sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan premium insuran yang telah dibayarnya tertakluk kepada hak maksima sebanyak \$3,000 dan dibahagikan di antara isteri dan suami. Pelepasan cukai bagi anak akan diberi kepada bapa sahaja kerana pelepasan untuk anak-anak sukar dibahagikan di antara suami dan isteri.”

Tuan Yang di-Pertua, saya suka meminta sedikit penjelasan terutama bila dikatakan: “pelepasan cukai bagi anak akan diberi kepada bapa sahaja kerana pelepasan untuk anak-anak sukar dibahagikan antara suami dan isteri”.

Betul di dalam Rang Undang-undang ini ada menyatakan bahawa pihak isteri boleh memilih samada dia hendak mengadakan taksiran yang berasingan atau taksiran yang sama dengan suaminya, tetapi sekiranya si isteri itu memilih supaya taksiran berasingan dan ada kalanya yang mana seorang isteri itu sungguhpun dia tidak bercerai, tetapi dia duduk berasingan, atau dalam bahasa Inggeris dikatakan separated, samada mengikut perintah Mahkamah tetapi mereka itu tidak bercerai, dan jikalau isteri itu bekerja dan mendapat gaji dan suka hendak mengambil atau menggunakan hak yang diberinya oleh undang-undang yang baru ini supaya ada taksiran berasingan, tetapi jikalau anak itu di bawah jagaan isteri itu sudah tentu

isteri itu tidak boleh mengambil kesempatan di bawah undang-undang ini. Kerana elau bagi anak-anak itu hanya diberi kepada bapa dan saya rasa di sini patutlah kita timbangkan sedikit dengan sehalus-halusnya bagi isteri-isteri yang duduk berasingan tetapi belum lagi bercerai dan juga menanggung anak-anak itu. Saya harap mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri atas perkara ini dan sebagai saya katakan tadi saya tidaklah hendak menjadi women's lib. champion, tetapi rasa saya patutlah saya kemukakan perkara ini.

6.27 ptg.

Tuan Chua Ching Cheng: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) (No. 4), 1967. Saya cuma hendak menyentuh sedikit dalam beberapa seksyen sahaja, iaitu berkenaan dengan Seksyen baru 3A.

Saya suka menyentuh sedikit terhadap cukai baru Seksyen baru 3A yang bernama Cukai Keuntungan Yang Berlebihan atas Pendapatan seseorang ataupun syarikat-syarikat yang boleh dikenakan cukai yang melebihi had yang ditetapkan sebanyak 5%. Bagi pendapat saya kadar 5% ini adalah sangat kurang, sepatutnya dikenakan sebanyak 10%. Oleh kerana dasar ekonomi Kerajaan kita adalah menghalu kepada matlamat supaya dapat menyatukan jurang perbezaan antara orang yang berada dengan yang tidak berada. Melalui perkembangan ekonomi negara dan masyarakat mereka yang pendapatan tahunan yang melebihi dari \$75,000 itu adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara. Seperti kata pepatah: Ambil dari masyarakat, kembali semula kepada masyarakat. Hanya dengan cara inilah matlamat Kerajaan untuk merapatkan jurang perbezaan dapat dicapai, dengan cara inilah kekayaan negara dapat dibahagikan dengan adil kepada rakyat jelata. Oleh sebab yang demikian, saya mengesyorkan supaya kadar sebanyak 10% dikenakan atas cukai keuntungan yang berlebihan.

Saya suka juga menyentuh sedikit kepada pindaan seksyen 39 dalam Akta Cukai Pendapatan sebagaimana yang disebutkan dalam Huraian Fasal 8. Pindaan ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan, 1967 supaya tidak membenarkan perbelanjaan mengenai bonos yang dibayar

berlebihan oleh seseorang majikan kepada seseorang pekerja itu, sebagai potongan daripada pendapatan majikan.

Tujuan Kerajaan terhadap pindaan ini adalah baik, kerana kita tahu adanya sebahagian kecil syarikat-syarikat besar yang cuba memberi bonos-bonos yang tidak menasabah kepada pekerja-pekerja mereka untuk mengelakkan daripada bayaran cukai pendapatan. Lebih-lebih pula syarikat-syarikat yang dipunyai oleh satu keluarga atau satu golongan saudara-mara itu selalu di dapati berbuat demikian. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini ada kebaikan dan ada juga keburukannya. Sebagaimana yang kita tahu bahawa ada banyak syarikat-syarikat ladang getah dan kilang-kilang perusahaan di negara kita kebiasaannya memberi bonos-bonos sebanyak enam bulan atau setahun iaitu dua belas gaji kepada pekerja-pekerja mereka.

Pemberian ini telah menjadi satu cara bagi syarikat-syarikat yang berkenaan untuk menggalakkan pekerja-pekerja mereka itu lebih giat lagi dalam menjalankan tugas mereka. Dengan adanya pindaan baru ini yang menyekat pembayaran bonos-bonos yang dapat mengecualikan bayaran Cukai Pendapatan hanya dua bulan sahaja, maka saya bimbang samada syarikat-syarikat itu akan sanggup membayar lagi bonos yang lumayan seperti yang diamalkan pada masa yang lampau itu kepada pekerja-pekerja mereka. Saya berharap Kerajaan akan mengkaji semula masalah ini supaya sekurang-kurangnya membenarkan majikan-majikan, syarikat-syarikat ladang getah ataupun perusahaan boleh membayar lebih daripada dua bulan gaji bonos kepada pekerja-pekerja yang gajinya tidak lebih daripada \$300 sebulan dan bayaran bonos berlebihan ini patut dapat dikecualikan daripada peruntukan pindaan ini.

Saya juga suka menyentuh sedikit kepada pindaan seksyen 45 yang berkaitan dengan kaum wanita. Seperti rakan saya yang berucap tadi iaitu Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin saya tidaklah hendak menjadi champion wanita di sini, tetapi saya terpaksa menyuarakan kerana saya dapati pindaan ini adalah kurang adil. Saya suka mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mana beliau telah membenarkan wanita yang bergaji memilih supaya ditaksirkan berasingan atas

namanya mengenai Cukai Pendapatan daripada pekerjaan mereka. Itu adalah satu perkara yang telah lama diperjuangkan oleh kaum wanita. Dengan adanya peraturan baru ini maka cita-cita mereka itu telah tercapai. Tetapi peruntukan ini hanya memberi faedah kepada wanita yang bergaji sahaja. Bagaimana pula kepada wanita yang menjadi suri rumahtangga yang tidak bergaji. Sekiranya wanita yang bergaji dapat dibenarkan personal relief, iaitu kecuialian cukai pendapatan sebanyak \$2,000 kepada diri mereka sendiri, maka adalah adil sekiranya Kerajaan membenarkan wanita yang menjadi suri rumah tangga itu juga dapat peruntukan relief seperti wanita yang bergaji sebanyak \$2,000.

Sekianlah ucapan saya dan sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan sepenuh-penuhnya.

6.35 ptg.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan atas Rang Undang-undang ini.

Yang Berhormat Senator Rafidah Aziz mengatakan lebih sesuai jika had pengecualian (exemption limit) dikurangkan atau diturunkan kepada \$50,000 dan berkenaan dengan pendapatan yang lebih daripada \$50,000 lebih baik Kerajaan mengadakan satu progressive tax. Sebenarnya pada masa sekarang ini setakat \$50,000 kita telah mengadakan progressive tax. Mengenai menaikkan daripada 6% dan sampai kepada kadar maximum 50% atas pendapatan manakala seseorang mendapat pendapatan tahunan \$50,000 ini adalah satu langkah mengenai pendapatan yang lebih (excessive profit). Kementerian Kewangan telah menimbangkan dengan mendalam soal ini, sudah tentu lebih sesuai kita adakan satu kadar yang sama (flat rate) kalau seseorang mendapat pendapatan yang lebih \$75,000 setahun. Ini tidaklah bermakna Kementerian Kewangan tidak akan review hal ini jika dan di mana kadar diperlukan.

Berkenaan pandangan cukai pendapatan si isteri berasingan, kalau seorang isteri mengikat sama dengan suami dan memasukan returnnya tidaklah ada apa-apa halangan. Mereka boleh membuatnya. Tetapi

kalau seorang isteri hendak masukkan returnnya berasingan atas pendapatannya yang didapati melalui pekerjaan (employment) sahaja dan jika melalui cara yang lain dia boleh mendapat faedah ini.

Pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin, saya juga melihat nampaknya on the face of it seseorang suami dapat satu advantage, tetapi kalau kita timbangkan lebih mendalam tidak ada advantage. Cukai berasingan ini adalah had kepada pendapatan daripada pekerjaan (employment) si isteri sahaja. Pendapatan-pendapatan yang lain adalah disatukan antara isteri dan suami dan tanggungjawab suami untuk memperlindungan anak-anak mereka adalah continues to be there. Dengan sebab itu relief ini adalah had kepada suaminya, bukan relief yang diberi kepada isteri mengenai semua pendapatan antara keduanya diasingkan.

Berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat Senator Raja Nong Chik berhubung dengan family yang mempunyai anak yang banyak, masalah bilangan anak ini adalah satu pandangan yang selalu dikatakan, tetapi Kerajaan telah membuat suatu dasar (draw a line) berkenaan bilangan anak, berapa orang anak dalam satu-satu family yang dibenarkan bagi maksud yang dikenakan cukai (taxation). Di negeri-negeri manapun ada membuat satu had atas hal ini, bukan sahaja di negeri ini, tetapi juga di negeri-negeri lain. Kepada orang-orang yang mahukan faedah daripada Undang-undang ini lebih baik dia mempunyai anak-anak yang terhad.

Berkenaan dengan galakan kepada industri Ahli Yang Berhormat itu telah menerangkan bahawa sebagai sebuah negara industri yang besar yang mempunyai hubungan dengan berbagai industri, maka ini adalah peluang yang diberi oleh Kerajaan kerana kita mengalu-alukan investors daripada luar negeri dan ini bukan diberikan dengan secara tetap, barangkali selebih-lebihnya 2%—3% atas net sales dan Kerajaan tidak syak lagi akan selalu mengkaji (review) atas perkara ini, dan apabila sampai satu masa pada pandangan Kerajaan bahawa perkara ini adalah lebih baik kita tidak berikan, maka Kerajaan akan berhentikan daripada diberi galakan ini.

Pandangan Yang Berhormat Senator Chua Chin Cheng pula akan diambil perhatian dan

Kerajaan akan mengkaji (review) pandangannya pada masa hadapan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 18 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI SPEKULASI TANAH (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.46 ptg.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang bernama suatu "Akta bagi meminda Akta Cukai Spekulasi Tanah, 1974" dibaca bagi kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah untuk mengurangkan had pengecualian sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan 2 dalam Jadual ke 4, Akta Cukai Spekulasi Tanah, 1974 daripada \$200,000 kepada \$100,000. Perubahan ini mula berkuatkuasa pada 13-11-1974. Perubahan ini bertujuan untuk memperluaskan bidang penguatkuasaan Akta ini dan dengan itu menjadikan langkah mencegah spekulasi lebih berkesan.

Rang Undang-undang ini juga bertujuan untuk meminda beberapa seksyen Akta tersebut. Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 47 bagi membolehkan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri mengumumkan hal-hal tertentu berkaitan dengan seseorang yang telah didapati salah atau dihukum di bawah Akta ini. Seksyen 48 adalah juga dipinda seperti di bawah Fasal 3 dengan tujuan untuk menyenangkan pihak berkuasa

mendapat rekod-rekod dan kenyataan-kenyataan kewangan dan akaun termasuk dokumen yang disimpan oleh firma-firma professional atau firma-firma pengamal bagi pihak pelanggan-pelanggan.

Fasal 4 Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda perenggan 24 (1) dalam Jadual Kedua kepada Akta ini. Di bawah peruntukan-peruntukan sekarang, jika sebuah bangunan dibina atas sekeping tanah kosong pada atau selepas tarikh berkuatkuasa Akta Cukai Spekulasi Tanah, 1974, iaitu 6hb Disember, 1973 dan tanah itu kemudian dijual, tanah itu adalah disifatkan sebagai telah diperolehi pada tarikh pembinaan bangunan itu ataupun pada tarikh bangunan itu siap. Sekiranya tanah itu dijual dalam tempoh 2 tahun daripada tarikh yang disifatkan sebagai tarikh perolehan, keuntungan yang diperolehi daripada jualan itu akan dikenakan cukai spekulasi tanah. Walaupun peruntukan ini dapat dipertahankan pada umumnya ia mendatangkan kesusahan terutama sekali lagi bagi tanah-tanah di ladang-ladang getah dan lombong-lombong di mana beberapa bangunan kecil telah dibina dengan harga yang tidak begitu banyak berbanding dengan harga ladang atau lombong untuk tujuan mengusahakan ladang ataupun lombong ataupun untuk memberi tempat tinggal kepada pekerja-pekerja ladang atau lombong. Tujuan meminda Rang Undang-undang ini ialah untuk memberi peruntukan supaya kes-kes tersebut di atas dikecualikan dengan syarat Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berpuashati bahawa pembinaan bangunan-bangunan tersebut tidak melibatkan kenaikan yang terlalu banyak kepada nilai harta itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

6.51 ptg.

Datuk J. E. S. Crawford: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang yang dibahaskan sekarang dan di sini, saya minta izin bercakap sedikit dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr President, Sir, I fully support the Amending Bill to the Land Speculation Tax Act, 1974, especially

Clause 4, and if I may quote, Sir, the English version of the Explanatory Statement says here:

“Clause 4 seeks to correct of printing error and also purports to remove an anomalous situation arising from the wide scope of paragraph 24 (1) of Schedule 2 to the said Act when small buildings are constructed in plantations, mines, forest, etc., remaining in the continuous ownership of the same person for several years before disposal thereof:”

This clarifies the position as regards certain buildings constructed on plantations, mines, etc., and we in the rubber industry wish to thank the Attorney-General and Minister of Law and also the Deputy Minister of Law for their great assistance in bringing this Amending Bill to rectify the anomalous situation arising from the wide scope of paragraph 24 (1) of the Schedule of the original Act.

Mr President, Sir, I fully support the action of the Government in reducing the amount to \$100,000 since the date when the Land Speculation Tax (Amendment) Act, 1974 came into operation, i.e. 13th November, 1974. Indeed, Sir, speculators especially those from *luar negeri kita* are extremely lucky that the Government did not reduce the original operating figure of \$200,000 to \$50,000 and instead has fixed the minimum as \$100,000 in the Amending Bill before this Honourable House.

That is all I have to say, Sir, in supporting fully this Bill.

6.53 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan kepada Rang Undang-undang Cukai Spekulasi Tanah (Pindaan) yang ada di hadapan kita ini. Saya juga difahamkan bahawa kuat-kuasa Rang Undang-undang ini mengurangkan had pengecualian cukai daripada \$200,000 kepada \$100,000 dan cukai dikecualikan ke atas tuanpunya tanah, ladang dan lombong yang mempunyai bangunan untuk pekerjaanya.

Tuan Yang di-Pertua, kuatkuasa Undang-undang ini akan memadamkan kemaraan

wang panas yang hangat dalam negeri kita baru-baru ini. Wang panas ini dialirkan kebanyakannya datang daripada luar negeri dan keadaan ini kalau dibiarkan oleh Kerajaan akan menggelisahkan rakyat pada mendapatkan rumah, khasnya kepada rakyat bumiputra keadaan rumah dan tanah yang begitu mahal.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan telah mengatakan masa yang diberi tempoh ialah dua tahun. Saya gemar memberi satu pandangan supaya dapat tempoh itu dilanjutkan hingga lima tahun. Ini akan memberikan kemudahan kepada pengusaha-pengusaha itu.

Selain daripada itu, Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri memang menghendakkan kerjasama daripada Pemungut Hasil Tanah dalam Negeri itu atau dalam daerah itu. Cuma perkara ini walaupun tak ada dinyatakan dalam Undang-undang ini, saya fikir Kementerian Tanah dan Galian patut mengambil perhatian dengan mengumumkan bahawa di tiap-tiap daerah dalam negeri ini akan diadakan Pemungut Hasil Tanah (Collector). Pemungut Hasil Tanah ini di setengah-setengah Negeri telah diwujudkan, tetapi di setengah Negeri pula Pemungut Hasil Tanah ini dikuatkuasakan oleh Pegawai Daerah itu sendiri. Saya harap kalau pentadbiran ini boleh diberikan kepada Pemungut Hasil Tanah kepada tiap-tiap daerah ianya akan memberikan pertolongan kepada kuatkuasa Undang-undang ini bila mana kita hendak laksanakan. Sebab, ada setengah-setengah Negeri yang sayangkan Pegawai Daerahnya kalau diambil kuasa mentadbirkan tanah diberikan kepada Pemungut Hasil Tanah, maka tatkala itu rugilah Pegawai Daerahnya. Masalah ini patut diperhatikan kalau kuatkuasa Undang-undang ini hendak dilaksanakan dengan begitu licin dan cepat.

6.56 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak mengambil bahagian sedikit sahaja dalam perbincangan terhadap Rang Undang-undang ini iaitu berkenaan dengan Fasal 5 di dalam Rang Undang-undang ini.

Pada tahun yang lepas apabila kita membahaskan undang-undang itu, Kerajaan telah memberi jaminan bahawa angka \$200,000 itu akan diturunkan dari semasa ke semasa dan jikalau didapati angka itu patut ditinggikan ataupun dikurangkan, maka Kerajaan akan bawa balik ke Dewan yang mulia ini untuk dipinda. Sekarang ini kita telah menerima satu Rang Undang-undang yang mencadangkan supaya angka \$200,000 itu diturunkan kepada \$100,000. Saya tak tahu apakah latar belakangnya yang menyebabkan Kerajaan menurunkan angka daripada \$200,000 kepada \$100,000. Selain daripada menghalang kegiatan wang panas, rasa saya ada juga golongan orang-orang yang speculate dalam segi tanah ini yang akan terlepas, kerana saya tahu banyak rumah-rumah terrace, rumah-rumah kecil yang harganya kurang daripada \$100,000, antara \$30,000 sampai \$70,000 dan kepada rumah-rumah ini jikalau speculators yang hendak membuat keuntungan yang besar, mereka ini sudah tentu terlepas daripada ikatan di bawah Undang-undang ini. Saya tak tahu kenapakah Kerajaan tidak menurunkan kepada angka \$50,000. Jikalau diturunkan kepada \$50,000 mungkin orang-orang yang suka mengambil kesempatan membeli dan menjual rumah-rumah murah umpamanya antara \$50,000 dengan \$70,000 yang mana rasa saya banyak sekarang ini dibina di antara angka itu, bolehlah kita menyelamatkan bakal-bakal pembeli rumah yang murah ini. Selagi angka itu sampai kepada \$100,000 rasa saya ada juga orang yang boleh mengambil keuntungan secara menggunakan kesempatan spekulasi tanah ini.

Itulah sahaja pandangan saya.

7.00 ptg.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab dalam bahasa Inggeris di atas soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk J. E. S. Crawford.

(*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I would like to thank Yang Berhormat Senator Datuk Crawford for his support and for his views on the Bill. As a matter of fact, the reason for the reduction of the exemption limit from \$200,000 to \$100,000 is to make this piece of legislation wider in scope and more effective in its enforcement. That is the purpose.

This view was expressed some time ago, that it should be reduced, when the original Bill was debated. The Government wanted to go about it in an empirical manner, to see whether stage-by-stage improvement could be brought about. In the light of experience gained by having the limit at \$200,000, the Government has now considered that there might be a case for reducing it to \$100,000 and if experience further shows that it needs a further reduction, I am sure the views expressed by Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin would be considered by the Ministry.

Berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad, sukaulah saya mengucapkan terima kasih atas hal tempoh ini yang juga dibahaskan di Dewan Rakyat ada orang mengatakan dua tahun sangat kurang, lebih baik kalau diadakan empat tahun. Tetapi kita hendak melihat tujuan Rang Undang-undang ini. Tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah untuk mencegah spekulasi bukan menghalang land transeksi atau jual beli tanah. Memanglah kalau orang membeli tanah dia berhak menjual tanah itu dari semasa ke semasa. Kalau kita hadkan itu memang tidak saksama. Lima tahun pada pandangan Kementerian adalah tidak patut kerana soalan ini manakala timbul di Dewan Rakyat dan satu fikiran diberikan lebih baik kita kurangkan tempoh itu kepada empat tahun, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, Tan Sri Chong Hon Nyan, mengatakan dan saya quote:

“Jikalau kita lanjutkan tempoh ini kepada empat tahun barangkali ini menjadi satu halangan ke atas pihak yang menjual dan membeli tanah yang tidak ada terlibat elemen-elemen spekulasi.”

Inilah sebabnya Kerajaan mahu mengekalkan tempoh itu pada masa sekarang ini kepada dua tahun.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan ditetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LALU-LINTAS JALAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.05 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Akta Lalulintas Jalan (Pindaan), 1974 dibaca bagi kali yang kedua.

Tujuan utama Rang Undang-undang ini ialah bagi membolehkan pelaksanaan dibuat terhadap cadangan mengenai pelesen-pelesen kereta motor yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan dalam Ucapan Belanjawan pada 12hb November, 1974 yang lalu.

Pindaan kepada Seksyen 57 Ordinan ialah bagi membolehkan Menteri membuat kaedah untuk menetapkan kadar-kadar bayaran berlainan bagi pendaftaran dan pelesenan kelas-kelas kereta yang berlainan.

Bagi melesenkan kereta-kereta motor seperti bas pentas (stage buses) bas express dan bas charter bayarannya ada berkaitan dengan muatan tempat duduk ataupun pungutan kasar dari resit tambang penumpang-penumpang bas itu. Manakala bayaran untuk kereta-kereta motor lain adalah berkaitan dengan keupayaan enjin sesuatu kereta itu.

Di bawah Seksyen 127 Pendaftar adalah diberi kuasa untuk mentafsirkan bayaran yang berkaitan dengan pungutan kasar dari resit dan juga menerima rekod sebagai bukti-bukti tentang perkara-perkara yang dinyatakan di dalamnya. Pendaftar juga diberi kuasa untuk meminta pemegang satu-satu lesen menjelaskan apa-apa kekurangan tentang amount bayaran yang mana dibayar jika rekod-rekodnya mengandungi maklumat yang tidak betul dan jika didapati amount

bayaran telah dibayar lebih ianya akan dipulangkan balik jika tuntutan terhadapnya dibuat dalam tempoh dua tahun. Apa-apa bayaran yang ada berkaitan dengan pungutan kasar dari resit yang masih belum dibayar adalah menjadi suatu hutang kepada Kerajaan yang boleh didapatkan balik.

Pindaan bagi Seksyen 127 bertujuan untuk membolehkan Pesuruhjaya menerima rekod penyata kewangan dan juga penyata perangkaan tertentu dari pemegang-pemegang kereta perkhidmatan awam bersama-sama dengan lain-lain maklumat yang dikehendaki.

Pindaan untuk Seksyen 137 ialah untuk menjadikan suatu kesalahan kerana membuat catitan-catitan palsu dalam rekod yang dikemukakan di bawah Ordinan itu atau jika rekod telah disenggara atau dikemukakan dengan cara palsu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

7.10 mlm.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian sedikit sahaja di dalam masaalah Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri baharu sekejap tadi. Saya adalah mengalu-alukan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Rang Undang-undang ini berhubung dengan membezakan cukai terhadap kenderaan-kenderaan bas dengan mengira bayaran sebagaimana sekarang iaitu \$10 pada tiap-tiap satu kerusi tempat duduk ataupun 12% mana-mana yang kurang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan cadangan ini kerana dengan pelaksanaan undang-undang ini kelak akan mengurangkan sedikit bebanan yang ditanggung oleh setengah-setengah daripada syarikat-syarikat bas, terutamanya syarikat-syarikat yang dimiliki oleh bumiputra yang pada dahulunya, asalnya dijalankan oleh MARA, kemudian diambil-alih oleh syarikat-syarikat bumiputra di merata-rata tempat dalam tanahair kita ini.

Pada pendapat saya peruntukan supaya dibayar \$10 pada satu kerusi ataupun 12% mana yang kurang ini kepada semua bas-bas

ini dengan tidak mengira tempat di mana mereka itu menjalankan operasinya juga pada pendapat saya tidak begitu adil dan masih belum mencukupi.

Saya katakan demikian, sebagai contohnya saya tunjukkan begini. Katakanlah bas-bas yang saya maksudkan tadi, iaitu bekas-bekas bas yang dijalankan oleh MARA dahulu kebanyakannya hanya bermuat (capacity) 16 passengers. Enam belas orang passengers bererti cukai untuk passenger-passenger ini yang dia kena bayar ialah \$160 sebulan—\$10 sebuah kerusi, tetapi dengan adanya undang-undang yang baharu ini, katakan mereka ini mendapat collection kasarnya pada sebulan lebih kurang \$1,500 bererti mereka kena membayar \$180. Kalau 12% daripada \$1,500—pada \$10. Oleh kerana dikira \$160 itu lebih kurang, ini bermakna bayaran yang mereka bayar sekarang \$160 tidak berubah, masih kekal \$160 juga, kerana dia dapat collection \$1,500 sebulan. Sedangkan \$1,500 sebulan kalau dua tahun dahulu boleh dikatakan, alhamdulillah, besar jugalah di masa itu. Maka dengan sebab itulah berebut-rebut syarikat-syarikat bumiputra ini ditubuhkan, meminta ambil-alih daripada MARA. Kerana pada masa dahulu kalau dapat \$1,500 ini sudah cukup besar, sebab sebuah jack misalnya, berharga \$50 pada masa itu, tetapi pada hari ini \$1,500 tidak cukup lagi untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan kerosakan yang dialami setiap bulan sekarang, kerana keadaan harga barang-barang ganti (spare-parts) ini telah naik antara 100%-200%. Sebuah jack yang dahulu berharga \$50 pada hari ini \$100 pun tidak boleh dapat lagi. Dengan sebab itu, bayaran yang mereka bayar seperti yang saya katakan tadi serupa \$160 juga, dan mereka masih juga lagi menderita kerugian, berbeza dengan bas-bas yang dijalankan dalam kawasan-kawasan bandar kerana jalannya cantik, macam Kuala Lumpur ini. Barangkali dalam sebulan dia tidak payah masuk workshop, tetapi bas-bas yang berjalan di luar-luarbandar, terutama sekali di negeri saya Trengganu, saya tahu kerana saya pun ada terlibat dalam perkara ini, hari-hari kena masuk workshop bas-bas ini. Kenyataannya telah ada. Saya jemput Yang Berhormat Menteri melawat ke Trengganu sekali. Saya akan membawa dan tunjukkan keadaan yang sebenarnya

Perjalanan bas-bas yang dikendalikan oleh bumiputra di luar-luarbandar sekarang ini menanggung kerugian setiap hari, setiap bulan dan hendak menurunkan gaji barangkali driver-driver ataupun kelenda-kelenda akan mogok. Sepatutnya mereka hendak gaji lebih kerana perbelanjaan hidup hari-hari telah bertambah dengan begitu banyaknya maka selain daripada beban barang-barang yang mahal ini syarikat terpaksa pula membayar elaun hidup sebagaimana yang diseru oleh Kerajaan baharu-baharu ini, terpaksa juga syarikat-syarikat ini patuh, kerana kalau tidak diikuti barangkali tidak adil pula. Tambah lagi beban kerugian yang dideritai oleh syarikat-syarikat ini. Dengan kerana itu 12% mana yang kurang ini masih lagi tidak mencukupi bagi perkhidmatan bas-bas di luarbandar ini.

Oleh itu, saya mencadangkan bagi keadilan segala pihak supaya dikenakan, ada perbezaannya, iaitu 12% mana yang kurang dengan bayaran sekarang bagi bas-bas yang berjalan di dalam kawasan-kawasan bandar, iaitu tempat jalan-jalan yang cantik yang Kerajaan keluar perbelanjaan berjuta-juta ringgit untuk membuat jalan dan \$5 pada satu kerusi atau 12% mana yang kurang kepada bas-bas yang berjalan di kawasan-kawasan luarbandar. Maknanya bas yang di luarbandar \$5. Kalau kurang passengernya dia kena membayar \$80 sebulan. Kalau dia dapat \$1,500 pun maknanya dia kena membayar \$80. Kalau dia dapat kurang daripada itu baharu kena bayar mengikut 12% yang dimaksudkan tadi. Dengan jalan ini baharulah datang keadilan. Tidaklah dikatakan sama rata sahaja. Orang yang duduk di tempat sedap, maknanya duduk di dalam bandar yang besar-besar menjalankan basnya dengan licin (smooth), dia kena bayar lebih sedikit daripada yang di luarbandar, yang sentiasa melangkah longkang-longkang, lopak-lopak patutlah dibayar kurang sedikit, kerana perbelanjaan maintainancenya berlipatganda daripada syarikat-syarikat bas yang berjalan di dalam bandar.

Lagi satu perkara yang saya hendak tegur ialah berhubung dengan amalan yang dijalankan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dalam masa-masa yang telah lepas sehingga pada tarikh saya bercakap ini; yang akan datang saya tidak tahu, iaitu berhubung dengan permohonan-permohonan permit pengangkutan oleh bumiputra-bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, daripada Yang Berhormat Tan Sri Sardon menjadi Menteri dahulu lagi saya telah bercakap kepada beliau sendiri. Saya bertanya apakah sebabnya Kerajaan dalam menggalakkan kaum bumiputra menyertai perusahaan pengangkutan ini, tetapi bila hendak diluluskan dibuat berbagai-bagai syarat yang menyusahkan dan ada kalanya syarat-syarat itu tidak menguntungkan sama sekali kepada kaum bumiputra yang hendak mengambil bahagian di dalam lapangan ini, iaitu dengan syarat yang saya maksudkan tadi, pemohon-pemohon ini kalau minta lori tiga tan ke bawah diberi kemudahan. Kalau hendak minta lebih tidak boleh, setengah-setengah yang diberi sampai 205 hundredweight, iaitu tidak lebih daripada 10 tan, lebih kurang kalau tidak salah ingatan saya. Diberi itupun dengan cara interview, macam-macam, dengan saksinya, begitu dan keterangan dan berbagai-bagai lagi. Kalau hendak minta yang 360 hundredweight ini jauh sekali, kecuali ada beberapa yang istimewa yang dikeluarkan di bandar besar Kuala Lumpur ini. Ini terang-terang saya nyatakan. Ada, bukan tidak ada, tetapi sangat sedikit. Orang-orang yang istimewa sahaja, tidak tahu macammua barangkali besar sangat kompeninya, wallahualam, tetapi yang lain tidak boleh. Yang senangnya, katanya, di bawah tiga tan. Menteri kata, "Tidak apa, sekarang juga saya boleh rekomenkan awak." Itu Menteri cakap. Itu Tan Sri Sardon dahulu, dia selalu bercakap terus-terang begitu. Saya baik dengannya, tetapi saya suka hendak menerangkan di dalam Majlis yang mulia ini, saya sama sekali tidak ada lori, jangan katakan pula saya ada pengangkutan, tidak ada. Yang saya tahu daripada rakan-rakan yang selalu bercerita, bercakap.

Saya katakan kepada pihak pegawai-pegawai pengangkutan, kalau hendak tolong orang Melayu kenapa pula dihadkan, hendak berikan yang tiga tan dan kalau ada syarikat Melayu pula hendak beri 205 hundredweight, iaitu lima tan. Kenapa tidak diberi 360 hundredweight, iaitu yang 12 roda. Kerana ini lebih menguntungkan, belanja maintainancenya sama sahaja. Kalau gaji driver itu \$10, \$10 juga yang lima tan dan yang 12 tan, gaji serupa. Kalau hendak kira gaji; cuma road tax, bayaran cukainya sahaja yang lebih, sedangkan ini boleh muat 12 tan, yang ini boleh muatkan lima tan. Kenapa disusah-susahkan?

Kalau betul-betul hendak menolong beri yang besar supaya mereka ini senang mencari makan, mencari penghidupan melalui perusahaan pengangkutan ini. Inilah yang saya maksudkan, yang saya harap kepada Menteri yang baharu dan Timbalan Menteri yang baharu yang saya tengok orangnya muda, tentulah dia lebih suka lagi hendak berkhidmat kepada orang ramai, tolonglah ubah syarat-syarat ini. Sekarang ini lori-lori yang lima tan ini sudah tidak ekonomik lagi, patutlah kalau ada permohonan, kalau cukup syarat, bukanlah saya suruh beri semua Mamat (Tom, Dick, and Harry), tidak—yang menasabah, tetapi berilah yang betul-betul boleh jadi ekonomik iaini sekurang-kurangnya 12 roda ini. Jangan lagi diberi yang tiga tan, yang lima tan. Ini semata-mata merugikan mereka. Akhirnya yang untung hanya kepada penjual-penjual lori ini sahaja.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya hendak sentuh.

7.20 mlm.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini. Saya mendapat tahu daripada orang-orang kampung yang pergi ke Pejabat Pengangkutan Jalan yang terletak di atas bukit iaitu di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, tetapi tempat mengambil lesen pula letaknya di Jalan Gurney. Apabila orang kampung bertanya, segala fail-failnya semua sudah tidak ada. Kata mereka, semua fail-failnya sudah diangkut oleh Kementerian ke bangunan yang letaknya di atas bukit di Jalan Tun Ismail. Katanya, mereka tidak ada kuasa dan tidak boleh buat apa-apa sebab kuasa kami telah diambil oleh Kementerian.

Saya rasa pelek keadaan Kementerian ini, dan saya ingin mengesyorkan supaya ianya diletakkan di satu tempat dan janganlah diletakkan satu di sana dan satu di sini, tambahan pula jauh antara satu sama lain. Ini menyusahkan orang-orang kampung yang terpaksa berulang-alik ke sana-kemari. Ada juga pegawai-pegawai yang menyatakan bahawa mereka tidak ada kuasa dan mereka tidak boleh berbuat apa-apa kerana kuasa mereka sudah diambil. Ini bertambah pelek lagi kepada orang kampung dan bagaimana keadaan ini boleh berlaku.

Baharu-baharu ini, seorang Ahli Yang Berhormat, beliau Ahli baru pun berkata begitu juga. Yang Berhormat Menteri hendaklah melihatkan perkara ini supaya ianya mendatangkan kebaikan dan keelokan kepada orang-orang kampung.

Yang keduanya, saya mintalah, oleh kerana galakan yang diberikan kepada bumiputra, sepertimana saudara saya Ahli Yang Berhormat tadi menyatakan galakan-galakan yang diberi kepada bumiputra di dalam dunia perniagaan dan perusahaan. Sungguhpun ada interview, tetapi galakan itu mestilah diberi betul-betul, jangan disekat-sekat cuma diberi lori yang 3 atau 5 tan kemudian bermacam-macamnya susah payahnya. Banyak juga bumiputra yang merungut untuk mendapatkan lori permit "C" pun susah. Kalau hendak mendapatkan lori permit "A" dan "B" itu lagi susah dan bermacam-macam pula yang ditanya dan di-interviewnya. Jadi, saya harap kepada Yang Berhormat Menteri pada masa akan datang jikalau sekiranya betul-betul hendak menolong bumiputra di dalam perkara pengangkutan (transport) ini tolonglah dengan sebenar-benarnya, tetapi apabila bumiputra pergi ke sana telah mendapat rintangan-rintangan yang susah, maka dengan cara yang begini tentulah bumiputra datang mengadu akan kesusahan-kesusahannya. Saya bercakap ini bukanlah kerana saya hendak minta lori, tetapi banyak sangat bumiputra yang mengadu bahawa payah mereka itu hendak mendapatkan Lori Permit "C". Ada juga permohonan yang datang daripada bekas-bekas asykar pun susah mendapatkan lesen. Kalau bekas-bekas asykar ini dapat janganlah menunggu lagi mengatakan Kuala Lumpur akan mengadakan perkhidmatan 50-70 buah teksi, maka baru diberi lesen-lesen teksi ini. Digazette pun mengambil masa yang lama. Banyak bekas-bekas asykar ini apabila tamat perkhidmatannya, tidak ada apa-apa pekerjaan. Mereka minta kerja sebagai drebar teksi ataupun minta permit teksi, dan oleh kerana mereka itu telah berkhidmat lama dan betul-betul ingin menjalankan perkhidmatan teksi, maka saya berharap kepada Kementerian ini dilulus dengan segera permit teksi mereka.

Itulah ingatan saya yang ikhlas supaya Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab akan menyiasat perkara ini.

7.24 *mlm.*

Tuan T. S. Gabriel: Tuan Yang di-Pertua, sambil saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini, saya ingin membawa dua tiga perkara untuk perhatian dan tindakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Perhubungan kita.

Perkara yang pertama ialah berkenaan dengan cukai kereta (road tax). Cukai kereta yang digunakan pada masa sekarang tidaklah sesuai lagi kerana nombor kereta yang ditunjukkan di dalam cukai kereta itu adalah sangat kecil seperti huruf taip sahaja. Saya juga mendapat tahu selalunya cukai-cukai kereta ini kena curi dan orang-orang yang mempunyai motosikal, dia curi cukai kereta yang dipunyai oleh kereta lain dan memadamkan nombor motokar itu dan dibubuhnya nombor motosikal, kerana nombor yang ditunjukkan di dalam road tax seperti yang disebutkan tadi terlalu kecil dan apabila cukai kereta telah mati, dia curi pula satu cukai kereta yang baru untuk digunakan pada keretanya. Jadi, saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu kita mestilah mencatatkan nombor kereta dan angka bulan yang dicatit dengan besar di dalam road tax itu. Dengan ini, saya fikir tentulah tidak begitu senang hendak dipadamkan nombor tersebut.

Perkara yang kedua, mengikut seksyen 28 seseorang Ahli Parlimen, Senator, Menteri dan Timbalan-timbalan Menteri tidak payah membayar cukai. Tetapi mengikut Schedule 4, apabila seseorang Ahli Parlimen, Senator, atau Menteri kehilangan road tax yang original dan beliau hendakkan satu salinan baru, mengikut Schedule 4 ini tidak menunjukkan beliau boleh dapat dengan percuma. Saya berharap Kementerian ini akan mengambil tindakan dan clarify. Saya tahu menggunakan commonsense apabila seseorang itu diberi original dengan free, salinan yang ada disimpannya tidak payah dibayar tetapi ianya tidak menunjukkan di dalam undang-undang yang ada pada masa sekarang ini.

Perkara yang ketiga, kereta-kereta teksi yang terdapat di Pulau Pinang sekarang ini langsung tidak menggunakan meter. Apabila seseorang penumpang menggunakan teksi tersebut, selalunya drebar-drebar itu menuntut tambang sampai lima enam ringgit

dengan sesuka hatinya. Kita sepatutnya hendaklah ambil tindakan atas perkara ini sebagaimana di Kuala Lumpur apabila seseorang naik teksi, otomatik drebarnya menggunakan meter. Tetapi di Negeri Pulau Pinang mereka tidak tunjukkan meter, sungguhpun undang-undang mensyaratkan mesti ditunjukkan meter ini dan tiap-tiap teksi itu ada meter, tetapi drebarnya tidak menggunakan meter. Dengan ini, saya tamatkan ucapan saya.

7.29 *mlm.*

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan yang kuat kepada Rang Undang-undang Lalulintas Jalan (Pindaan) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Pertama sekali, saya memberi sokongan kepada rakan sejawat saya Yang Berhormat Datuk Mansor bin Mohamad berhubung dengan kadar cukai yang dikenakan kepada bas-bas dan motokar-motokar di luar bandar daripada \$10 kepada \$5. Saya bukan maksudkan kepada Bas MARA sahaja, asalkan motokar atau bas ituuduknya di luar bandar, Kementerian ini patut memikirkan pengurangan cukai jalan itu.

Perkara yang menyebabkan menarik perhatian saya, Tuan Yang di Pertua, kerana kenderaan di luar bandar ini tidak sama dengan yang ada di dalam bandar, hasilnya, pada tiap-tiap hari sangat kurang. Kalau kita ambil cukai sama dengan kenderaan dalam bandar, maka ini akan menyulitkan pengusaha-pengusaha kenderaan kita. Dan kuatkuasa undang-undang inilah menjadi satu peluang yang baik khasnya di luar bandar yang pada masa sekarang Kerajaan memberi peluang kepada bumiputra dalam perusahaan kenderaan dan pengangkutan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kementerian ini juga memerhati dan mengawal kerana kita telah mengambil cukai motosikal dari negeri ini. Tetapi malangnya penunggang-penunggang motosikal itu melarikan motosikalnya dengan enjin yang kasar, laju di hadapan orangramai dan kadang kala dia ada pula satu kumpulan untuk menunjukkan kepada orangramai betapa handalnya mereka melarikan motosikal itu. Dan orangramai menonton siapa yang jadi jaguh di dalam kelajuan motosikal itu. Ini

pada himat saya adalah mengganggu lalu-lintas di jalanraya. Saya fikir orang yang menggunakan motosikal ini juga ada seengahnya dikatakan mempunyai gang yang bertujuan liar kepada negara ini. Saya harap Kerajaan mengawal perkara ini, kerana kadang-kadang anak kita atau orang-orang perempuan terperanjat apabila dengar motosikal yang begitu laju dan enjinnya yang begitu kuat.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta Kementerian ini memerhatikan kereta-kereta yang ada di bandaraya sudah uzur dan sudah tua. Kereta yang ada digunakan oleh syarikat-syarikat perusahaan di bandar ini semua kereta-kereta kelas jenis rendah. Saya contohkan di luar bandar. Orang-orang yang baru lulus lesen mereka membeli motokar Mercedes, Peugeot 404, tetapi di bandaraya keretanya jenis Austin yang sudah buruk. Yang menyedihkan, bilamana penumpang yang duduk di dalam motokar yang uzur ini, dia suruh penumpang itu pegang pintu motokar itu supaya dia selamat. Walhal kereta-kereta tersebut digunakan ada dalam bandaraya Kuala Lumpur dan inilah yang banyak benar membuat duit, dapat hasil yang lumayan dan diberi keistimewaan oleh Kementerian ini. Tetapi orang luar bandar, bilamana matahari masuk tidak ada lagi duit yang masuk. Orang dalam bandar ini penumpangnya daripada terbit matahari sampai terbit sekali lagi matahari ada manusia di bandaraya ini. Masaalah ini ialah sebagai menjaga maruah kenderaan kita di negeri yang masyhur dan makmur, cuba diarahkan kepada syarikat-syarikat ini supaya membeli kereta-kereta yang bermutu baik. Dan ketika hendak memeriksa kereta ini, saya harap janganlah diberi kuatkuasa penuh kepada Ahli Lembaga Pelesenan ini, sebab kadang-kadang dia boleh salah-gunaan kereta yang sudah kondem maka dia boleh katakan kereta itu tidak kondem boleh pakai setahun lagi, setahun berapa banyak boleh mendapat keuntungan, tetapi adalah merbahaya kepada penumpang-penumpang.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat rakan sejawat saya telah menceritakan berkenaan lori yang Kerajaan hendak beri kepada bumiputra. Saya sangat sanjung tinggi dan peraturan-peraturan ini patut juga kita kuatkuasakan, tetapi ada satu masaalah yang saya hendak beritahu kepada Kementerian ini. Kementerian ini sangat bermurah

hati kadangkala dia memberi lori-lori itu kepada orang-orang yang bukan hendak mengusahakan lori, umpamanya diberikan kepada Wakil Rakyat. Bagaimana Wakil Rakyat boleh menjalankan perusahaan pengangkutan ini? Bila dia tidak boleh menjalankan lori itu, maka lori itu di Ali-Babakan. Bahkan sekarang Kerajaan telah memberikan satu peruntukan khas berhubung dengan Lori Malaysia. Lori Malaysia pun pada masa sekarang banyak digantung lesennya, oleh sebab tidak ada barang dan pentadbirannya kurang cekap. Saya fikir kalau Kerajaan kurang awas, Lori Malaysia yang banyak diberi kepada bumiputra ini akan di Ali-Babakan kelak. Jadi matlamat Kerajaan untuk menolong bumiputra dalam masaalah ini tidak sampai. Oleh itu, saya fikir Kerajaan kena semak balik. Kalau ada lori-lori yang di Ali-Babakan ini, ada kenyataan yang sah, kita ambil balik dan berikan kepada bumiputra yang betul-betul mahu mengusahakan dalam perusahaan kenderaan ini. Matlamat Kerajaan hendak memberi bumiputra peluang ini akan terlaksana dalam satu masa yang akan datang.

7.36 mlm.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan-pandangan dan teguran-teguran atas Rang Undang-undang Lalu-lintas Jalan (Pindaan) yang sedang dibahaskan itu.

Perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mansor bin Mohamad, saya suka memaklumkan iaitu teguran-teguran yang telah ditimbulkan akan diambil ingatan dan pada masa sekarang cara taksiran cukai bas yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang ini adalah dianggap lebih adil dan menasabah, daripada cara yang telah diamalkan setakat ini. Kementerian saya bersiap sedia menimbang-nungkan pindaan dari semasa ke semasa. Kalau perlu teguran itu akan dikaji oleh Kementerian saya, dan bolehlah kita membawa pindaan lagi pada masa yang akan datang.

Mengenai perkara amalan mengeluarkan permit-permit kepada bumiputra, saya suka memaklumkan pihak Lembaga Pengangkutan Jalanraya pada masa ini adalah bersikap lebih liberal, dan syarat-syarat yang dikenakan kadang-kadang dianggapkan tidak begitu

menyenangkan. Sebenarnya ini adalah untuk faedah economic viability kaum bumiputra sendiri.

Saya percaya Lembaga Pelesenan di bawah Kementerian saya itu tidaklah sengaja membuat apa-apa perbuatan yang boleh dikatakan ada diskriminasi kaum bumiputra. Dan setahu saya, dasar Kerajaan dalam perkara ini yang telah ditetapkan di masa Yang Berhormat Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir menjadi Menteri Perhubungan, dasarnya masih tetap sama dan tidak ada perubahan.

Kalau Yang Berhormat Datuk Mansor boleh memberi sedikit kerjasama jika ada kes yang specific yang telah dikomplen, diadukan, barangkali keadaan yang kurang menyenangkan itu—permohonannya sudah ditolak, di bawah Rang Undang-undang ini ada satu peluang lagi boleh membawa satu rayuan kepada Yang Berhormat Menteri kita, saya sukalah kiranya ada, tolong kemukakan. Saya yakin Yang Berhormat Menteri kita akan timbangkan semula di bawah Rang Undang-undang yang ada.

Yang Berhormat Senator Raja Nong Chik bin Raja Ishak telah menimbulkan masalah yang dihadapi oleh orang-orang kampung, apabila mereka sampai ke Pejabat Pengangkutan Jalan telah menghadapi kekeliruan, kerana nampaknya Kementerian saya itu dibelah dua, separuh di Jalan Gurney dan separuh lagi di Jalan Tun Ismail. Saya suka menjelaskan di sini bahawa pengeluaran permit-permit dan lain-lain bukan dikelolakan oleh Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan, tetapi sebenarnya dikelolakan oleh Urusetia Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalanraya, yang juga ditempatkan di Jalan Tun Ismail. Fail-fail yang berkaitan dengan PSD telah juga dipindahkan ke tempat yang sama, cuma bahagian yang menguruskan commercial vehicles sahaja masih ada lagi di Jalan Gurney, dan saya ingin memberi jaminan di Dewan ini keadaan yang kurang 100% memuaskan itu akan diperbaiki dengan secepat mungkin.

Kontrek untuk pembinaan pejabat baru telah diberi dan sebaik sahaja ruang pejabat baru itu telah disiapkan Urusetia Lembaga Pengangkutan Jalan boleh berjalan dengan licin dan juga lebih berkesan. Di sini tepatlah juga kalau saya meminta kerjasama daripada

sahabat saya jikalau ada orang-orang kampung mengemukakan masalah itu, tolonglah juga memberi sedikit-sedikit keterangan tentang hal ini, dan dengan cara itu saya percaya dapatlah melapangkan dada orang-orang kampung yang menghadapi kesulitan itu.

Tentang dasar Kerajaan menggalakkan perniagaan bumiputra di dalam bidang transport itu, seperti yang saya telah katakan tadi, dasar Kerajaan ini masih serupa dengan yang telah ditetapkan di masa yang sudah-sudah, dan saya yakin Kerajaan kita, khasnya Kementerian saya ini akan melaksanakan dasar itu dengan seberapa adil yang boleh untuk menggalakkan lagi bumiputra menjalankan perniagaan transport.

Yang Berhormat Senator T. S. Gabriel yang telah menyatakan Kementerian Perhubungan itu kurang tepat. Kementerian ini adalah Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan. Tentang road tax disc yang telah hilang yang dipunyai oleh Wakil Rakyat itu pembayarannya pada masa ini dikenakan itu adalah satu perkara kecil. Pembayaran bagi salinan road tax adalah secara nominal sahaja dan cadangan Yang Berhormat Senator Gabriel bolehlah ditimbangkan oleh Kementerian saya.

Mengenai perkara adanya setengah-setengah teksi di Pulau Pinang yang tidak bermeter, inilah keadaan yang buat sementara sahaja oleh kerana baru-baru ini bekalan meter-meter daripada seberang laut telahpun tiba dan sedang diuji, dan sebaik sahaja ujian itu telah siap dan beres, keadaan yang tidak memuaskan ini akan diperbaiki.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah menimbulkan beberapa perkara, dan kalau saya tidak salah, yang pertama adalah berkenaan dengan cukai bas-bas. Itu saya percaya perkara yang sama dengan yang telah dibangkitkan oleh Senator Datuk Mansor tadi, dan tidaklah payah saya ulangi jawapan yang saya telah beri tadi.

Tentang penunggang-penunggang motosikal yang bergang-gang yang mengacau kita di bandar-bandar dan di lain-lain tempat, Kementerian ini sedar akan keadaan yang buruk ini, dan seperti Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum bersetuju juga, perkara ini sebenarnya kalau hendak diperbaiki tertaklukkan kepada tindakan Polis. Saya suka memajukan aduan yang telah dibuat dalam

Dewan ini kepada pihak Polis supaya tindakan yang sesuai akan terus diambil di mana-mana yang perlu.

Tentang kereta-kereta yang lapuk itu, ini saya percaya ada juga sebanyak-sedikit di dalam bandar kita, tetapi tidaklah begitu banyak. Walau bagaimanapun, saya setuju perkara ini akan diambil perhatian oleh Kementerian saya dan saya akan membuat arahan kepada Penguatkuasa-penguatkuasa di dalam Jabatan Pengangkutan supaya pemeriksaan-pemeriksaan mengejut dibuat dari semasa ke semasa. Kalau perlu, kereta-kereta lapuk itu ataupun usang itu bolehlah di tarik balik daripada penggunaannya di atas jalanraya kita.

Perkara penonggang-penonggang motosikal yang barangkali main-main sahaja dengan memegang kepada motokar yang sedang berjalan, terpulanglah kepada kebijaksanaan penonggang-penonggang motosikal itu sendiri. Itu adalah satu perbuatan yang sangat merbahaya dan saya fikir eloklah Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad kalau nampak keadaan itu, tolong beri nasihat penonggang motosikal itu supaya mereka selamat dari kemalangan yang tidak diingini.

Permit lori yang diadakan yang diberi kepada orang yang tidak benar-benar menjalankan perniagaan pengangkutan itu, saya percaya ini adalah satu keadaan yang kadang-kala timbul, dan itulah sebabnya Lembaga Pelesenan itu selalu bertanya dengan teliti kepada orang-orang yang memohon permit itu dalam temuduga-temuduga memastikan orang yang memohon itu benar-benar akan menjalankan perniagaan pengangkutan lori itu. Kadang-kadang kalau Lembaga itu menyopal terlampau banyak pun timbul satu perkara lagi seperti yang telah ditimbulkan tadi oleh Senator Datuk Mansor itu yang akan memberi satu impression, barangkali ada sesuatu diskriminasi.

Pada keseluruhannya, Kementerian ini sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan dan semuanya akan dikaji dan akan ditimbang dan tindakan-tindakan yang sesuai akan diambil di mana-mana yang perlu.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 4—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, Fasal 2 (3) (c), saya minta dan merayu kepada Kerajaan membuang proviso ini, kalau tidak boleh pada masa inipun pada masa yang lain, sebab Kerajaan kita sekarang ini sudah mula bercakap dalam hal value dan kata-kata seperti quality of life pun sudah menjadi popular di dalam Dewan kita ini. Pada mesyuarat yang lalu saya telah menegur satu perkara yang kena-mengena dengan hak asasi manusia kita iaitu limitation of period di dalam tuntutan-menuntut civil case, iaitu di mana seorang rakyat jelata hanya boleh menuntut terhadap Kerajaan dalam masa tiga tahun, tetapi sebaliknya, Kerajaan berhak menuntut dalam masa enam tahun. Dan saya telah berkata di dalam Dewan ini bahawa undang-undang yang seperti itu walaupun telah diperbaiki limitation of period itu daripada satu tahun kepada tiga tahun masih juga merupakan satu undang-undang yang meletakkan rakyat jelata ini kepada separuh hak manusia. Maka berbangkitlah perkara ini. Kalau kita baca di sini, Tuan Pengerusi, bunyinya sedap.

“(c) It shall be lawful for the Registrar if it is proved to his satisfaction that any fee payable in accordance with paragraph (a) (iii) sub-section (2) of this section has been overpaid to refund the fees so overpaid.”

Dan seterusnya, Tuan Pengerusi:

“Provided that no such refund shall be allowed unless a claim in respect thereof is made within two years after such payments are made.”

Jadi, Tuan Pengerusi, kalau ertinya rakyat tidak menuntut, maka wang ini menjadilah wang Kerajaan. Kita nampak perkara ini kecil, Tuan Yang di-Pertua, mungkin benda yang lebih itu \$5 atau \$10 tetapi bagi saya bukan masalah \$5 atau \$10. Masaalahnya,

fundamental rights bagi rakyat kita dan layanan Kerajaan kita pada masyarakat yang menjadi sebahagian yang tidak dapat dipisah dalam mentafsirkan "quality of life" bagi masyarakat kita.

Tuan Pengerusi, kita menggunakan perkataan lawful; It shall be lawful for the Registrar. Ertinya pada masa dahulu kalau wang itu masuk, dia tidak boleh bayar balik, kalau dia bayar balik itu sudah salah kepada dia. Pada masa ini kita memberi kepada dia dan dia boleh membayar balik, tetapi dalam masa tempoh dua tahun. Kalau orang itu tidak menuntut, maka pihak Kerajaan tidak boleh memberi wang itu kepada orang yang patut diberi dan ini tidak ada disebut di sini. Ertinya, Kerajaan boleh memberi dan membayarkan kepada pemegang Amanah, dan Pemegang Amanah boleh mencari di mana rakyat yang patut diberi itu walaupun lima ringgit, tetapi Kerajaan tidak begitu. Kerajaan hendakkan rakyat mencari, kalau tidak boleh, wang itu masuk poket Kerajaan. Itulah satu cara pemikiran Kerajaan yang cuba memimpin masyarakat kita hidup yang bermutu (quality of life).

7.54 mlm.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada pandangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah atas seksyen 57 itu yang telah dicadangkan oleh beliau supaya dimansuhkan. Saya suka memberi sedikit penjelasan iaitu proviso (c) itu memang telah dimasukkan dalam undang-undang ini supaya kesulitan-kesulitan tidak timbul dalam pentadbiran. Jikalau tidak ada sesuatu had masa untuk membolehkan bayar balik apa yang telah lebih dibayar itu, saya percaya akan membangkitkan banyak kesukaran masa mentadbirkannya. Saya memang faham akan bantahan ataupun teguran dan pandangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat itu, akan tetapi saya fikir lebih elok kita biarkan undang-undang ini dijalankan pada masa ini. Apabila kita dapat melaksanakan seksyen ini menimbulkan banyak masaalah atau banyak ketidakadilan, Kementerian saya bersedia pada masa itu membawakan satu pindaan lagi kepada seksyen ini.

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali Yang Ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERKHIDMATAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.58 mlm.

Datuk Atfii Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa suatu Rang Undang-undang yang diberi nama "Satu Akta bagi mengadakan peruntukan untuk mengena, mendapatkan secara levi dan memungut cukai perkhidmatan" dibaca bagi kali yang kedua.

Dalam Ucapan Belanjawannya pada 12hb November, 1974, di Dewan Rakyat, Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa satu cukai perkhidmatan akan dikemukakan dan satu perundangan baru dibuat untuk melaksanakan cukai itu. Dengan itu tujuan Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan pada masa ini ialah untuk membuat peruntukan bagi pengenaan, pengutipan, pengambilan dan pentadbiran cukai baharu itu.

Fasal 3 Rang Undang-undang itu memperuntukkan bahawa cukai itu akan dikenakan dan dikutip atas apa-apa perkhidmatan dan barang yang ditetapkan yang diberi, dibekal atau dijual oleh atau di dalam pertubuhan yang ditetapkan pada kadar yang ditentukan dari semasa ke semasa melalui suatu perintah oleh Menteri Kewangan di bawah Fasal 5 Rang Undang-undang itu. Perkhidmatan bercukai atau barang bercukai itu akan ditetapkan oleh Menteri Kewangan melalui peraturan di bawah Fasal 41.

Cukai perkhidmatan yang kena dibayar akan ditentukan mengikut Fasal 4 Rang Undang-undang itu. Dalam perkara mengenai perkhidmatan bercukai, cukai dikenakan ke atas jumlah nilai yang dikenakan atau dilevi sementara dalam hal mengenai barang bercukai ia akan dikenakan ke atas harga sebenar barang itu dijual. Jika tidak ada apa-apa bayaran dikenakan cukai itu akan didasarkan kepada nilai yang mungkin telah dikenakan di dalam urusan perniagaan biasa bagi pembekalan perkhidmatan atau pembekalan barang itu.

Cukai itu akan dikenakan ke atas dan dibayar oleh mana-mana orang yang menjalankan perniagaan membekal perkhidmatan bercukai atau yang menjual atau membekalkan barang-barang bercukai di dalam mana-mana pertubuhan yang ditetapkan seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 7 Rang Undang-undang itu. Orang itu akan diberi kuasa di bawah Fasal 10 (2) untuk mengutip cukai dari pelanggan-pelanggan atau pembeli-pembelinya.

Fasal 8 ialah mengenai pelesenan. Di bawah peruntukan ini semua orang yang menjalankan perniagaan memberi perkhidmatan bercukai atau membekal barang-barang bercukai yang telah disebutkan tadi dikehendaki memohon satu lesen daripada seorang pegawai kanan kastam yang bertanggungjawab bagi daerah di mana tempat perniagaan utama pemohon itu bertempat. Oleh sebab lesen ini ialah hanya untuk pengawalan dan kesenangan pentadbiran ia akan diberi dengan percuma.

Rang Undang-undang ini juga memperuntukkan bahawa orang-orang yang kena cukai akan dikehendaki mengeluarkan inbois dan menyimpan rekod-rekod atau akaun-akaun bagi semua jualan bercukai mengikut Fasal 10 Rang Undang-undang itu. Rekod-rekod dan akaun-akaun itu hendaklah disimpan bagi tempoh selama enam tahun mulai dari tarikh terakhir yang berkaitan dengannya. Untuk mengelakkan orang-orang daripada mengambil kesempatan dari cukai itu satu peruntukan telah dibuat di dalam fasal yang sama yang melarang pengeluaran inbois oleh seseorang yang tidak dikenakan membayar cukai dan seseorang yang memberi apa-apa perkhidmatan atau membekal barang-barang yang tidak dikenakan cukai. Seseorang yang dikenakan cukai juga dikehendaki menghantar penyata bulanan kepada Pejabat Kastam dan membayar cukai yang dikutip bagi satu-satu tempoh cukai dalam tempoh dua puluh lapan hari selepas akhir satu-satu tempoh cukai itu mengikut Fasal 12 dan 14 Rang Undang-undang itu. Penyata-penyata ini akan ditaksir oleh pegawai kastam yang tertentu.

Peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan pengutipan, pulangan balik dan remitan cukai dibuat dalam Bahagian V Rang Undang-undang tersebut. Adalah diperhatikan di sini bahawa jika apa-apa cukai perkhidmatan telah dibayar atas kesilapan,

pulangan balik cukai boleh dituntut daripada Ketua Pengarah Kastam mengikut Fasal 21 dengan syarat ia dibuat dalam tempoh satu tahun selepas pembayaran lebih itu. Fasal 22 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk meremit kesemua atau sebahagian daripada apa-apa cukai perkhidmatan yang kena dibayar di bawah Rang Undang-undang ini.

Bahagian-bahagian VI, VII, VIII, IX dan X Rang Undang-undang ini mengandungi peruntukan-peruntukan berkaitan dengan pemeriksaan, perampasan, penahan, kesalahan-kesalahan, Pembicaraan-pembicaraan, peraturan-peraturan dan pentadbirannya. Kesemuanya ini adalah pada keseluruhannya sama dengan peruntukan-peruntukan yang berkenaan di dalam Akta Cukai Jualan, 1972.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam Ucapan Belanjawannya, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan bahawa cukai perkhidmatan akan dikenakan ke atas semua perkhidmatan berkaitan dengan tempat tumpangan, makanan, hiburan dan lain-lain perkhidmatan yang diberi oleh atau dalam sebuah hotel dan tempat-tempat seumpama itu seperti motel dan rumah rihat. Cukai ini akan dikenakan pada kadar 5%. Adalah dicadangkan bahawa cukai ini akan dikuatkuasakan mulai pada 1hb Februari, 1975 apabila Rang Undang-undang ini diperundangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

8.08 mlm.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Cukai Perkhidmatan, 1974 yang sedang dibahaskan ini.

Saya suka menyatakan bahawa Fasal 6 (a) dalam Rang Undang-undang ini di mana Yang Berhormat Menteri Kewangan diberi kuasa penuh mengecualikan jika difikirkan patut syarat-syarat yang memerlukan pihak peniaga yang berkenaan. Fasal 6 (a) ini sebenarnya akan menolong dan mengurangkan kesulitan-kesulitan yang akan

dialami oleh setengah-setengah pihak peniaga, jika dapat diterima pertimbangan oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memberi satu contoh sahaja, ada peniaga seperti hotel bersama dengan kedai-kedai kopi kecil yang disediakan untuk orang yang berpendapatan rendah, hotel itu mempunyai 5 atau 6 bilik sahaja di tingkat atas kedainya, sedangkan dibahagian bawahnya digunakan sebagai kedai kopi, sewa bilik hotel itu dari \$4-\$7 sahaja bagi tiap-tiap bilik satu malam. Sehabis tinggi sewa hotel seumpama itu tidak akan melebihi daripada \$10.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan daripada pelanggan hotel kecil ini terdiri dari buruh, peladang, drebar dan lain-lain pekerja yang bergaji rendah. Sekiranya Cukai Perkhidmatan 5% ini tidak dikecualikan, maka tuan-tuanpunya hotel dan kedai kopi ini terpaksa mengenakan seorang pelanggan sebanyak \$1 kepada bayaran yang tidak melebihi \$20 kerana, cukai ini minimanya tidak kurang daripada \$1 walaupun pelanggan membayar bayaran kepada hotel ini sebanyak \$1 ataupun kurang daripada \$1. Dan juga jikalau pihak hotel itu adalah di bahagian bawahnya digunakan sebagai kedai kopi, dan seorang pelanggan hotel itu sendiri minum secawan kopi "O" yang berharga 20 sen, ini akan terpaksa dibayar Cukai Perkhidmatan ini \$1 dengan berjumlah \$1.20 untuk secawan kopi "O" itu, ini akan menjadi satu akibat iaitu pelanggan-pelanggan akan menjauhkan diri dari hotel dengan kedai kopi itu. Ini satu misalan yang saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri dan apabila Undang-undang ini dikuatkuasakan, saya menyeru Yang Berhormat Menteri akan memberi keizinannya memberi pertimbangan kepada pihak ini dan pihak lain-lain yang terlibat untuk mengecualikan bayaran Cukai Perkhidmatan di bawah Fasal 6 (a).

8.12 m/m.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohd. Yassin: Tuan Yang di-Pertua, jarang sekali saya kurang senang, sebenarnya tak pernah terhadap Rang Undang-undang yang dikemukakan ke dalam Dewan ini, tetapi di bawah Rang Undang-undang ini saya suka di sini merakamkan kebimbangan saya, kerana bila saya teliti Rang Undang-undang ini, saya

dapati beberapa perkara yang tidak begitu jelas. Saya bimbang kerana kuasa yang biasanya diberi kepada Dewan sekarang ini telah diserahkan kepada Menteri. Apa yang biasanya pakar Undang-undang mengatakan kuasa delegasi—Delegated legislation—ini perkara yang membimbangkan saya, dan saya harap Yang Berhormat Menteri dapat menyenangkan hati saya sedikit dengan memberi alasan yang menasabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba meneliti dan cuba menarik daripada kandungan Rang Undang-undang ini untuk mencari sebab-sebabnya yang Undang-undang ini dikemukakan. Saya sedar Yang Berhormat Menteri Kewangan telah membuat Ucapan Belanjawannya dan daripada situ saya sedut bahawa tujuannya ialah untuk mengenakan satu cukai yang digelar Cukai Perkhidmatan. Terhadap apa? Ini dia soalnya. Kalau diizinkan, Tuan Yang di-Pertua, saya suka baca sedikit apa yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Saya petik katanya:

"Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum sektor serbis ekonomi kita menyumbangkan sebahagian besar daripada KNK kita. Dengan pertumbuhan pembangunan ekonomi dan perindustrian yang pesat sektor serbis juga menjadi bertambah penting dan akan menjadi satu punca hasil yang akan berkembang. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya satu perundangan dibuat untuk membolehkan Kerajaan mengenakan cukai ke atas sektor ini dan cukai baru ini dinamakan Cukai Serbis. Salinan Rang Undang-undang bagi maksud ini akan didedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat".

Ini secara umum dikatakan satu cukai serbis. Saya petik lagi:

"Cukai ini akan dikenakan ke atas semua bayaran bagi sebarang serbis yang ditetapkan dan semua jualan ataupun bekalan barang-barang yang ditetapkan oleh atau di dalam pertubuhan yang ditetapkan. Seperti dalam Akta Kastam, 1967, Menteri Kewangan akan diberi kuasa untuk menetapkan kadar cukai serbis yang akan dikenakan melalui satu perintah yang akan diterbitkan dalam Warta

Kerajaan dan untuk mengubah atau meminda kadar ini dari masa ke masa. Cukai ini akan ditadbirkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Di-Raja.

Di bawah perundangan baru ini adalah dicadangkan supaya cukai serbis ini dikenakan pada kadar 5% ke atas beberapa serbis tertentu di hotel dan juga di rumah tumpangan yang seumpamanya seperti motel dan rumah rihat. Bagi maksud cukai ini, serbis yang akan dikenakan cukai hanya dihadkan kepada tempat tumpangan, makanan, hiburan dan lain-lain serbis-serbis yang diberi oleh tempat-tempat seperti ini”.

Jadi daripada ucapan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kalau ini sahaja dimaksudkan iaitu cukai serbis itu dikenakan, disebutkan di sini, kepada hotel dan motel, rasa saya itu tidak menjadi masalah tetapi yang menjadi masalah kepada saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah dari segi Undang-undang ini digubalkan, terlampau luas. Saya cuba bertanya apakah yang dimaksudkan dengan perkhidmatan di bawah Rang Undang-undang ini? Saya cuba cari takrif perkhidmatan yang dimaksudkan di sini.

Di bawah tafsiran, Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 tak ada perkataan serbis ataupun perkhidmatan, tetapi terpaksa kita baca dua-tiga takrif sebelum kita sampai kepada makna yang hendak diberikan. Di sini saya dapati kalau kita hendak tahu apakah yang dimaksudkan ataupun apakah jenis-jenis serbis yang hendak dikenakan cukai terpaksa kita cari, dan saya dapati itu terletak di bawah Fasal 41. Fasal 41 mengatakan:

“41. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk menetap dan telah memperaturan—

- (a) pengeluaran lesen;
- (b) tempat di mana cukai perkhidmatan hendaklah dibayar dan dipungut;
- (c) hal meremit mengikut budibicara Ketua Pengarah bagi amaun-amaun kecil cukai perkhidmatan;
- (d) borang-borang yang hendak telah digunakan dibawa dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengan Akta ini;

(e) apa-apa yang dikehendaki atau dibenarkan dalam Akta ini ditetapkan atau diperaturan;

(f) secara am untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Akta ini.”

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, kuasa yang hendak digunakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan mungkin ialah di bawah Fasal 41 (e)—

“41 (e) apa-apa yang dikehendaki atau dibenarkan dalam Akta ini ditetapkan atau diperaturan”.

Kalau kita tengok di sini kuasa ini sekarang ini kita telah serahkan kepada Menteri untuk menetapkan apakah jenis serbis yang terpaksa dikenakan. Kalau kita balik pula kepada Fasal lain, Fasal 3 yang mana membenarkan pengenaan cukai. Saya petik:

“3. Tertakluk kepada Akta ini hendaklah dikenakan dan didapatkan secara levi suatu cukai yang dinamakan cukai perkhidmatan berkenaan dengan—

(a) mana-mana perkhidmatan yang ditetapkan”

Ketetapanannya itu dibuat di bawah Fasal 41 tadi oleh Menteri. Kemudian daripada ini dalam Akta ini disebut:

“ perkhidmatan yang kena dibayar cukai yang disediakan oleh atau di mana-mana tempat perniagaan yang ditetapkan;

Dan “(b) mana-mana barang”

Di sini “barang” ada tafsiran iaitu “Barang termasuklah apa jua jenis makanan, minuman atau barang.” Ini tafsirannya.

Saya sebutkan semula:

(b) mana-mana barang yang ditetapkan”

Ditetapkan oleh siapa? Oleh Menteri! Kemudian daripada itu dalam Akta ini disebut barang yang kena dibayar cukai yang dijual atau dibekalkan oleh atau di mana-mana tempat perniagaan yang ditetapkan. Kalau saya pandang daripada Fasal 3 (a) dan 3 (b), saya berpendapat 3 (b) mungkin dikenakan kepada hotel-hotel dan motel-motel yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa beliau membentangkan Belanjawan Tahun 1975 ini. Tetapi yang saya rasa ragu sedikit ialah

apakah perkhidmatan yang dimaksudkan di bawah Fasal 3 (a) ini? Perkhidmatan itu luas. Adakah yang dimaksudkan perkhidmatan itu, umpama, perkhidmatan yang diberi oleh seorang iktisas, seorang profesional, seorang doktor, seorang peguam, seorang loyar? Adakah perkhidmatan yang diberi oleh Rumah Urut juga dimaksudkan perkhidmatan? Perkhidmatan itu terlampau luas. Jadi kuasa yang menetapkan apakah perkhidmatan itu kita serahkan kepada Menteri. Inilah yang saya kata pada awal-awal lagi, saya rasa kurang senang sedikit kerana kuasa delegasi undang-undang ini kita telah serahkan kepada Menteri, kuasa, yang sepatutnya tertinggal kepada Dewan Parlimen, bukannya kepada Menteri.

Itulah pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, dan saya berharap dengan sepenuh-penuh supaya Yang Berhormat Menteri dapat memberi sedikit jaminan kepada Dewan ini, terutama sekali kepada saya bahawa Rang Undang-undang ini yang dimaksudkan ialah kepada perkara-perkara yang tertentu dan tidak kepada perkhidmatan umum yang tidak dibincang dan tidak diberi peluang kepada Ahli-ahli Dewan menitikberatkan samada patut dikenakan atau tidak.

8.23 *mlm.*

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya:

Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Rang Undang-undang ini, saya rasa Kerajaan mengadakan Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memungut hasil, cara pungutan hasil bagi perkhidmatan negara kita ini. Apabila Kerajaan berkehendak memungut hasil, cara pungutan hasil itu tidaklah dengan cara menyusahkan rakyat ramai ataupun peniaga-peniaga kecil yang ada di merata tempat dalam negara kita ini.

Pada faham saya barangkali kalau Kerajaan hendak pungut hasil tentulah Kerajaan akan menjamin cara pungutan hasil itu akan memudahkan Kerajaan memungut hasil dan mendapatkan hasil itu dengan jumlah yang banyak. Maksudnya, kalau kita hendak tangkap ikan, maknanya pukut itu pukut yang boleh dapat ikan yang besar-besar, lepaskan ikan yang kecil-kecil itu, ikan-ikan bilis yang tidak berharga itu biarlah dia dibesarkan, bila sudah besar baru kita tangkap.

Tetapi dalam Rang Undang-undang ini, sebagaimana rakan saya saudara Kamarul Ariffin bercakap tadi, caranya umum sangat. Bila caranya umum sangat, saya bimbang dan takut pukut yang akan menangkap ikan itu terkena kesemua sekali, ikan kecil, ikan besar, ikan hendak mati pun kena. Jadi, benda ini tentulah menyusahkan ramai, terutama orang-orang bumiputra, orang-orang Melayu kita yang baru hendak melayakkan diri dalam perniagaan cara servis itu. Umpamanya, rumah-rumah rehat (rest houses) yang dipunyai oleh Kerajaan tetapi diberi kepada orang Melayu untuk berniaga sebagai konterek untuk menjalankan perniagaan di rumah-rumah rehat Kerajaan. Kalau sekiranya rumah-rumah rehat di seluruh negara kita ini dikenakan cukai yang seumpama itu, saya rasa tidaklah sepatutnya kerana Kerajaan cuba hendak memberi pertolongan kepada pelancung-pelancung, pegawai-pegawai Kerajaan yang berjalan daripada satu tempat ke satu tempat untuk kemudahan mereka berhenti dengan keluarga mereka, mendapatkan makanan-makanan yang murah. Jadi, kalau sekiranya dikenakan cukai juga kepada rumah-rumah rehat ini tentulah akan keberatan itu ditanggung bukan oleh peniaga rumah-rumah rehat itu tetapi oleh pegawai-pegawai Kerajaan sendiri yang pergi berhenti atau makan di rumah-rumah rehat itu. Bagi saya di sini, saya mencadangkan apabila Kerajaan yang hendak menjalankan undang-undang ini, siang-siang lagi saya hendak minta Menteri kecualikan rumah-rumah rehat Kerajaan yang ada di seluruh negara kita ini daripada dikenakan cukai seumpama itu.

Saya menyokong rakan saya daripada Kelantan, Datuk Dr Wee Khoo Hock yang bercakap berkenaan dengan kedai-kedai kopi kecil di hotel-hotel yang mana mereka ini mencari makan dari sehari ke sehari untuk hidup keluarga mereka sahaja. Jadi, janganlah dikenakan cukai-cukai yang seumpama ini, baiklah kita kenakan cukai ini kepada hotel-hotel yang besar-besar seperti Hotel Hilton, Equatorial, Federal Hotel, kemudian hotel-hotel besar yang ada di Pulau Pinang yang mampu, orang-orang yang datang ke hotel-hotel itu mampu membayar dan pihak hotel itu mampu menjaga: cara bayaran mengeluarkan resit, invoice, menjaga kira-kira, membuat return dan ada kerani-kerani yang boleh menjalankan kerja. Kalau sekiranya dikenakan kepada yang kecil-kecil ini,

maka akan jadilah sebagaimana kita kenakan Cukai Jualan kepada orang-orang kecil ini yang terpaksa mengadakan buku, kerani dan mengeluarkan resit dan membayar gaji kerani itu. Taukeh yang tidak tahu menulis kena mengadakan kerani, gaji kerani sekarang tidak kurang daripada \$100 sebulan untuk menuliskan resit, invoice, membuat return dan sebagainya. Ini adalah perkara-perkara bagi pihak ahli peniaga kecil ini terpaksa menghadapi kerumitan dan kalau sekiranya Kerajaan uruskan masalah ini Kerajaan pun tidak banyak kerja, peniaga-peniaga kecil pun tidak banyak kerja, kita kenakan kepada mana-mana tempat yang besar, perdagangan-perdagangan yang besar, hotel-hotel dan motel-motel yang besar sahaja.

Jadi, saya rasa Fasal 6 yang memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan ini adalah satu fasal yang baik dan patutlah Menteri yang berkenaan ini menimbangkan kerana di dalam Rang Undang-undang ini tidak dihadkan berapa jumlah modal ataupun berapa jumlah kakitangan yang bekerja dalam syarikat yang menjalankan service itu dan sebagainya. Undang-undang ini terlampau luas sebagaimana kata saudara saya Kamarul Ariffin. Oleh kerana luas sangat undang-undang itu menimbulkan kebimbangan. Bukan sahaja saudara Kamarul Ariffin sebagai loyar berasa bimbang, tetapi peniaga-peniaga kecil kalau mereka erti baca undang-undang ini, mereka lebih bimbang daripada orang yang mengetahui undang-undang. Saya rasa ada baiknya perkara ini diterangkan dengan jelas lagi oleh Menteri yang berkenaan bagaimana cara perlaksanaan yang akan dikenakan cukai yang seumpama ini. Penerangan yang jelas itu akan dapat menolong membersihkan perasaan dan fikiran rakyat yang ada kaitan dengan undang-undang yang akan dikenakan kepada mereka itu.

8.30 mlm.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong pendapat rakan-rakan saya mengenai perasaan rakyat; perasaan rakyat yang akan kena nanti. Saya tidak peduli jikalau sekiranya kena kepada hotel yang besar-besar, tetapi saya berdiri ini menyokong rakan-rakan saya oleh kerana ia akan terkena kepada hotel-hotel yang kecil,

di mana pengurus-pengurusnya—pengurusnya ada dua tiga orang yang tidak berapa mengerti, modalnya kecil. Di dalam Rang Undang-undang ini ada menyatakan jikalau pengurus-pengurus itu tidak ada mengutip service tax, pengurus itu akan kena enam bulan jail ataupun beberapa tahun jail. Nanti banyak yang akan kena, sebab tidak terkutip, susah hendak mengutip, tetapi seperti mana yang dikatakan oleh saudara-saudara saya tadi memang boleh, kalau hotel besar, umpamanya, Hotel Merlin dan lain-lain tempat.

Saya menyokong apa yang dikatakan service ini. Definition service memang banyak; bus service pun ada. Transport service pun ada dan bermacam-macam service lagi. Definition service ini mestilah ditunjukkan apa dia, big hotel services atau apa? Saya bercakap ini adalah menyuarakan perasaan rakyat; saya tunjukkan perasaan saya seperti penuntut-penuntut universiti tunjuk perasaan. Ini tidak begitu molek, molek itu molek, sokong itu sokong juga, tetapi tidak berapa molek. Jikalau moleknya dikenakan kepada hotel yang besar-besar.

8.33 mlm.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-senator yang memberikan pandangannya atas Rang Undang-undang ini.

Mengenai pandangan Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoon Hock, sukalah saya memberitahu bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk mengenakan cukai perkhidmatan atas makanan dan minuman yang disediakan oleh kedai kopi biasa yang terletak di bawah hotel-hotel kecil, tetapi cukai ini akan dikenakan juga atas sewa bilik di hotel pada kadar 5%. Cukai ini adalah kecil sahaja. Walau bagaimanapun, rayuan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian oleh Kementerian dan ditimbangkan semula dari semasa ke semasa.

Berkenaan dengan pandangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin, memang benar bahawa takrif perkhidmatan itu luas. Sebagaimana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 12hb November, 1974, Kerajaan bercadang untuk mengenakan cukai di atas perkhidmatan di hotel dan di

restoran, kelab malam dan sebagainya yang terdapat di hotel sahaja. Keterangan yang lebih lanjut akan diisytiharkan dalam satu Kenyataan Perbendaharaan tidak lama lagi. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu bolehlah berasa lebih senang dan lapang sedikit dan tidaklah ada alasan-alasan untuk diraguragukan lagi. Jawapan ini juga bersangkut-paut berkenaan dengan pandangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Nik Hassan dan juga Yang Berhormat Senator Raja Nong Chik.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin menyentuh mengenai perkara perkhidmatan—service tax. Senator itu minta tafsiran apakah makna service dan berapakah luasnya dan bagaimana Kerajaan akan melaksanakannya. Beliau juga bimbang yang kuasa ini adalah suatu kuasa yang besar dan diletakkan di tangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sukalah saya menjawab mengenai pandangannya itu tentang kuasa yang diberi oleh Rang Undang-undang ini kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk menentukan jenis perkhidmatan yang boleh dikenakan cukai. Saya ingin memberi jaminan Yang Berhormat Menteri Kewangan akan menimbangkan sesuatu langkah dengan mendalam sebelum mengenakan cukai ini.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri akan membawa cadangan saya supaya dikecualikan Rumah-rumah Rihat Kerajaan daripada dikenakan cukai?

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, semua fikiran-fikiran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang terhormat pada malam ini atas Rang Undang-undang ini akan dirujuk kepada Kementerian Kewangan dan saya memberi jaminan bahawa Kementerian akan memberi timbangan dan siasatan atas fikiran ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 13—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, dalam Fasal 2, iaitu pentafsiran. Yang pertama sekali di dalam naskah yang sah, iaitu naskah Bahasa Malaysia: “barang” termasuklah apa jua jenis makanan, minuman atau barang.” Inilah yang selalunya saya bergaduh, iaitu terjemahannya benda yang diterjemahkan itu serupa dengan benda yang menjadi penterjemahan. Apa erti “barang”? “Barang” itu ialah “barang”. Tetapi kalau kita tengok dalam naskah bahasa Inggerisnya adalah menasabah iaitu disebutkan di sini: “goods” includes every kind and type of food, drink or thing whatsoever”. Sepatutnya “barang” di dalam Bahasa Malaysianya: “barang” termasuklah apa jua jenis makanan, minuman atau benda”. Ini atau “barang” balik. Kalau saya bercakap nanti pihak Kerajaan mengatakan saya ini tidak mahu faham dan macam-macam lagi; tidak tahu apa yang dipinda.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Pengerusi, apakah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu dengan perkataan “barang” atau “benda” itu. Apakah perbezaannya?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat itu boleh ambil dictionary dan tengok apa dia “barang” dan apa dia “benda”. Dalam bahasa Inggeris—benda itu “things” dan barang itu ialah “goods”. Itu technical terms, Tuan Pengerusi.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Pengerusi, saya hendak tahu, apakah yang berlainannya Yang Berhormat Senator itu melihatkan kedua-dua takrif di dalam Bahasa Malaysia dan juga bahasa Inggeris. Apakah perbezaannya di antara kedua?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, bukan masalah atau perkara yang kita maksudkan itu di sini, dan bukan itu yang hendak kita pertengkarkan di sini. Apa yang dimaksudkan ialah perkataan “barang”

itu bila diberi takrif maka takrifnya ialah barang juga. "What is tali pinggang? Tali pinggang is tali pinggang". (*Ketawa*) Inilah perkara yang saya naksudkan itu dan bukanlah perkara itu banyak sangat.

Tuan Pengerusi: Apakah kemuskhilan Ahli Yang Berhormat?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, kemusykilannya ialah saya hendak tahu, inikah caranya Pejabat Peguam Negara membuat kerja terjemahan yang serupa? Apakah erti sikat, ialah sikat dan apa erti kepala, ialah kepala. Kalau begitu tidak dikehendaki pentafsiran. Makna tafsir ini ialah satu perkataan dan maknanya boleh diertikan bermacam-macam, kemudian kita tentukan apa dia. Jadi dalam naskah bahasa Inggerisnya kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang sudi membacanya barangkali beliau tidak bertanya saya, apa maksud kemusykilannya, sebab dalam bahasa Inggerisnya, "goods includes every kind and type of food, drink or thing whatsoever." Dan tidak dikatakan "goods whatsoever."

Datuk Athi Nahappan: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Senator Haji Abu Bakar Hamzah dengan sukahati mengambil perkara tafsiran dan takrif serta terjemahan. Tetapi kesemua Rang Undang-undang ini adalah disiapkan oleh pakar-pakar draftsman yang ada kebolehan, mengikut aturan dan prinsip draftsmanship yang takrif di sini adalah disiapkan. Kalau diizinkan, Tuan Pengerusi, saya ingin berucap di dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) A definition is a definition, and you don't write a statement about definition and it has got to be short and it has got to give some illustration. When it is commonly understood, you don't want to mention it. When you define "goods", you can mention hundreds and thousands of goods and if you write all those goods here, then you may have to write about 100 pages. So, that is not the way a Bill is drafted. We are all intelligent people here and the Honourable Senator also is intelligent enough. (*Ketawa*) We can have what we mean: "Goods" means, (a), (b) and (c) and stop there. One way of saying it is that it means three or four items, and that is a stricter way of defining whereas the other way of defining it is through parliamentary drafting procedure

done by qualified people: that is by showing illustrations or examples and, instead of saying 'goods' mean, we say "goods" include, and when we include, we don't include hundreds of goods but we only include the kind of goods that the Bill aims to cover. We don't want to include "motorcar" here; we don't want to include "aeroplane" here. If Ahli Yang Berhormat wants all these to be included, then I will have to reconsider about his thinking. Here, the object of the Bill is to cover certain types of goods, and the Bill merely sets an example of types of goods, namely, food and drink, and from here a discretion is given for the Minister to include what is known as "the family of goods", namely—in law it is said *ejusdem generis*—the family of the mass subject matter.

"Whatever" here means

Tuan Pengerusi: Goods and the services.

Datuk Athi Nahappan: other goods connected with food and drink. These are all rules connected with legal draftsmanship, and of course, since the Honourable Senator has yet to go to University to study law, he subjects us to this infliction of having to listen to him everytime about *terjemahan* and interpretation, and, of course, he has got the right to raise it and we have the duty to reply. This is perfectly all right from the drafting point of view, and any man of common sense can understand this and if he is not able to understand, then I am afraid nobody can help him—only God can! (*Ketawa*)

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya disalahfahamkan. Yang saya maksudkan di sini, bukanlah saya hendak kesemua perkara itu dimasukkan, ini sebagai example, satu pun cukup. Tetapi yang saya tidak mahu ialah perkataan "barang" dan kemudian diterjemahkan dengan "barang" juga, itu yang saya tidak mahu. Sedangkan dalam bahasa Inggeris perkataan "goods" asalnya dikatakan "things" dan tidak dikatakan "goods". Itu yang saya maksudkan. Bukan saya hendak sebutkan, barang mesti dimasukkan sampai seratus.

Yang kedua, walaupun saya belum pergi belajar undang-undang, tetapi itu satu percakapan yang saya rasa tidak patut keluar daripada seorang Ahli Yang Berhormat yang mempunyai tanggungjawab dan timbang rasa

di dalam Dewan ini. Kerana mengikut fahaman saya, kita menghormati expert atau orang-orang yang pandai membuat undang-undang. Tetapi, Rang Undang-undang ini selagi tidak diluluskan, dia bukan Rang Undang-undang. Menteri itu sendiri pun tidak berhak berpegang dengan Undang-undang ini. Bukan orang ini sahaja. Yang demikian Menteri ini cuba hendak mengajak saya masuk ke sebuah Universiti Undang-undang yang tidak kena pada tempatnya dan saya tidak akan masuk ke Universiti Undang-undang yang semacam itu, selagi dalam proses menentukan undang-undang Menteri sendiri pun tidak boleh berpegang dengan ini, bagaimana dia berpegang dengan ini menyatakan expert kita ada dibelakang. Ini tidak ada kena-mengena dengan third person antara Kerajaan dengan Dewan ini. Kalau hendak letakkan di sana, inilah menyebabkan negara kita penuh dengan apa yang dikatakan unofficial delegated legislation, yang adanya itu kita delegated legislation kepada Menteri. Sekarang ini Timbalan Menteri Undang-undang kita beri kita pula delegated legislation kepada pegawai-pegawai di belakang. Ini satu pendirian yang takut terhadap kenyataan.

Tuan Pengerusi, saya bukan sahaja menegur dalam perkara ini sebagaimana dirasakan oleh Timbalan Menteri Undang-undang kita, iaitu saya suka sangat kacau perkara-perkara yang kecil. Ada lagi perkara yang akan saya tegur di dalam Rang Undang-undang ini.

Fasal 1 hingga 13 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 14 hingga 28—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, sebagai seorang yang belum pergi lagi dalam Universiti Undang-undang, saya menarik perhatian seorang Menteri kita yang sudah lulus dalam perkara undang-undang, iaitu Fasal 17, barangkali kalau saya baca dalam bahasa Inggeris lebih terang lagi, malangnya, saya tidak bawa dictionary di sini, tetapi bolehlah saya bacakan iaitu Fasal 17.

Where service tax or penalty is due and payable by—

- (a) a company (satu syarikat)
- (b) a firm; or (satu firma; atau)

(c) an association of persons, (satu persatuan orang-orang).

Tuan Pengerusi, perkara ini bersabit dengan takrif, sebab itu saya suka sangat tafsiran ini, dan saya hendak faham di dalam takrifnya, apa erti “orang”—“person”. Di sini dalam bahasa Melayu disebut, orang termasuklah orang perseorangan “sesuatu firma” “sesuatu persatuan orang-orang”, “suatu syarikat” dan “mana-mana orang lain di sisi undang-undang”. Jadi hendak dicari satu-satu perkataan yang specific sebagai misal, kemudian luaskan balik.

Tuan Pengerusi, mengapa di bawah Fasal 17 ini kita ada tiga Huraian sahaja iaitu:

- (a) a company
- (b) a firm; or
- (c) an association of persons,

Mengapa kita tidak tambahkan (d) “any other judicial”? Sebab kita ada orang yang dipandang dari segi undang-undang. Kalau sekiranya kita kurangkan takrif ini, dan kita tidak masukkan di bawah takrif ini, mungkin terhad kepada tiga jenis itu sahaja sedangkan dalam Undang-undang kita “person” itu dalam bahasa Inggeris “person” includes an individual; a firm, or an association of persons; a company and every other judicial person. Mengapa kita tidak masukkan itu? Saya mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri Undang-undang menerangkan.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Pengerusi, perkataan-perkataan ini adalah mengikut undang-undang:

- (a) a company—ialah satu syarikat didaftarkan di bawah Akta Kompeni, 1965;
- (b) a firm—ialah biasanya bermakna satu perkongsian atau partnership; boleh juga disebut proprietorship.

Kalau partnership, undang-undang perkongsian ada kena-mengena. Kalau proprietorship, undang-undang proprietorship sahaja. Kalau an association of persons—adalah diperuntukan di sini untuk melibatkan pertubuhan-pertubuhan barangkali yang diberi layanan-layanan kepada ahli-ahlinya, seperti club, golf club dan sebagainya. Di bawah Fasal 17 ini semuanya disebutkan untuk penjelasan.

Fasal 14 hingga 28 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 29 hingga 40 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Fasal 41 hingga 52 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali Yang Ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PERJUDIAN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.55 *mlm.*

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta bagi meminda Cukai Perjudian, 1972" dibaca bagi kali yang kedua.

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta Cukai Perjudian, 1972 untuk membolehkan cukai perjudian dikenakan atas wang yang dibayar bagi "chip" atau lain-lain barang yang digunakan untuk membuat pertaruhan. Fasal 2 Rang Undang-undang itu memberi peruntukan bahawa jumlah wang yang dibayar kepada pengusaha perjudian bagi "chip" atau lain-lain barang untuk digunakan sebagai pertaruhan atau pelaburan akan disifatkan sebagai jumlah yang dibayar bagi suatu pertaruhan atau pelaburan. Dengan pindaan ini cukai perjudian boleh dikutip atas pemain-pemain judi yang mengambil bahagian dalam berbagai jenis perjudian di kesino yang menggunakan "chip".

Cukai ini akan dikutip ketika seseorang membuat bayaran kepada pengusaha perjudian bagi "chips" atau lain-lain barang. Peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang pindaan ini akan berkuatkuasa pada satu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri Kewangan di bawah Fasal 1 dalam Rang Undang-undang ini melalui suatu pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

9.00 *mlm.*

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil ini dan memberikan pandangan saya. Saya berpendapat judi di negara kita yang bermaharajalela pada hari ini sudah patut diansur supaya dihapuskan, tinggalkan satu sahaja iaitu penjualan Social Welfare Lottery Ticket, kerana ini ada memberi faedah kepada negara dan rakyat selain dari itu tidak.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu kepada Kerajaan, pada masa akan datang apa-apa yang hendak dibuat atau dijalankan oleh Kerajaan hendaklah memikirkan yang dibuatnya itu adakah akan memberi faedah kepada semuanya, iaitu Kerajaan dan rakyat—Melayu dan yang bukan Melayu. Saya sudah lama memerhatikan perkara ini. Saya dapati judi yang dijalankan di negara kita pada hari ini mendapat keuntungan pada negara, tetapi memiskinkan orang-orang bumiputra dan mengkayakan orang-orang yang bukan bumiputra. Dengan perjudian menjadi-jadi di negara kita hari ini, saya suka memberi tahu Dewan ini, banyak orang bumiputra sudah papa dan miskin, bercerai-berai dengan isteri dan anak-anaknya kerana judi. Sebab apa? Judi pada orang Islam tidak dihalaikan oleh Tuhan. Tuhan murka dan tiap-tiap kali orang-orang bumiputra main judi sudah tetap kalah, tetapi kalau orang bukan bumiputra main judi, mesti menang, sebab Tuhan izinkan pada mereka bermain judi. Judi tidak boleh menolong orang bumiputra dan sudah patut difikirkan supaya beransur-ansur diberhentikan.

Saya tahu Kerajaan banyak mendapat untung dari cukai judi, tetapi akibatnya orang-orang bumiputra yang tidak diizinkan oleh Tuhan main judi menyusahkan dan membuat purak-peranda dan Kerajaan juga yang susah. Kita tahu pada masa ini berjuta-juta ringgit Kerajaan telah menolong orang-orang Melayu, tetapi masih lagi tidak cukup. Sebab perkara-perkara tidak diizinkan Tuhan, kita jalankan di negara kita ini satu darinya kita benarkan rakyat berjudi.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan saya pada Bil ini dan saya berharap kepada Kerajaan akan memikirkan semula perjalanan judi di negara kita. Kalau akan memberi faedah kepada semua rakyat, jalankan;

kalau tidak, tolong berhentikan. Kita mahu semua rakyat mendapat faedah bukan sebahagian rakyat sahaja dan akhirnya saya menyokong Bil ini untuk diluluskan.

9.04 mlm.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) yang ada di hadapan kita ini.

Kebetulan pula Rang Undang-undang ini kita bahaskan pada waktu malam dan ini

kecil atau besar. Tetapi yang kita harapkan agar Kerajaan mengawalinya supaya tidak merusakkan akhlak rakyat dalam negeri ini dan tidak juga menjadikan keseluruhan rakyat ini berjudi. Dengan hasil judi ini juga Kerajaan mendapat cukai untuk menyelenggarakan negara dan memberi faedah kepada rakyat.

Saya tidak suka sentoh bahawa dari segi Islam judi itu memang haram, walau apa bentuk sekalipun. Tetapi pada sebuah negara, pada kehendak manusia, kalau mereka berjudi yang tidak dibalakan oleh Kerajaan

9.15 mlm.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya daripada Alif sampai Ya, daripada A sampai Z, maka saya tidak menyokong sebarang undang-undang yang merupakan undang-undang yang membenarkan perjudian di dalam sesebuah masyarakat.

Dalam Dewan ini, saya tidak dapat hendak berkata apa kerana Kerajaan yang memerintah sekarang ini memandang bahawa perjudian ini salah satu sumber untuk mencari wang dan mungkin Kerajaan yang percaya kepada dasar yang seperti ini mereka memandang bahawa tujuan yang dimaksudkan daripada judi ini untuk mencapai sesuatu kebaikan iaitu kaedahannya dan lazimnya ialah ends justify the means. Kalau kita hendak membuat satu-satu perkara itu baik, dengan tidak dipedulikan samada ia haram, hudoh, elok dan sebagainya asalkan kita boleh pergi ke sana. Bagi saya tidak boleh end justifies the means, ertinya kalau kita mempunyai satu tujuan biarlah jalannya juga tertentu dan bagi tujuan yang baik hanya boleh tercapai dengan jalan yang baik. Tidak ada di dalam pengertian ethics and morality iaitu satu-satu tujuan yang baik itu boleh tercapai dengan jalan yang jahat atau yang tidak elok.

Tuan Yang di-Pertua, saya kata begitu ialah semalam kita mendengar seorang sahabat kita mengatakan bahawa rakyat melalui Kerajaan telah berkorban berjuta-juta ringgit untuk belanja pelajaran tinggi di universiti-universiti yang saya walaupun tu tetap masih ingin lagi belajar ke universiti. Misalnya, sebuah universiti itu memakan belanja lebih besar daripada Negeri Perlis, lebih besar daripada Negeri Trengganu sedangkan populationnya berganda-ganda

universiti. Pada tahun 1974 sebanyak \$70.5 million. Ini hasil kita dari revenue judi, dan pada tahun ini dianggarkan sebanyak \$75.5 million. Ertinya, janganlah kita bangga bahawa kita berkorban kepada universiti tinggi, tetapi sebenarnya dengan wang yang terkutuk oleh Tuhan dan dikutuk oleh semua ugama dan oleh sesiapa juga manusia yang cintakan morality dan ethics, itulah yang Kerajaan kita belanjakan untuk pelajaran tinggi. Ini satu perkara yang amat memalukan dan cukup memalukan.

Saya tidak dapat juga hendak bersetuju walaupun kecil iaitu kita membiarkan judi Loteri Kebajikan Masyarakat itu dijalankan kononnya ini memberi faedah. Masalahnya, tidak ada satu barang dalam dunia ini yang tidak ada faedah Membunuh orang pun ada faedah, tetapi bahayanya lebih besar daripada faedah ini. Jadi yang mahu sekarang ini ialah Kerajaan kita, kita sendiri termasuk diri saya sendiri mengakui bahawa negara kita ini sangatlah bertuah, makmur naturenya kaya dengan segala-galanya, maka sepatutnya kita mestilah berusaha menggunakan (utilise) kekayaan negara kita sebaik-baiknya, bukanlah dengan hendak mencari kekayaan dengan jalan-jalan yang hina semacam ini.

Di sini saya tegaskan bahawa apabila ada perjudian dalam dunia, banyakkah service dalam dunia ini, service yang tidak dapat diberikan tafsirannya tadi. Service ini, Tuan Yang di-Pertua, senyumpun boleh dikatakan service juga. Kalau kita beri seribu ringgit misalnya kepada Yang Berhormat Menteri Keadilan kita supaya dia senang hati, mungkin dia tidak mahu, tetapi kalau saya senyum kepadanya, maka dia senyum balik, walaupun harga senyum yang diterimanya

9.22 *mlm.*

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini kerana ada satu tujuan yang mulia. Walaupun perjudian ini dikutuk oleh apa juga ugama ataupun Tuhan, tetapi Kerajaan yang memerintah satu-satu negara itu untuk menjaga keamanan negara ini patut membuat satu undang-undang, walaupun jiwa masing-masing tidak bersetuju.

Kalau sekiranya dibiarkan perjudian ini dan tidak dikawal dengan undang-undang, maka judi ini akan ada juga dalam negara kita ini, misalnya, sebelum wujud 4 Ekor, keluar 3 Ekor, sebelum 3 Ekor sudah wujud pengusaha-pengusaha judi haram yang tidak berlesen. Banyak juga orang-orang kita yang pergi membelinya.

Saya berpendapat bahawa segala cukai apa juga cukainya samada cukai arak, cukai babi, cukai judi, manakala telah dimasukkan ke dalam Perbendaharaan Kerajaan, telah menjadi halal, walaupun barangkali saudara saya Ustaz Abu Bakar Hamzah mungkin bersetuju dengan saya, tetapi sengaja dia sahaja hendak bercakap dan menentang.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Saya tidak bersetuju, I stand to what I have said.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak bersetuju dengan apa yang dicadangkan oleh rakan saya Datuk Haji Ahmad Arshad supaya casino itu diadakan beberapa banyak lagi, kerana cukuplah dengan satu casino yang ada itu sahaja dengan keadaan negara kita ini dan saya berharap Kerajaan dapat memungut cukai yang lebih tinggi kepada pengusaha-pengusaha perjudian itu supaya boleh tidak menggalakkan lagi orang ramai bermain judi.

Berkenaan judi 4 Ekor yang barangkali banyak bumiputra yang beragama Islam yang telah terlibat. Saya berserulah kepada mereka yang terlibat itu tolonglah berhentikan daripada mengambil lesen menjadi pengusaha judi 4 Ekor itu. Kesalahan yang sudah itu, tolonglah berhentikan atau patahlah balik, kerana ini melibatkan diri sendiri. Tetapi mengenai cukai judi itu, kalau sudah

masuk di dalam Perbendaharaan Kerajaan, wang itu telah menjadi halal.

Saya menyokong Rang Undang-undang ini.

9.25 *mlm.*

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bercakap sedikit berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ustaz Abu Bakar Hamzah yang memberikan pandangannya di dalam Dewan ini.

Saya rasa beliau sangat-sangatlah silap mengeluarkan satu pandangan yang sangat buruk terhadap wang judi dan dibandingkan wang judi ini untuk menanggung perbelanjaan murid-murid sekolah, penuntut-penuntut universiti. Kalaulah beliau hendak membandingkan wang judi ini menanggung murid-murid sekolah kita yang ada pada hari ini, kenapa beliau tidak boleh membandingkan wang judi ini untuk membayarkan elaun termasuk beliau sendiri, kerana wang judi yang menjadi hasil Kerajaan ini telah menjadi hasil Kerajaan dan daripada hasil Kerajaan itu telah membayar segala perbelanjaan Kerajaan, termasuklah siapa juga yang mendapat hasil daripada Kerajaan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan tentang tuduhan itu.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Saya tidak beri jalan. Untuk menerangkan lebih lanjut beliau telah berkata dengan wang judi ini boleh menanggung murid-murid yang ada dalam negara kita ini. Ini adalah menggambarkan satu keburukan yang sangat besar kepada Kerajaan, maknanya Kerajaan kita ini tidak dapat menanggung murid-murid kalau tidak kerana wang judi. Jadi wang judilah yang menanggung pelajaran murid-murid sekolah sekarang ini, dan beliau sebagai seorang Ahli Dewan telah berkata bahawa Kerajaan akan hancur dan sebagainya. Saya berasa dukacita sedikit kerana beliau menggunakan perkataan "bahawa negara kita akan hancur" walaupun beliau tak pernah ucapkan waktu beliau berada di kerusi Kerajaan dahulu. Apabila beliau telah berada di luar kerusi Kerajaan dan bila tidak dikehendaki oleh rakyat apabila beliau bertanding maka

ia telah tidak diundi oleh rakyat, maka barulah beliau berdiri sebagai seorang jaguh yang menunjukkan kehandalannya dengan mengatakan Kerajaan ini tidak betul, Kerajaan ini buruk, Kerajaan ini akan hancur dan segala undang-undangnyanya tidak betul, bahkan penterjemahan pun salah. Tetapi pada masa dahulu beliau sendiri yang membawa Rang Undang-undang yang sama yang berupa terjemahan juga dan tidak pernah kita dengar beliau mengkritik undang-undang dan terjemahan itu tidak betul pada masa itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: On a point of order. Beliau boleh katakan apa juga kepada saya, tetapi saya tidak mahu disebut saya berkata dalam Dewan ini apa yang saya tidak kata, misalnya, Rang Undang-undang, saya tidak pernah membawanya ke dalam Dewan ini mengikut khidmat saya. Jadi mengatakan benda yang tidak berlaku, ini hanya keluar daripada orang-orang yang patut dipersiumankan lagi cara bercakapnya.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sebagai seorang Ahli Dewan, kita bercakap mengikut tata-tertib dan mengikut cara percakapan yang siuman. Saya terpaksa bercakap, sebagai seorang Ahli bebas memberikan pandangan sebagaimana juga Ahli-ahli yang lain dalam Dewan ini, sebagaimana juga beliau menunjukkan kebebasan beliau dalam mengeluarkan pendapat dan percakapannya dalam Dewan ini. Kalau kita sanggup memberi maka sepatutnya sangguplah pula menerima. Kalau kita sanggup mengata, maka kita patut sanggup mendengar daripada apa yang dikatakan. Dalam hal ini, saya rasa kesabaran beliau itu lebih perlu dalam perbincangan Dewan yang seumpama ini. Kalau beliau tidak sanggup bersabar, maka tidak perlu beliau mengeluarkan perkataan sindiran dan sebagainya kepada Kerajaan maka kami bagi pihak Kerajaan sanggup memberi, menjual atau membeli cabaran itu. Jadi itulah sebabnya sebagai Ahli Dewan, maka kalau kita sanggup mengata, maka kita patut sanggup mendengar apa yang dikata. Ini ada baiknya bagi Ahli Dewan dalam perbincangan kita. Saya sebagai Ahli dari pihak Kerajaan dan beliau pihak Pembangkang yang mana beliau mengaku beliau adalah Pembangkang, pada hal beliau sepatutnya bukan Pembangkang, beliau datang ke Dewan ini dilantik oleh Kerajaan Kelantan

yang pada masa ini Negeri Kelantan telah tidak mengakui yang beliau sebagai wakil daripada Kelantan. Sepatutnya beliau berhenti daripada Ahli Dewan ini kerana tidak lagi diakui oleh sebuah Kerajaan, tetapi oleh kerana peraturan Parlimen kita, beliau masih lagi diteruskan tempohnya (term) maka dibenarkan bercakap, tetapi janganlah bercakap itu melampaui sebagai seorang Pembangkang yang tidak siuman, yang tidak membina

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, on a point of order. Saya minta ruling daripada Tuan Yang di-Pertua, iaitu betulkah Kerajaan Negeri Kelantan tidak mengakui saya sebagai Senator?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya bertanya kepada Ahli Yang Berhormat, on a point of order nombor berapa?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Kalau begitu, saya serahkan balik kepada Majlis ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kalau tidak, saya tidak benarkan. Sila duduk.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja sebagai menjawab teguran Ahli Yang Berhormat itu dan saya seorang yang bertimbang rasa oleh kerana beliau terlampau sibuk untuk mendapatkan point of order, tak apalah, saya tamatkan ucapan saya.

9.32 m/m.

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, pada fahaman dan fikiran saya, Ahli-ahli Yang Berhormat ada sedikit salah faham di atas tujuan Rang Undang-undang ini. Tujuan Rang Undang-undang ini bukanlah untuk menggalakkan perjudian dalam negeri ini. Pada masa sekarang ini sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat mengetahui ada beberapa undang-undang berkenaan dengan perjudian.

Tujuan Undang-undang ini sebenarnya ialah untuk mengawal supaya perjudian dalam negeri ini boleh diadakan kawalan yang ketat oleh pihak-pihak yang berkenaan dan tujuan hendak membuat pindaan kepada Akta Cukai Perjudian yang telah dikemukakan pada malam ini ialah bertujuan supaya

mengawal dan juga hendak menumpukan perhatian kepada individu-individu yang pergi ke casino supaya mereka membayar cukai atas pertaruhan mereka di dalam casino. Inilah tujuannya supaya ada sedikit-sebanyak halangan, bukan untuk menghalang. Harapan Kerajaan ialah supaya orang-orang itu tidak masuk sahaja ke tempat perjudian dan bermain judi tanpa apa-apa halangan atas bayaran cukai. Kalau ini boleh mengurangkan orang-orang yang bermain judi, Kerajaan adalah mengalu-alukan. Kita semua tahu bahawa pada masa sekarang ini ada institusi-institusi yang dibenarkan untuk menjalankan perjudian dan cukai seperti ini khasnya dan harapan Kerajaan ialah boleh menolong orang-orang yang hendak bermain judi. Inilah tujuan Kerajaan yang sebenarnya.

Dengan ini saya sukalah memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi fikiran yang sesuai bahawa Kerajaan akan menimbangkan pandangannya pada masa hadapan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 dan 2—

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya merayu kepada Kerajaan supaya memotong langsung Fasal 1 dan 2 ini.

Fasal 1 dan 2 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.37 malam.

JAWAPAN-JAWAPAN BERTULIS

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Kompleks Kebudayaan Kebangsaan

1. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) bilakah bangunan Kompleks Kebudayaan Nasional di Kuala Lumpur akan siap dibina dan berapa jumlah anggaran belanjanya; dan
- (b) adakah Kompleks ini akan menyediakan ruangan khas bagi setiap negeri di Malaysia untuk memperlihatkan jenis-jenis kebudayaan dan keseniannya, atau samada untuk diisi dengan jenis kebudayaan, kesenian dan karya-karya oleh para seniman yang ada di Kuala Lumpur sahaja.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Ali bin Haji Ahmad):

- (a) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pembinaan kompleks Kebudayaan Kebangsaan yang dicadangkan itu telah ditangguhkan buat beberapa ketika memandangkan keadaan inflasi sekarang. Walau bagaimanapun usaha-usaha bagi membina kompleks Kebudayaan Kebangsaan ini diteruskan secara berperingkat. Peringkat pertama bagi menyediakan ruang-ruang untuk latihan, demonstrasi, bengkel, seminar, pertunjukan dan pameran yang sederhana bagi segala bidang seni akan disediakan pada hujung tahun 1975. Pembinaan panggung-panggung diharap akan dimulakan pada akhir tahun 1976 atau awal 1977 dan dijangka siap dalam tahun 1979.

Anggaran Perbelanjaan bagi membina kompleks Kebudayaan Kebangsaan mengikut anggaran sekarang ialah 19.5 juta ringgit.

- (b) Kompleks ini tidak akan menyediakan ruang khas bagi setiap negeri di Malaysia untuk memperlihatkan jenis-jenis kebudayaan dan keseniannya. Apabila Kompleks ini siap nanti ianya akan mempunyai beberapa theater dan kemudahan-kemudahan lain yang boleh

digunakan bagi segala pertunjukan dan kegiatan kebudayaan kita dari semua negeri.

KEBUDAYAAN NASIONAL

2. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan samada terdapat apa-apa usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian ini untuk mengkaji dan mengumpulkan semua bahan-bahan sejarah, budaya dan seni di Sabah, untuk mewujudkan suatu Kebudayaan Nasional, sebagaimana yang telah diputuskan dalam Kongres Kebudayaan yang diadakan di Universiti Malaya beberapa tahun yang lalu, dan jika tidak, mengapa.

Datuk Ali bin Haji Ahmad: Usaha-usaha ke arah mewujudkan kebudayaan nasional sebagaimana yang telah diputuskan dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan memang telah dijalankan oleh Kementerian ini melalui berbagai-bagai projek penyelidikan, penggalakan dan latihan kebudayaan.

Dalam usaha mengumpul dan mengkaji kebudayaan tempatan Kementerian ini telah menganjurkan antara lain penyelidikan dan pengumpulan bahan-bahan di peringkat Kementerian dan jabatan-jabatan negeri. Seminar-seminar juga diadakan seperti seminar Tradisi Lisan 1973, Bengkel Tradisi Lisan 1974 dan latihan teknikal alat-alat perakam yang mana peserta-peserta dari Sabah dan Sarawak juga turut serta.

Seorang Pegawai Kebudayaan dari Kementerian ini juga telah melawat beberapa tempat di Sabah untuk mengumpulkan lagu-lagu rakyat dan lagu-lagu kanak-kanak untuk dijadikan piring hitam. Projek ini sedang diselenggarakan terus.

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN ALAM SEKITAR

Panggung Wayang

3. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan:

- (a) jumlah bilangan panggung wayang di seluruh Malaysia dan dari bilangan ini, berapa buah yang masing-masingnya dimiliki oleh Shaw Brothers, Cathay, perseorangan bukan Melayu dan perseorangan Melayu; dan

(b) adakah Kerajaan bercadang untuk memberi kemudahan-kemudahan dan bantuan kepada Bumiputra untuk memilik panggung-panggung wayang di setiap bandar kecil dan besar di Malaysia; jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Datuk Ong Kee Hui):

(a) Jumlah bilangan panggung wayang di seluruh Malaysia yang dipunyai oleh:

(i) Shaw Brothers	81
(ii) Cathay	70
(iii) Perseorangan bukan Melayu	227
(iv) Perseorangan Melayu	15
Jumlah	393

(b) Oleh kerana tanggungjawab memberi kemudahan-kemudahan membantu bumiputra untuk memiliki panggung-panggung wayang di setiap bandar kecil dan besar di Malaysia bukanlah di bawah bidangkuasa Kementerian ini maka Kementerian sangat berdukacita tidak dapat menjawabnya.

Kebakaran

4. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan bilangan kejadian kebakaran di seluruh Malaysia setiap tahun sejak 5 tahun lalu; dan adakah Kerajaan bercadang mewajibkan setiap buah rumah di bandar-bandar dan sekitarnya di Malaysia mempunyai alat-alat pemadam api.

Datuk Ong Kee Hui: Bilangan kejadian kebakaran di seluruh Semenanjung Malaysia setiap tahun sejak lima tahun lalu adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Kejadian	Kerugian
1969 ...	2,732 ...	\$ 5,868,942
1970 ...	3,192 ...	12,392,802
1971 ...	3,767 ...	10,700,949
1972 ...	5,292 ...	21,911,525
1973 ...	3,509 ...	40,179,296
1974 (Jan.-Sept.) ...	3,758 ...	30,825,590

Kerajaan telahpun mewajibkan setiap buah rumah di bandar-bandar yang menjalankan perniagaan-perniagaan mempunyai alat-alat pemadam api dan juga di sekitarnya, tetapi tidak rumah-rumah kediaman sendiri.

Buku Melayu—Naskah Lama

5. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan:

- samada terdapat sebarang usaha yang telah diambil dan apa usaha yang akan dibuat oleh Kerajaan Malaysia, untuk mendapatkan kembali naskah-naskah lama buku Melayu yang sekarang ini tersimpan di berbagai perpustakaan awam dan perpustakaan universiti di luar negeri dan, jika tidak, mengapa;
- samada sebarang tindakan undang-undang telah diambil terhadap penerbit-penerbit di Malaysia yang didapati tidak patuh kepada Akta Pemeliharaan Buku-buku, 1966; dan
- samada Bibliografi Negara yang lengkap seluruh jadual buku-buku yang terbit di Malaysia telah diterbitkan, dan jika tidak, mengapa.

Datuk Ong Kee Hui:

- (1) Kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah untuk memperolehi terbitan-terbitan Melayu lama yang kini tersimpan dalam beberapa buah perpustakaan di luar negeri. Pertamanya, Kerajaan telah menubuhkan Perpustakaan Negara Malaysia dengan Akta Parlimen pada tahun 1972 dan telah memberi tanggungjawab kepadanya, antara lain, untuk:

“memperkembang dan menyenggara dengan cara membeli atau dengan cara lain satu kumpulan bahan-bahan perpustakaan di peringkat kebangsaan, termasuk satu kumpulan lengkap mengandungi bahan-bahan perpustakaan berhubung dengan Malaysia dan penduduk-penduduknya.”

- (2) Maka, sejak ia diwujudkan, Perpustakaan Negara telah berusaha untuk memperolehi secara pembelian atau hadiah bahan-bahan seperti ini dalam salinan asal atau dalam

salinan mikrofilem atau salinan xerox. Dalam perkara ini, Perpustakaan Negara menyelaraskan usahanya bersungguh-sungguh dengan perpustakaan-perpustakaan Universiti yang juga giat memperolehi bahan-bahan Malaysiana lama.

- (3) Perolehan bahan-bahan Malaysiana lama dengan sempurna adalah projek jangka masa panjang kerana adalah perlu, bukan sahaja untuk menentukan tempat simpanan bahan-bahan yang dikehendaki itu, bahkan juga untuk memesan salinan mikrofilem atau xerox dan pembekalan ini selalunya memakan masa. Perpustakaan-perpustakaan di luar negeri enggan menghadiahkan bahan-bahan tersebut kerana mereka juga telah memperolehinya dengan harga yang mahal.
- (b) Sejak kelulusan *Akta Pemeliharaan Buku-buku, 1966* penerbit-penerbit di Malaysia telah mengirinkan dua naskah tiap-tiap terbitan mereka untuk simpanan di Perpustakaan Negara. Kadangkala ada penerbit-penerbit yang kecil yang gagal mengirinkan terbitan mereka kerana mereka tidak tahu peruntukan ini di bawah undang-undang tersebut. Kepada mereka, Perpustakaan Negara mengirinkan peringatan-peringatan dan sambutan mereka adalah memuaskan. Oleh yang demikian, tidaklah perlu mengambil sebarang tindakan undang-undang terhadap mereka.
- (c) Bibliografi Negara Malaysia yang disusun mengikut piawai yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa, telah diterbitkan sejak tahun 1967 dan memberi butir-butir bibliografi penuh berkenaan terbitan Malaysia yang diterima di bawah undang-undang pada sesuatu tahun. Keluaran Bibliografi Negara Malaysia yang berasingan telah diterbitkan untuk tempoh 1967-1971. Keluaran untuk 1972 adalah dalam percetakan dan keluaran untuk 1973, dijangka akan dikirim untuk percetakan menjelang pertengahan bulan Disember, 1974. Mulai 1975, Bibliografi Negara Malaysia dijangka akan dikeluarkan secara bibliografi kini.

KEMENTERIAN KERJA RAYA DAN PENGANGKUTAN

Leboh Raya di Sabah

6. **Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed** minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapa batukah Leboh Raya Persekutuan yang telah dibina dan ditar di Sabah, dan berapa batu lagikah yang akan dibina dan ditar dalam jangka 5 tahun yang akan datang; dan
- (b) bilakah kerja ke atas Leboh Raya dari—
- (i) Sedumin ke Kudat;
 - (ii) dari Ranau ke Pensiangan;
 - (iii) dari Ranau ke Kota Marudu;
 - (iv) dari Sepulut ke Lahat Datu; dan
 - (v) dari Sandakan ke Tawau, akan siap.

Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):

- (a) Tidak terdapat Leboh Raya Persekutuan di Negeri Sabah dan semua jalan-jalan di negeri itu adalah dikelaskan sebagai Jalanraya-jalanraya Negeri. Pada masa ini terdapat 900 batu jalan-jalanraya di Negeri Sabah yang mana 316 batu telah disempurnakan sementara 610 batu siap dibubuh batu gravel. Dalam masa 5 tahun yang akan datang, dianggarkan sepanjang 492 batu jalan-jalanraya akan dibinakan dan diperbaiki.
- (b) (i) Saya percaya jalanraya Sedumin-Kudat Yang Berhormat itu maksudkan ialah Jalanraya Pantai Barat. Adalah dijangkakan bahawa jalanraya Pantai Barat panjangnya 225 batu itu akan disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.
- (ii) Jalan batu gravel dari Ranau ke Tambunan, Keningau dan ke Pandewan sepanjang 146 batu telah dibenakan di akhir Rancangan Malaysia Pertama. Dalam Rancangan Malaysia Kedua sepanjang 19 batu lagi jalan ini telah dibinakan ke Sepulut. Kerja-kerja pembaikan jalan batu gravel Kelas I dari Keningau ke Sepulut dijangka akan disiapkan menjelang akhir 1975. Setakat ini tidak ada rancangan bagi menyambung jalan dari

Sepulot ke Pensiangan memandangkan kebanyakan penduduk-penduduk di Daerah Pensiangan termasuk yang tinggal di Daerah Pentadbirannya sedang dipindahkan ke Daerah Nabawan.

- (iii) Jalan di antara Ranau-Kota Belud-Kota Marudu telah dibina dalam masa Rancangan Malaysia Pertama. Dalam Rancangan Malaysia Kedua kerja-kerja telah dijalankan bagi menaikkan taraf bahagian-bahagian tertentu jalan tersebut ke taraf jalan batu 'gravel' Kelas I umpamanya dari bahagian jalan antara Kota Marudu dengan Kota Belud melalui Langkon, termasuk membubuh bitumin di bahagian jalan antara Kota Belud-Siquati. Kerja-kerja ini dijangka akan siap dalam tahun 1975. Di samping itu kerja-kerja pembaikan sedang juga dijalankan oleh Overseas Mineral Resources Development ke atas jalan di antara Ranau ke Kota Belud.
- (iv) Setakat ini belum ada rancangan untuk membina jalan yang menghubungkan terus Sepulot dengan Lahad Datu.
- (v) Kerja-kerja pembinaan jalan yang akan menyambungkan Sandakan dengan Tawau dijangka akan siap menjelang akhir tahun 1976.

Kemalangan Jalan Raya

7. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan bilangan orang yang mati dan cedera dalam kemalangan jalanraya di seluruh Malaysia yang telah dilaporkan kepada Polis sepanjang tahun 1973; dan apakah langkah-langkah Kerajaan yang lebih berkesan untuk mengurangi bilangan kemalangan jalanraya di Malaysia.

Datuk Haji Abdul Ghani Gilong: Bilangan kemalangan jalanraya dan orang yang mati dan cedera dalam tahun 1973 di Malaysia adalah seperti berikut:

<i>Kemalangan</i>	<i>Kematian</i>	<i>Kecederaan</i>
45,281	2,049	19,141

Saya memang memandang berat terhadap kemalangan jalanraya yang melibatkan kematian dan kecederaan di negara kita ini. Dalam hal ini Kementerian saya senantiasa mencari

jalan yang sesuai untuk mengatasi masalah ini. Usaha-usaha ini akan terus diambil supaya tindakan kuatkuasa oleh Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan dapat dijalankan dengan lebih licin lagi dengan menambah pegawai-pegawai penguatkuasa, kenderaan-kenderaan ronda polis dan kelengkapan-kelengkapan radar dan juga membina alat-alat penimbang lori berat.

Perhatian juga diberi bagi memperbaiki lagi keadaan jalanraya dari masa ke samasa di mana yang perlu. Di samping itu Majlis Keselamatan Jalanraya Malaysia di Kementerian saya akan terus berusaha menjalankan kegiatan-kegiatan kempen untuk memberi nasihat dan kesedaran kepada pengguna-pengguna jalanraya supaya berwaspada selalu di jalanraya.

KEMENTERIAN KESIHATAN

Hospital Queen Elizabeth/Hospital di Marudu

8. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilakah Hospital Ratu Elizabeth di Kota Kinabalu akan diperbesarkan;
- (b) adakah beliau sedar bahawa sudah 12 tahun lamanya kebanyakan pesakit-pesakit ditempatkan di luar ruangan wad kerana tak cukup tempat; dan
- (c) bilakah Kerajaan bercadang untuk mendirikan hospital-hospital yang lengkap alat-alatnya dan cukup doktornya di Kota Marudu, Sipitang, Tambunan dan Beluran.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):

- (a) Pelan bangunan untuk memperbesarkan Hospital Queen Elizabeth sudah siap. Pelan-pelan ini akan dikemukakan kepada pihak yang berkuasa Lembaga Bandaran, Kota Kinabalu sebaik sahaja pelan-pelan saluran najis (sewerage) dan pelan-pelan parit siap disediakan.
- (b) Semua pesakit-pesakit yang dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu adalah ditempatkan dalam wad. Ada kalanya katil-katil pesakit perlu ditambah di dalam wad kerana katil-katil pesakit yang ada tidak mencukupi.
- (c) Hospital baru di Kota Marudu akan dipertimbang untuk dimasukkan ke

dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Kajian-kajian permulaan sedang dibuat oleh Jabatan Perubatan Sabah dan Jabatan Perubatan Sabah telah memohon supaya satu tapak seluas 25 ekar dikhas untuk projek ini dalam kawasan bandar baru Kota Marudu yang dicadangkan itu. Mengenai hospital baru di Sipitang projek ini akan dipertimbangkan untuk dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Kajian-kajian permulaan sedang dijalankan. Mengenai hospital daerah baru di Beluran kerja-kerja menyediakan tapak sedang berjalan sekarang dan tawaran untuk mendirikan bangunan-bangunan hospital dan rumah-rumah kakitangan akan dikeluarkan tidak berapa lama lagi.

Jemaah Haji—Rawatan Perubatan

9. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar bahawa kebanyakan ubat-ubat yang dibawa oleh Pegawai-pegawai Kesihatan untuk jemaah-jemaah Haji pada tahun 1973 tidak sesuai bagi penyakit yang dihidap oleh para jemaah ketika berada di Judah, Mekah dan Medinah; dan samada kekurangan pegawai-pegawai kesihatan Malaysia adalah sebahagian daripada sebab-sebab yang menyebabkan jumlah kematian jemaah haji meningkat hampir 300 orang, dan jika ya, apakah usaha-usaha Kerajaan supaya kejadian seperti ini tidak berulang lagi di masa hadapan.

Tan Sri Lee Siok Yew: Inden ubat-ubat untuk kegunaan Rombongan Perubatan Malaysia ke Tanah Suci adalah dibuat oleh Ketua Rombongan Perubatan. Sejak beberapa tahun yang lalu dan juga bagi Musim Haji Tahun 1974/75 (1394 Hijrah) Ketua Rombongan Haji ialah Dr Haji Ahmad Othman seorang Pegawai Kanan di Kementerian Kesihatan. Beliau mempunyai pengalaman yang luas dan mahir dengan keadaan di Tanah Suci. Ubat-ubat yang digunakan adalah keluaran yang terbaharu dan sejauh yang diketahui sesuai dengan keadaan di

Mekah. Walaupun kemudahan Perubatan di sediakan di Tanah Suci tetapi terdapat juga Jemaah-jemaah Haji dari Malaysia yang hanya berjumpa dengan doktor-doktor setelah mengidap penyakit yang agak terok.

Dalam Musim Haji Tahun 1973/74 (1393 Hijrah) seramai lebih kurang 12,983 bakal Haji dari Malaysia telah menunaikan fardhu Haji dan kematian bakal-bakal Haji Malaysia di Tanah Suci ialah 272 orang. Dari angka ini 104 orang meninggal dunia di Hospital Rombongan Malaysia di Mekah. Mengikut laporan faktor utama kematian adalah disebabkan lanjut usia dan kesihatan kurang baik Jemaah Haji dari mula lagi.

Kementerian Kesihatan dan juga Lembaga Urusan dan Tabung Haji sentiasa mencari jalan untuk memberi segala kemudahan-kemudahan yang diperlukan oleh Jemaah-jemaah Haji termasuklah juga dalam bidang perubatan semasa berada di Tanah Suci. Dalam Musim Haji Tahun 1974/75 (1394 Hijrah) ahli-ahli Rombongan Perubatan Malaysia ke Tanah Suci telah ditambah menjadikan jumlah seramai 89 orang.

KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

Keretapi Tanah Melayu—Kerugian-Kakitangan

10. Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) beberapa banyakkah kerugian yang dialami dan keuntungan yang diperolehi oleh Keretapi Tanah Melayu dalam masa lima tahun yang lalu dengan memberikan angka-angka setiap tahun;
- (b) bilangan pegawai-pegawai dan kakitangan dalam Keretapi Tanah Melayu dan dari bilangan ini, berapa orangkah Bumiputra dan bukan Bumiputra; dan
- (c) samada terdapat di kalangan mereka yang bukan warganegara Malaysia dan jika ya, berikan jumlah bilangannya dan bilakah perkhidmatan mereka berakhir.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):

- (a) Jumlah kerugian yang dialami oleh Keretapi Tanah Melayu dalam masa 5

tahun yang lalu adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>		<i>Kerugian \$ juta</i>
1969	...	10.03
1970	...	12.84
1971	...	17.40
1972	...	7.48
1973	...	7.29
		<hr/>
		55.04 juta
		<hr/>

(b) Mengikut banci pada 1-7-74 Pegawai-pegawai dan kakitangan Keretapi Tanah Melayu adalah berjumlah 10,413 orang. Jumlah ini terdiri dari 5,364 orang Bumiputra dan 5,049 orang bukan Bumiputra.

(c) Kakitangan yang bukan warganegara Malaysia ialah seramai 199 orang dan jumlah yang akan bersara ialah 26 orang. Perkhidmatan mereka berakhir pada penghujung tahun ini dan tahun hadapan.